TOKOH-TOKOH MELAYU YANG AGUNG DALAM SEJARAH

RAJA MOHD AFFANDI



TOKOH-TOKOH MELAYU YANG AGUNG DALAM SEJARAH





TOKOH-TOKOH MELAYU YANG AGUNG DALAM SEJARAH

RAJA MOHD. AFFANDI

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR
1974



Siri Pengetahuan Umum DBP Bil. 28

Cetakan Pertama 1974

rencana kulit
Shahnan Abdullah

Dicetak oleh
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur.

$2.00



KANDUNGAN





Pengenalan

Pengaruh Manusia Agung Dalam Sejarah

Kita tidak boleh memahami keadaan masyarakat sekarang tanpa mengetahui sejarah masyarakat itu sebelumnya. Ini disebabkan sejarah merupakan rangkaian aktiviti manusia dan peristiwa suka duka dalam hidup bermasyarakat. Kesan tokok tambah aktiviti manusia dan peristiwa inilah yang terkumpul dan memberi rupa kepada sesuatu masyarakat pada masa ini.

Kalau masyarakat dianggap sebagai sehelai kain putih, aktiviti manusia dan peristiwa adalah merupakan campur aduk warna dan corak pada kain putih itu. Kalau lain warna dan corak, lainlah pula rupa kain itu akhirnya. Demikianlah ibarat masyarakat, perbezaannya ialah kerana lain aktiviti manusia dan peristiwa dalam sejarahnya.

Misalnya, Malaysia dan Indonesia. Kira-kira 400 tahun dulu masyarakat kedua-dua negara itu agak serupa iaitu masyarakat kampung yang bersistem politik fiudal, berugama Islam, mengikut adat turun-temurun dan rupa bangsanya adalah rupa bangsa Melayu. Tetapi sekarang, kerana Indonesia dijajah oleh Belanda dan mendapat kemerdekaan secara revolusi di bawah pimpinan Sukarno yang revolusioner, masyarakat Indonesia menjadi masyarakat yang mempunyai pemerintahan republik yang radikal dan sehingga tahun 1967, ia kurang stabil; undang-undangnya dipengaruhi oleh undang-undang Belanda, bahasanya dipengaruhi oleh bahasa Belanda dan rupa bangsanya adalah rupa bangsa Indonesia. Sebaliknya pula, Malaysia yang dijajah oleh Inggeris dan mendapat kemerdekaan secara berperlembagaan di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman yang liberal, mempunyai masyarakat yang berpemerintahan beraja di bawah perlembagaan yang stabil; undang-undangnya yang dipengaruhi oleh undang-undang Inggeris, bahasanya dipengaruhi oleh bahasa Inggeris dan rupa bangsanya adalah rupa bangsa Malaysia.



Demikian jugalah masyarakat Rusia berbeza dari masyarakat Amerika kerana Rusia mengalami Revolusi Komunis (1917) dengan jaguh-jaguh utamanya Lenin dan Stalin, manakala Amerika mengalami Revolusi Liberal (1776) dengan jaguh utamanya George Washington, Jefferson dan Abraham Lincoln kemudiannya. Masyarakat mana yang lebih baik tidaklah boleh kita tentukan — sejarah sajalah yang dapat menilai dan mengujinya — yang baik akan berpanjangan dan yang pincang akan pendek usianya.

Sejauh manakah seseorang manusia itu boleh mempengaruhi aliran sejarah masyarakatnya? Bolehkah seseorang pemimpin — dalam apa lapangan sekalipun — memainkan peranan positif, mempengaruhi aliran sejarah masyarakatnya ataupun adakah ia hanya merupakan faktor yang pasif sebagai boneka aliran zamannya? Sebagai contoh, sejauh manakah Sukarno mempengaruhi aliran gerakan kemerdekaan Indonesia ataupun ia hanya dibawa oleh aliran gerakan itu?

Perkara ini telah lama dibincangkan oleh ahli sejarah dan ahli sosioloji. Di satu pihak terdapat mereka yang berpegang kepada "Teori Manusia Agung dalam sejarah," iaitu seseorang manusia yang agung itulah yang mempengaruhi sejarah. Mereka ini muncul bila ada krisis besar dalam masyarakat dan Tuhan sengaja mengutuskan mereka untuk memimpin masyarakat itu kepada matlamat yang tertentu. Pelopor pendapat ini ialah Plutarch (46—120) ahli sejarah Greek, Thomas Carlyle (1795—1881) ahli sejarah Inggeris dan Ralph Waldo Emerson (1803—1882) pujangga Amerika. Plutarch telah menulis 50 riwayat hidup pemimpin Kerajaan Greek dan Empayar Rom serta menilai pengaruh mereka kepada zamannya.

Thomas Carlyle pula dalam bukunya *Hero and Heroworship* (Hero dan Pendewaan Kepada Hero) telah membincangkan pengaruh Nabi Muhammad, Oliver Cromwell, Dante, Napoleon dan sebagainya dalam sejarah. Carlyle menegaskan: "Sejarah dunia, iaitu sejarah apa yang manusia telah lakukan di dunia ini, pada dasarnya ialah sejarah manusia-manusia agung yang telah melaksanakan tugasnya. Merekalah pemimpin manusia, pembentuk, contoh dan pencipta apa yang manusia amnya cuba membuat atau telah mencapai. Semua yang kita lihat wujud dalam dunia ini ialah kesan lahir dari fikiran yang wujud dalam manusia agung yang diutus ke dunia ini. . ."

Emerson pula menegaskan bahawa semua institusi ialah



bayangan dari seseorang penganjur, misalnya demokrasi Amerika ialah bayangan dari George Washington, Jefferson dan Abraham Lincoln, manakala revolusi Perancis ialah bayangan dari Napoleon.

Tetapi kemajuan sains telah mula menidakkan "Teori Manusia Agung" ini. Herbert Spencer (1820—1903), ahli falsafah Inggeris, Francis Galton (1822—1911) ahli sosioloji Inggeris dan golongan sarjana yang digelar *environmentalists* berpendapat manusia yang dianggap agung itu hanya merupakan anak zamannya, iaitu seorang boneka yang hanya melahirkan hasrat manusia masyarakatnya. Jadi, bukan dia yang membentuk masyarakatnya, tetapi masyarakatnya yang membentuk dia.

William James (1842—1910), seorang ahli falsafah dan ilmu jiwa Amerika, mengambil jalan tengah. Ia berpendapat bahawa seseorang manusia agung memang ada bakat keagungannya dan dapat mempengaruhi masyarakatnya kalau kena pada ketikanya, sejajar dengan aliran dan kehendak masyarakat. Kalau mereka wujud bukan pada ketikanya, mereka akan kecewa dan ditolak oleh zamannya. Mereka adalah mendahului zamannya. Kalau sesuai dengan ketikanya, mereka akan disanjung oleh masyarakat dan sejarah. Orang yang agung adalah tuan serta hamba zamannya. Arnold Toynbee, ahli sejarah Inggeris pun berpendapat begitu.

Rasanya, pendapat William James dan Toynbee inilah yang dapat diterima. Misalnya penjajah-penjajah seperti Francis Light, Raffles dan Frank Swettenham adalah manusia agung di zaman penjajahan kerana merekalah yang membentuk sistem pemerintahan masyarakat penjajahan di Malaya (sekarang Malaysia). Kalaulah mereka hidup dalam zaman kebangsaan sekarang mereka akan gagal kerana tentangan dari gerakan kebangsaan. Sebaliknya pula pejuang-pejuang kebangsaan seperti Nkrumah, Jomo Kenyata, Sukarno, Nehru dan Tunku Abdul Rahman akan hanya digelar penderhaka pada zaman penjajahan. Tetapi kerana mereka hidup dalam zaman kebangkitan kebangsaan, mereka adalah dikehendaki oleh zamannya dan mereka disanjung sebagai pemimpin agung oleh masyarakat masing-masing. Tidak siapa boleh menafikan bahawa tiap-tiap pemimpin ini mempunyai rupa bentuk pengaruh yang tertentu kepada masyarakatnya — Nehru dengan sosialisma evolusinya di India, Sukarno dengan marhaenisma radikalnya di Indonesia dan Tunku dengan liberalismanya di Malaysia.

Kejatuhan Sukarno di Indonesia, Nkrumah di Ghana dan



lain-lain pemimpin lagi selepas zaman kejayaan mereka menegaskan lagi bahawa manusia agung itu terikat kepada aliran masyarakatnya. Bila mereka tidak lagi sejajar dengan kehendak dan aliran masyarakat, mereka akan terbuang. Misalnya Sukarno dan Nkrumah berjaya kerana mereka memberikan apa yang diingini masyarakat pada masa itu — iaitu penentangan terhadap penjajah dan kemerdekaan tanahair. Tetapi, selepas tanahair merdeka, masyarakat mahu kemakmuran ekonomi sedangkan Sukarno dan Nkrumah yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan kehendak ini, masih melaungkan cogankata lama yang tiada bermakna lagi kepada masyarakat. Kerana ini mereka pun tersingkir.

Di sinilah kita lihat kebijaksanaan George Washington, presiden pertama Amerika Syarikat, yang menolak untuk menjadi presiden bagi kali ketiganya selepas 8 tahun ia memegang jawatan itu. "Biarlah orang-orang muda yang lebih sesuai dengan jenerasi baru memerintah. Saya hendak rehat." Demikianlah lebih kurang katanya. Tidaklah hairan kalau ia disanjung semasa hidup dan setelah matinya. Tidaklah seperti Syngman Rhee, presiden Korea atau Sukarno dan lain-lain lagi yang terus hendak berkuasa dan akhirnya digulingkan. Mereka ini tidak sedar bahawa mereka mesti selaras dengan kehendak dan aliran zamannya — di samping menjadi tuan, mereka juga perlu menjadi hamba masyarakatnya.

Pemimpin dalam apa lapangan pun, terutamanya dalam lapangan politik, kuat mempengaruhi masyarakat. Pengaruh ini terjadi dengan dua cara:

Pertama, pemimpin membuat dasar yang secara langsung memberi kesan kepada masyarakat. Misalnya, pemimpin Malaysia membentuk pemerintahan beraja di bawah perlembagaan di mana keistimewaan raja-raja dikekalkan. Sebaliknya pula, pemimpin Indonesia membentuk pemerintahan republik di mana raja-raja dilucutkan kuasanya. Demikianlah dalam hal-hal yang lain.

Kedua, pemimpin jadi ikutan orangramai. Apa yang dibuat oleh pemimpin dianggap baik dan megah. Juga dengan meniru apa yang dibuat oleh mereka, seseorang itu akan dipandang baik dan bolehlah mendapat kehendak mereka yang tertentu. Cerita di Timur Tengah menggambarkan dengan jelas hakikat ini. Di zaman Khalifah Al-Walid (705—715) di Damsyik, yang suka membina bangunan cantik (Masjid Aksa di Baitul Mukaddis dan Masjid Jamik di Damsyik, adalah dibina pada zamannya), minat dan perbualan orang di kedai-kedai kopi ialah tentang binaan



bangunan-bangunan. Di zaman Khalifah Sulaiman (715—717) yang sukakan perempuan dan arak, minat dan perbualan orang di kedai-kedai kopi pun ialah tentang perempuan dan arak. Tetapi di masa Khalifah Umar ibn Abdul Aziz (717—720) yang warak dan mengerjakan hukum Islam, minat dan perbualan orang di kedai-kedai kopi ialah tentang sembahyang dan ibadat.

Keadaan seperti ini juga diperhatikan di Amerika oleh Allan Nevins, profesor sejarah di Universiti Columbia. Beliau menyatakan orangramai Amerika mengikuti tindak-tanduk dan kebiasaan presiden Amerika. Mereka menjadi longgar moralnya di bawah presiden Grant (1869—77), bercita-cita besar di bawah presiden Theodore Roosevelt (1901—1909), idealistik di bawah Presiden Wilson (1913—1921), dan mengejar kebendaan di bawah presiden Harding (1921—1923) dan Coolidge (1923—1929).

Pengaruh pemimpin ini, boleh jadi baik, boleh jadi juga tidak baik. Di sinilah bezanya antara pemimpin agung dengan pemimpin kerdil. Bukanlah bermakna semua orang di tempat yang besar atau berkuasa itu agung belaka. Pemimpin besar membawa pengaruh yang dapat dimegahkan oleh sejarah. Sebaliknya pemimpin yang kerdil membawa akibat yang menjadi sumpahan sejarah dan tangisan keturunannya. Misalnya, daripada 35 orang presiden Amerika, hanya 6 orang (Washington, Jefferson, Lincoln, Theodore Roosevelt, Wilson dan Franklin Roosevelt) saja yang dianggap agung. Sebaliknya presiden Taft dan Harding menjadi tempelak sejarah.

Jadi, satu daripada ukuran keagungan seseorang ialah pengaruhnya yang boleh dimegahkan kepada masyarakatnya atau dunia seluruhnya pada masa ia masih hidup ataupun setelah mati.

Satu lagi ukuran keagungan ialah tindakannya atau karyanya yang boleh dimegahkan, walaupun pengaruhnya tidak ada pada masyarakat. Misalnya, Ibnu Khaldun, ahli sosioloji Arab yang agung, pelopor Ilmu Sosioloji dengan bukunya *Mukaddimah*, tetapi pengaruhnya kepada sarjana-sarjana selepasnya dan Ilmu Sosioloji tidak besar. Bandingkan Mohd. Abduh, ulama Masir, yang dapat mempengaruhi pembaruan Islam di Timur Tengah dan di serata dunia Islam.

Dalam meninjau riwayat hidup manusia agung ini, kita akan melihat empat sifat yang sering ada pada mereka. Keempat-empat sifat inilah yang membuat mereka menghasilkan sesuatu di luar kesanggupan manusia biasa dan yang membuat mereka jadi agung.



Pertama, manusia agung ini mempunyai *sense of mission*, iaitu mereka rasa mereka ditugaskan untuk melaksanakan sesuatu aktiviti yang maha penting kepada masyarakat. Misalnya, Abraham Lincoln berasa ia mesti membebaskan abdi-abdi di Amerika; Jamaludin Al-Afghani berasa tugasnya ialah menggerakkan umat Islam supaya bangun membaharui ugama dan juga menuntut kemerdekaan; Presiden Nasir berasa ia mesti memodenkan rakyat Masir dan menggulingkan pemerintahan beraja; Ghandi berasa ia ditugaskan memperjuangkan kemerdekaan India melalui satyagraha, perjuangan tanpa kekerasan dan Socrates berasa ia ditugaskan mencari kebenaran di mana-mana. Akhirnya mereka menjadi lambang idea yang diperjuangkan mereka itu.

Kerana adanya rasa *sense of mission* ini, manusia agung memiliki dorongan yang mahahebat untuk berusaha dengan bersungguh-sungguh bagi melaksanakan apa yang mereka rasa menjadi tugas mereka.

Kedua, mempunyai sifat bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tugas dengan tidak menghiraukan letih lelah atau seribu satu rintangan yang menghadapi mereka. Misalnya, Abraham Lincoln rela menghadapi Perang Saudara di Amerika kerana hendak membebaskan hamba abdi di sana, Ghandi merengkok dalam penjara beberapa kali dalam perjuangannya dan Jamaludin Al-Afghani dihambat dari satu negeri ke satu negeri kerana kegiatan-kegiatannya.

Ketiga, kurang mementingkan kebendaan dan diri sendiri. Sesuatu usaha agung selalunya kurang menguntungkan dari segi wang ringgit dan kerapkali membahayakan orang yang mempelopori usaha itu. Misalnya, Abraham Lincoln ditembak kerana usahanya membebaskan hamba abdi, Socrates diracun kerana ia mencari kebenaran, dan Ghandi hidup miskin seumur hayatnya kerana memperjuangkan kebebasan. Pujangga agung Leo Tolstoy mengambil masa 9 tahun untuk membuat 7 draf novel agungnya, *Perang Dan Damai*. Bukanlah kerana hendak mencari wang ia menulis novel itu. Novelis yang mengejar wang saja tidaklah akan melahirkan karya yang agung. Oleh itu orang yang mata duitan atau boleh dibeli dengan wang bukanlah calun keagungan.

Keempat, manusia agung bersifat berani. Tanpa keberanian seseorang tidak dapat menghasilkan sesuatu yang agung. Bukan keberanian dalam perang saja, tetapi lebih penting bagi keberanian moral, iaitu keberanian berpegang kepada pendirian sendiri walaupun seluruh masyarakat menentangnya. Ramai jeneral yang berani menghadapi hujan



peluru, tetapi takut menyatakan pendirian atau memperjuangkan sesuatu perkara yang tidak popular yang ditentang oleh orangramai walaupun perkara itu mahapenting kepada masyarakat. Oleh itu keberanian moral adalah lebih sukar dicari. Kalau pendiriannya betul, masyarakat pada akhirnya akan menyanjunginya, tetapi kalau pendiriannya salah ia akan terus kecewa.

Sekarang timbul soal adakah manusia Melayu yang agung? Atau benarkah seperti dakwa seorang ahli sejarah Inggeris bahawa dalam K.M. XVIII Malaya tidak mempunyai orang besar Melayu, yang ada hanya pengacau dan perompak diraja saja?

Penulis berpendapat memang ada orang Melayu yang agung, tetapi kita tidak tahu kerana penafsiran yang merendah-rendahkannya oleh ahli sejarah Barat, kurangnya penyelidikan tentang jaguh-jaguh Melayu dalam sejarah, dan sekatan istilah Melayu kepada orang-orang Melayu di Malaysia saja.

Tentang penafsiran ahli sejarah Barat menggunakan ukuran berganda, satu untuk orang Barat dan satu lagi untuk orang Melayu. Misalnya, Sir Francis Drake dan William Hawkins, kedua-duanya perompak lanun, Hawkins pula peniaga hamba abdi Negro, dan Francis Light peniaga candu, dianggap sebagai orang besar yang patut disanjung, tetapi Raja Haji dan Iskandar Muda dianggap sebagai perompak biasa yang perlu dikecam.

Penyelidikan terhadap orang Melayu memang sedikit kerana apa yang dititikberatkan oleh ahli sejarah Barat ialah seorang Barat di Tanah Melayu. Misalnya tentang Francis Light, Raffles, Swettenham dan bukannya sejarah orang Melayu di tanahair mereka sendiri.

Istilah orang Melayu tidaklah boleh dihadkan kepada orang Melayu di Malaysia saja kerana dalam sejarah, orang Melayu ialah orang yang berbahasa Melayu, mengikut adat resam Melayu dan tinggal di Kepulauan Melayu. Begitu juga sejarah orang Melayu di Malaysia tidaklah boleh dipisahkan dari sejarah Kepulauan Melayu seluruhnya. Sejarah Malaya (sekarang Malaysia) hanya berpisah dari sejarah Pulau Sumatera dengan terbahaginya Malaya kepada Inggeris dan Sumatera kepada Belanda pada T.M. 1824. Dan orang yang pertama menggunakan istilah British Malaya sebagai istilah ilmu alam dan daerah politik ialah Sir Frederick Weld, Gabenor Negeri-negeri Selat dalam ucapannya kepada Royal Colonial Institute pada tahun 1883. Dua puluh tahun



kemudian istilah British Malaya ini baru menjadi popular bila Frank Swettenham menggunakannya. Oleh itu orang yang menganggap sejarah Malaya sebagai terpisah dari sejarah kepulauan Melayu serupalah seperti menganggap sejarah Pulau Taiwan terpisah dari sejarah Tanah Besar Cina. Dan orang yang menganggap orang Melayu di Malaysia sebagai kaum pendatang serupalah seperti menganggap orang Cina di Pulau Taiwan itu kaum pendatang juga. Memang ramai orang Melayu berpindah dari pulau-pulau, terutamanya dari Pulau Sumatera ke Semenanjung Tanah Melayu pada K.M. XVIII dan XIX tetapi ini bukan bermakna mereka merantau ke satu negeri lain. Mereka pergi ke negeri yang sebangsa dengan mereka dan tidaklah boleh dikatakan mereka ini orang mendatang seperti orang India dan Cina yang datang ke sini dari negeri mereka masing-masing.

Oleh itu dalam mencari orang Melayu yang agung, kita perlu meneliti sejarah orang Melayu dalam Kepulauan Melayu dari sejak mereka berugama Hindu dan Buddha hinggalah mereka berugama Islam. Darinya kita akan dapati bahawa orang Melayu telah membuat perkara-perkara yang boleh dimegahkan di dalam dan di luar negerinya. Diharap ada ahli-ahli sejarah kita yang akan membuat kajian tentang orang Melayu yang agung yang menempa sejarah. Bila ada kajian seperti ini, ia akan menolong memberi inspirasi kepada orang Melayu, menimbulkan kepercayaan pada diri sendiri dan mendorong mereka membuat perkara-perkara yang agung. Selama ini mereka merasa rendah diri kerana tiada orang-orangnya yang agung yang boleh dibanggakan dan dijadikan contoh tauladan. Inilah satu akibat tiada tahu akan orang besar mereka sendiri dan mungkin inilah satu tujuan ahli sejarah Barat memperkecil-kecilkan tokoh Melayu — iaitu supaya orang Melayu terus merasa rendah diri dan senanglah mereka diperintah.

Sekarang marilah kita tinjau beberapa orang Melayu yang boleh dimegahkan dalam sejarah. Maklumat ini didapati dari buku ahli sejarah Barat yang agak objektif.

Van Leur, seorang ahli sejarah Belanda, dalam bukunya *Indonesian Trade and Society* ada menyatakan bahawa terdapat tentera Melayu dari Empayar Sriwijaya di Sumatera yang berkhidmat di Parsi dan di Mesopotamia di zaman Kerajaan Sassanids (208—651) dan Khalifah-khalifah Islam kemudiannya.

Seorang pengembara Arab, Sulaiman, pada T.M. 851 telah menulis bagaimana Maharaja Zabag (Maharaja



keturunan Sailendra bernama Indra (787—812) dari Jawa Tengah (dan beliau jugalah salah seorang dari pembina Candi Borobudur) telah menakluki Empayar Kemboja sehingga T.M. 802.

Kemudiannya pula seorang anak raja Melayu dari Tambralinga, (sebuah negeri dekat dengan Patani di Segenting Kra), telah berjaya merampas takhta Empayar Kemboja dan menjadi raja dengan gelaran Suryavarman 1 (1001—1050). Mengikut Dr. Quaritch Wales, Suryavarman ialah seorang ahli strateji yang berani dan penakluk agung yang telah meluaskan jajahan Kemboja dua kali ganda. Ia menakluki negeri Mon dan Siam di barat Kemboja dan memasukkannya ke dalam Empayar Kemboja. Juga menakluki kawasan-kawasan hingga ke Segenting Kra. Ia telah membawa sistem perairan di Angkur yang menakjubkan pelawat dari luar negeri dan membawa kemakmuran kepada Kemboja. Suryavarman I dianggap sebagai raja Kemboja yang teragung sekali oleh setengah-setengah ahli sejarah.

Antara T.M. 1230—1270, Raja Melayu bernama Candrabhanu dari Tambralinga telah menyerang Pulau Selon (sekarang Sri Langka) sebanyak dua kali dengan 200 buah kapal kerana hendak mengajar Raja Selon yang telah merampas beberapa buah asrama orang Melayu di pulau itu. Asrama ini ialah untuk orang Melayu belajar ugama Buddha di Selon. Sungguhpun akhirnya Raja Candrabhanu dapat dikalahkan oleh Raja Selon, tetapi serangan ini menunjukkan kesanggupannya untuk melancarkan serangan yang begitu jauh dari negerinya. Ini juga menunjukkan keberanian dan kecekapan organisasi perangnya.

Tentang negarawan agung Tun Perak yang menjadi perancang utama (mastermind) perkembangan Empayar Melaka di K.M. XV telah banyak diketahui orang. Kerana dialah, dua kali serangan Siam dapat dipatahkan dan hampir seluruh Tanah Melayu tertakluk ke Melaka. Begitu juga negeri Kampar dan Indragiri di Sumatera.

Boleh dikatakan semua orang Melayu kenalkan Laksamana Hang Tuah kerana terdapat hikayat tentangnya. Watak Hang Tuah banyak sangat diselaputi oleh dongeng hingga sukar hendak diketahui bagaimana sebenarnya manusia Hang Tuah ini dari segi sejarah. Walau bagaimanapun Hang Tuah telah menjadi hero orang-orang Melayu. Tetapi dari segi maklumat sejarah, Laksamana Hang Nadimlah yang lebih patut dijadikan hero oleh orang Melayu. Beliau menjadi laksamana selepas Melaka jatuh ke tangan Portugis pada T.M.



1511. Dialah yang menjadi tulang belakang orang Melayu Johor menentang Portugis. *Sejarah Melayu* menyatakan Laksamana Hang Nadim ini bertempur di tiga puluh dua medan pertempuran. Orang Portugis sendiri menyanjung tinggi Hang Nadim sebagai panglima yang handal. Dia telah mengadakan perang gerila di laut menentang Portugis kerana dia tahu kapal-kapal *lancaran* orang Melayu yang kecil tidak dapat menghadapi perang terbuka dengan kapal *galleon* orang Portugis yang jauh lebih besar. Hang Nadim telah berjaya hingga Portugis di Melaka cemas-cemas tewas. Tetapi Sultan Mahmud yang menyebabkan Melaka jatuh dulu telah mengacau rancangannya dan menyuruh menghadapi angkatan perang Portugis secara terbuka. Akibatnya kira-kira 300 buah kapal Melayu telah binasa di pertempuran Pulau Bentan pada T.M. 1526. Kekalahannya disebabkan kerendahan teknoloji perang orang-orang Melayu.

Tentang kekalahan tentera Mongol dan Cina di Jawa pada T.M. 1292 juga hasil dari seorang Melayu yang agung, iaitu Raden Wijaya, pendiri Empayar Majapahit. Peristiwa ini bermula bila Maharaja Mongol di Cina, Kublai Khan, menuntut supaya raja Kertanagara dari Singasari di Jawa supaya mengakui takluk kepada negeri Cina. Dengan radang, Raja Kertanagara memotong hidung dan telinga duta Mongol itu lalu disuruh pulang ke Peking. Itulah jawaban Raja Kertanagara. Untuk menghadapi kemungkinan serangan Mongol ini, ia telah mengadakan perikatan dengan raja-raja Campa dan Kemboja. Pada T.M. 1292, Kublai Khan menghantar 20,000 orang tentera Mongol dan Cina dalam 1,000 buah kapal untuk menakluki Jawa dan mengajar Raja Kertanagara. Tetapi Kertanagara telah mati sebelum mereka sampai. Selepas menakluki beberapa orang raja kecil di Jawa, tentera Mongol dan Cina telah dikalahkan oleh Raden Wijaya dengan perang gerila yang hebat. Di Jawalah satu dari tempat di mana tentera Mongol yang telah menakluki Eropah Timur, Rusia, Timur Tengah dan Cina itu dapat dikalahkan. Dua tempat lagi tentera Mongol telah dikalahkan ialah di Jepun oleh samurai Jepun dan di Masir oleh tentera Turki.

Pada zaman keagungan Kerajaan Aceh di bawah Iskandar Thani (1636—1641) (anak raja Pahang yang menjadi raja Aceh) terdapat pujangga-pujangga dan ulama-ulama yang besar seperti Hamzah Fansuri, Syamsudin As-Samatrani, Abdul Rauf Singkel dan Nurudin Ar-Raniri, yang alimnya boleh ditanding dengan ulama Islam di Mekah.

Pada K.M. XVIII, seorang ulama Melayu dari Minang-



kabau, bernama Syekh Ahmad Khatib telah menjadi imam untuk mazhab Shafie di Mekah. Ini merupakan satu kehormatan yang besar dan bukti kealiman Syekh Ahmad Khatib itu kerana pemilihan imam adalah berdasarkan kealiman masing-masing dan beliau telah dipilih daripada ulama-ulama Arab, Turki, Parsi dan bangsa-bangsa lain lagi. Beliau juga telah mengarang kira-kira 20 buah kitab dan pengaruhnya sangat besar kepada orang Melayu yang pergi belajar ugama di Mekah.

Anak saudara ataupun anak angkat Syekh Ahmad Khatib ini ialah Syekh Tahir Jalaludin yang selepas balik dari belajar di Mekah dan Kahirah telah melancarkan gerakan pembaruan ugama Islam di Malaya. Akibat dari ini timbul kesedaran kebangsaan orang Melayu yang akhirnya berhasil dengan kemerdekaan Malaya. Syekh Tahir Jalaludin lebih berpengaruh kepada kesedaran orang Melayu dari Syed Syekh Alhadi tetapi Syed Syekh Alhadi lebih terkenal kerana novel-novelnya.

Dalam buku ini, diceritakan tentang orang-orang Melayu yang agung dalam zaman pemerintahan kerajaan-kerajaan Melayu masih tegak dan belum lagi dijajah oleh kuasa-kuasa Barat. Kisah orang-orang Melayu yang agung dalam zaman penjajahan dan zaman selepas kemerdekaan akan menjadi bahan dalam sebuah buku yang lain.

Buku ini merupakan hasil penyelidikan yang ringkas. Adalah diharapkan ahli-ahli sejarah kita akan membuat kajian secara mendalam tentang tokoh-tokoh Melayu dalam sejarah kerana inilah satu cara untuk memupuk rasa percayakan diri sendiri kepada orang Melayu.

R.M.A.



I

Zaman Empayar Sriwijaya (600–1294)

Keagungan Empayar Melayu Sriwijaya (K.M. VII–XIII) tetap dikenang oleh orang-orang rumpun Melayu di seluruh Nusantara, tetapi riwayat tentangnya telah dibunga-bungai dengan dongeng. Di dalam buku-buku sejarah ada tercatit riwayat yang disalut dongeng ini.

Kepada penulis-penulis Barat, riwayat Sriwijaya ini terus-menerus dianggap sebagai dongeng. Mereka memikirkan riwayat ini adalah satu *escapism* bagi orang-orang Melayu untuk merasa setitik kemegahan yang tidak mereka rasai semasa di bawah pemerintahan penjajah. Keadaan ini berlaku sehingga T.M. 1918 bila Profesor George Coedes, Dekan Jabatan Pengajian Perancis untuk Timur Jauh di Paris, menerbitkan kajian ilmiah yang pertama tentang sejarah Empayar Sriwijaya yang membuktikan wujudnya empayar orang Melayu yang berpusat di Palembang, Sumatera Barat.

Sejak tahun itu telah ada beberapa kajian yang mendalam tentang Empayar ini dan sejarahnya bolehlah diringkaskan seperti berikut:

Pada K.M. VII, Sriwijaya muncul sebagai sebuah negara Melayu yang kuat dan menguasai lalulintas kapal dan perniagaan di Selat Melaka. Kedudukan Palembang, yang sama jauh dari selat Melaka dan Selat Sunda, sangat sesuai untuk menguasai kedua-dua selat tersebut yang menjadi jalan lalulintas semua perniagaan antara India dan Cina. Dan Palembang menjadi tempat persinggahan kapal-kapal dagang. Dari hasil cukai dan keuntungan perniagaan oleh raja-raja Sriwijaya itu sendiri (I-tsing, pengembara Cina yang singgah di Sriwijaya pada T.M. 671 melapurkan bahawa ia menaiki kapal yang dipunyai oleh Raja Sriwijaya dari Palembang ke India), kerajaan Sriwijaya mempunyai kekayaan untuk mengembangkan jajahannya.

Mulai T.M. 683, Sriwijaya telah menakluki Sumatera,



Semenanjung Tanah Melayu dan sebahagian Pulau Jawa. Pada zaman kebesarannya, mengikut buku Cina *Hsin Tang Shu,* Sriwijaya mempunyai empat belas buah bandar.

Di samping menjadi pusat Empayar dan perniagaan, Palembang juga menjadi pusat pengajian ugama Buddha, mazhab Mahayana. Pada T.M. 671, I-tsing menyatakan ada lebih dari 1,000 orang sami Buddha di situ. Beliau belajar bahasa Sanskrit selama enam bulan di Palembang sebelum pergi ke universiti ugama Buddha di Nalanda, Benggala. Dalam K.M. XI Dipankara Atisa, pembaharu ugama Buddha di Tibet, telah belajar di Sriwijaya selama dua belas tahun (1011—1023) di bawah seorang guru bernama Dharmakirti, yang dianggap oleh penulis riwayat hidup Atisa itu sebagai sarjana ugama Buddha yang teragung sekali pada zaman itu.

Pada T.M. 747, terdapat dua orang sami bernama Wajrabodhi dan Amoghawajra dari Sriwijaya yang membawa pengajaran Wajrayana (satu mazhab ugama Buddha) ke negeri Cina. Semua ini menunjukkan bahawa Sriwijaya adalah pusat pengajian ugama Buddha yang masyhur.

Raja-raja Sriwijaya membina manumen agung Candi Borobudur di Jawa yang mempunyai keaslian tersendiri yang menunjukkan keaslian seni bina orang-orang Melayu dan tidak meniru-niru dari India saja seperti yang selalu dituduh oleh sarjana-sarjana Barat.

Dalam zaman keagungan Empayar Sriwijaya inilah terdapat pemimpin-pemimpin Melayu yang berperibadi besar yang menakluki negeri Kemboja, menyerang Pulau Selon dan mempengaruhi lantikan raja di India Selatan, yang riwayatnya akan diterangkan kemudian.

Tetapi, sudah memang adat dunia, kuasa berlalu dari satu tangan ke satu tangan, Empayar Sriwijaya dikalahkan oleh Maharaja Rajendra Cola dari India Selatan pada T.M. 1025.

Kemudian daripada itu ia telah dibangunkan semula, oleh Samara Vijayatungga tetapi akhirnya telah ditakluk oleh orang-orang Jawa Majapahit pada T.M. 1377.

1. Maharaja Zabag (782—812) Penakluk Empayar Kemboja

Pada K.M. VIII, sebuah dinasti Melayu bergelar Sailendra telah memerintah Empayar Sriwijaya dan menakluki sebahagian dari Pulau Jawa. Maharaja-maharaja keturunan Sailendra ini terkenal sebagai pembina kuil Buddha yang indah seperti Candi Borobudur dan Candi Mendut di Jawa



Tengah. Telah dianggarkan bahawa dinasti ini berkuasa di Jawa antara T.M. 760 dan 882.

Pada masa yang sama, Empayar Kemboja yang berpusat di Angkor juga merupakan kerajaan yang besar serta masyhur dan merupakan saingan Empayar Sriwijaya.

Dalam masa inilah seorang Maharaja Melayu dari Sriwijaya telah menakluki Empayar Kemboja. Maharaja ini, dikenal sebagai Maharaja Zabag, telah menakluk Kemboja kerana ia dihina oleh maharaja negeri itu dan terpaksa mempertahankan maruahnya. Tindakannya ini sungguh sejajar dengan sifat orang-orang Melayu di sepanjang zaman yang sanggup berbuat apa saja untuk mempertahankan maruahnya.

Maklumat ini telah diketahui dari catitan seorang saudagar Arab bernama Sulaiman yang berada di daerah ini pada T.M. 851 seperti berikut:

"Antara Kemboja dan Zabag (Jawa) terletak 10 atau 20 hari perjalanan laut bergantung kepada angin. Ada seorang Raja Khmer (Kemboja) yang muda dan berdarah panas. Pada suatu hari baginda duduk di istana dan berbincang dengan menterinya tentang keagungan Maharaja Zabag (ramai penduduk dan pulau-pulaunya). Ia berkata ia ingin melihat kepala Maharaja Zabag di hadapannya, di atas pinggan. Menterinya tahu bahawa hal ini timbul dari iri hati rajanya dan menasihatkan baginda supaya jangan berkata demikian kepada orang lain kerana orang-orang Kemboja dan Zabag tidak bermusuh dan Maharaja Zabag pun tidak mengganggu mereka. Tetapi Raja Kemboja tidak menghiraukan nasihat itu dan menyatakan hasratnya kepada jeneral-jeneral dan menteri-menteri yang lain.

Cerita ini sampai ke telinga Maharaja Zabag. Baginda adalah seorang yang tangkas dan berpengalaman serta berpendapat jikalau tidak mengambil tindakan balas bermakna menjatuhkan maruahnya. Maharaja Zabag pun menyediakan 1,000 buah kapal yang sederhana besarnya. Untuk helah, baginda menyatakan bahawa baginda hendak melawat ke pulau-pulaunya. Raja Kemboja tidak sedikit pun menyangka sehingga Maharaja Zabag telah mengepung ibu kotanya dengan mengejut dan menangkapnya.

Rakyat Kemboja lari bertempiaran. Tetapi Maharaja Zabag mengisytiharkan bahawa rakyat tidak akan dipengapakan. Baginda menempelak Raja Kemboja kerana berhajat membuat perkara yang tidak patut dan terus memenggal kepala raja itu sebagai balasan.

Maharaja Zabag memberi hadiah kepada menteri yang



memberi nasihat baik kepada Raja Kemboja dulu dan menyuruhnya mencari raja yang baru. Baginda kemudian meninggalkan negeri itu tanpa mengambil apa-apa rampasan kerana tujuannya hanya hendak menuntut bela saja."

Kejadian di atas disokong oleh maklumat-maklumat lain. Telah diketahui bahawa orang-orang Melayu dari Jawa telah merampas Pulau Condor di Laut Kemboja dan menyerang sampai ke daerah Vietnam Utara sekarang. Pada T.M. 774 dan 787, mereka juga melanggar Kemboja dan menawan rumah-rumah berhala di situ. Akibat serangan-serangan ini, Kemboja tertakluk kepada Sriwijaya sehingga T.M. 802, iaitu selama kira-kira 28 tahun. Telah dicamkan bahawa Raja Kemboja itu ialah Mahipativarman manakala Maharaja Zabag itu ialah Maharaja Indra yang memerintah antara T.M. 787 dengan 812 di Jawa, iaitu salah seorang dari Maharaja Sriwijaya keturunan Sailendra dan salah seorang pembina Candi Borobudur. Candi itu telah mulai dibina oleh Maharaja Vishnu (775—782), dibuat terus oleh Maharaja Indra (787—812) dan disudahi oleh Maharaja Samaratungga (812—832).

2. Samara Vijayatungga (1045—1070) Pembina Semula Empayar Sriwijaya

Pada T.M. 1025 Maharaja Rajendra (1016—1044) dari India Selatan telah menakluki ibu kota Sriwijaya dan kebanyakan dari jajahannya seperti Palembang, Malayur, Jambi dan Pane di Sumatera Timur; Aceh di Sumatera Utara; Langkasuka (Ligor), Tokola, Tambralinga, Kedah dan Temasik di Semenanjung Tanah Melayu dan juga Pulau Nicobars.

Kebanyakan orang menganggap bahawa Sriwijaya tidak akan bangun lagi kerana pukulan yang begitu hebat. Tetapi, Samara Vijayatungga, seorang putra raja Sriwijaya, telah berjaya membangunkan kembali kekuasaan Sriwijaya hingga ia boleh mempengaruhi rebutan kuasa di India Selatan iaitu di Kerajaan Cola sendiri.

Sejak K.M. VII, Empayar Sriwijaya telah menguasai lalulintas perniagaan di Selat Melaka dan di Kepulauan Melayu. Ia telah menjadi kaya kerana penguasaan atas perniagaan ini. Tetapi kira-kira pada T.M. 850 muncul pula Kerajaan Cola yang kemudiannya mengembangkan kekuasaannya di Teluk Benggala dan ingin pula merampas kuasa lalulintas perniagaan di Kepulauan Melayu dari Sriwijaya. Inilah satu sebab timbul serangan dari Kerajaan Cola itu.



CALUKYA
COOLA
Gangakundapura
PANDYA
Madura
Anuradapura
SRI LANGKA
P. Nikobar
KEMBOJA
Ligor
Lankasuka
Kedah
Acheh
SRI VIJAYA
Tumasik
Jambi
Palembang
LAUT CINA SELATAN
JAWA
LAUTAN HINDI

Kerajaan dan kawasan di zaman pemerintahan Samara Vijayatungga.



Kerana sedarkan niat Kerajaan Cola, Maharaja-maharaja Sriwijaya telah cuba menyekat pelaksanaan niat itu dengan menolong Raja Selon melawan Raja-raja Cola semasa mereka menyerang Pulau Selon pada T.M. 996 dan 1021. Oleh sebab dendam Raja-raja Cola akan Maharaja-maharaja Sriwijaya telah tersemat maka setelah Selon tertakluk pada T.M. 1021 ia pun menyerang Sriwijaya.

Mengikut sebuah prasasti di Selon, serangan Raja Cola terjadi dalam masa pemerintahan Maharaja Sriwijaya yang keenam bernama Sangrama Vijayatungga. Baginda telah ditangkap dalam serangan itu dan dibawa balik ke India sebagai tawanan. Adiknya, Samara Vijayatungga telah membangunkan semula kuasa Sriwijaya. Kedua-dua mereka ini ialah anak Maharaja Sriwijaya yang kelima, Mara Vijayatungga yang berkahwin dengan anak Raja Mahindra dari Selon.

Tentera Cola telah menguasai setiap bandar di Sriwijaya selama 20 tahun (1025—1044). Pada T.M. 1044, Rajendra Cola sendiri telah melawat Sriwijaya dan ia dibunuh oleh seorang putra Sriwijaya bernama Purandara atas arahan Samara Vijayatungga. Pembunuhan ini merupakan tanda untuk pemberontakan besar-besaran oleh orang-orang Sriwijaya dan mereka telah berjaya menghalau balik tentera-tentera Cola itu.

Setelah menghalau mereka, Samara Vijayatungga pun menaiki takhta Empayar Sriwijaya, kira-kira pada T.M. 1045. Disebabkan mempunyai penuh kepercayaan kepada Purandara, baginda telah menugaskannya supaya menghalau tentera-tentera Cola dari bandar-bandar lain. Setelah jajahan-jajahan Sriwijaya diperolehi kembali, pentadbiran Empayar itu pun diatur semula. Baginda sendiri telah pergi ke Selon untuk menggoncangkan kekuasaan Cola di sana.

Dengan tentera-tentera yang ramai bersama dengan Putra Kasyapa, bakal Raja Selon, baginda telah menawan kembali bandar Anuradhapura, ibu kota Selon dari tentera Cola yang telah menduduki bandar itu sejak ditawan oleh Raja Cola yang bernama Rajaraja (985—1016) pada awal K.M. XI. Kasyapa telah dinobatkan sebagai Raja Selon, tetapi baginda memerintah sekejap saja. Selepas itu baginda digantikan oleh adiknya, Sena.

Bersama dengan anak Sena yang bernama Mahendra, Samara Vijayatungga telah membina semula rumah-rumah berhala, termasuk yang bernama Ruvanvalisaya yang telah dimusnahkan oleh tentera-tentera Cola dahulu. Baginda



tinggal di Selon untuk beberapa lama dan setelah Anuradhapura pulih barulah baginda pulang ke Sriwijaya.

Samara telah menolong Selon kerana negeri itu merupakan barisan depan pertahanan Sriwijaya dan hendak melepaskan tanah ibunya sendiri (bapanya berkahwin dengan putri Selon). Setelah pulang ke Sriwijaya baginda mengepalai pula satu serangan ke Pulau Jawa untuk menghalau tentera-tentera Cola yang masih ada di situ.

Serangan ini juga berjaya dan Purandara, putra Sriwijaya yang berasal dari Jawa, telah dijadikan pemerintah di situ.

Setelah kembali ke Sriwijaya, baginda menyusun pentadbiran dan angkatan perangnya untuk pergi ke Selon sekali lagi. Kali ini baginda menolong Raja Pandya, bernama Sundra Pandya untuk merebut kembali kerajaannya di Madura, India Selatan dari tentera-tentera Cola.

Ekspedisi ini diketuai oleh Mahendra, putra Raja Selon dan telah memperoleh kejayaan. Sundra Pandya mendapat kembali ibu kotanya, Madura. Dengan kejayaan ini maka Perikatan Tiga Serangkai antara Sriwijaya, Selon dan Pandya telah ditubuhkan atas inisiatif Samara Vijayatungga dengan tujuan menguatkan barisan menentang serangan dari Kerajaan Cola.

Perikatan politik ini, seperti biasanya pada zaman dahulu, dipereratkan dengan hubungan perkahwinan antara keluarga diraja negeri-negeri yang berkenaan. Putra Raja Pandya berkahwin dengan putri Raja Selon, manakala Mahendra (putra Raja Selon) berkahwin pula dengan Candrawati, putri Samara Vijayatungga.

Kekuatan perikatan ini terbukti kemudiannya bila ia dapat menangkis serangan-serangan tentera Cola di bawah Raja Virarajendra yang kemudiannya cuba melanggar Selon dan Sriwijaya.

3. Manabharana (K.M. XI)
Penakluk India Selatan

Pada T.M. 1025 ibu kota Sriwijaya dan banyak jajahannya telah ditakluk oleh tentera-tentera Kerajaan Cola dari India Selatan. Tetapi 45 tahun kemudiannya, satu peristiwa yang di luar dugaan telah terjadi, iaitu seorang putra Melayu Sriwijaya telah menakluki ibu kota Kerajaan Cola di India Selatan dan meletakkan Raja Cola menyembah ke Sriwijaya. Putra Melayu yang handal itu ialah Manabharana, putra Samara Vijayatungga.



Kerajaan Cola menjadi kuat di bawah raja-rajanya yang bernama Rajaraja (985—1016) dan Rajendra Cola (1016—1044) yang telah menakluki Pulau Selon serta jajahan-jajahan Empayar Sriwijaya. Tetapi setelah Rajendra Cola mati dibunuh di ibu kota Sriwijaya pada T.M. 1044 dan naiknya Virarajendra, kuasa Kerajaan itu telah mulai lemah.

Sebaliknya pula, kuasa Empayar Sriwijaya setelah dipulihkan oleh Samara Vijayatungga, telah berjaya menubuhkan Perikatan Tiga Serangkai antara Sriwijaya, Selon dan Pandya di India Selatan. Perikatan ini menjadi kuat dan dapat menangkis serangan Cola di bawah Virarajendra kemudiannya. Pada hujung pemerintahan Virarajendra terjadi perebutan kuasa di Kerajaan Cola. Adhirajendra, seorang daripada putranya, selepas menang dengan gemilangnya di satu pertempuran, telah dijadikan bakal raja oleh Virarajendra.

Tindakan ini telah menghampakan Kulottungga (atau Rejendrala) yang dahulunya telah dijanjikan menjadi bakal raja oleh Virarajendra. Beliau telah meninggalkan negeri Cola dengan pengikut-pengikutnya dan cuba merebut Kerajaan Pandya pula, tetapi telah dikalahkan oleh Sundra Pandya.

Kulottungga pergi ke Selon tetapi tidak mendapat bantuan dari negeri itu dan terus pergi ke Kemboja di mana beliau telah dibantu oleh sebuah angkatan tentera yang besar untuk menakluk Kerajaan Pandya. Sekali lagi beliau gagal dan berundur ke Selon lalu dijadikan oleh Mahendra (Raja Selon) sebagai gabenor di satu daerah di negeri itu.

Tetapi cita-cita Kulottungga tidak setakat itu saja dan terus berazam hendak merebut takhta Cola juga. Beliau pergi ke Sriwijaya untuk meminta bantuan dari Samara Vijayatungga dengan janji apabila menjadi Raja Cola kelak, beliau mengaku akan menyembah Sriwijaya.

Samara telah bersetuju dan menyuruh anaknya, Manabharana, dengan satu armada yang kuat pergi menakluki Kerajaan Cola. Oleh kerana Sriwijaya terlalu jauh dari negeri Cola iaitu lebih dari 1,000 batu dan terpaksa menyeberang Teluk Benggala pula, Manabharana sebagai seorang jeneral yang berpengalaman sedar betapa susahnya untuk mengangkut tentera dan menyediakan bekalan mereka sekiranya gerakannya berpusat di Sriwijaya.

Untuk mengelakkan masaalah ini baginda telah membina markas tenteranya di utara Selon, kira-kira 260 batu dari Cola. Selain dari memerlukan bantuan makanan dan lain-lain bekalan peperangan dari Mahendra (Raja Selon), Manabha-



rana juga perlukan jasa baiknya untuk memujuk Sundra Pandya (Raja Pandya) supaya mahu menyokong Manabharana dalam usaha menyerang Cola. Manabharana telah pergi ke Madura, ibu kota Pandya, untuk berbincang dengan Sundra Pandya. Pada mulanya Sundra Pandya berasa keberatan kerana dahulunya telah dua kali diserang oleh Kulottungga yang sekarang hendak ditolong pula oleh Manabharana merebut takhta Cola. Tetapi kerana segankan Mahendra yang telah menolongnya merebut kembali Kerajaan Pandya dari takhta Cola dahulu, Sundra Pandya pun bersetuju membenarkan tentera Manabharana melalui negerinya semasa hendak menyerang Cola dan memberi bantuan-bantuan lain.

Kerana berjayanya diplomasi Manabharana ini, kata sepakat telah didapati antara tiga kerajaan itu, iaitu Selon, Pandya dan Sriwijaya bagi melanggar Kerajaan Cola. Manabharana mengepalai tenteranya menyeberangi selat yang memisahkan Selon Utara dengan India Selatan dan masuk ke negeri Pandya. Seterusnya dengan melalui jalan darat dan laut baginda menuju ke sempadan negeri Cola.

Dalam masa ini Virarajendra telah mati dan terdapat penentangan terhadap bakal Raja Adhirajendra dari satu golongan di Cola. Sebelum Adhirajendra dapat menaiki takhta beliau terpaksa meminta bantuan Raja Vikramaditya dari Kerajaan Chalukya yang terletak di utara Cola dan merupakan seteru tradisional Kerajaan Cola. Setelah Adhirajendra diangkat menjadi raja, sebahagian daripada tentera Raja Vikramaditya tinggal di situ untuk mempertahankannya. Ini menyebabkan orang-orang Cola tidak lagi menyokongnya.

Setelah mendengar semua kejadian ini, Manabharana sedar akan peluangnya dan terus menyerang Gangakundapura, ibu kota Cola dengan mengejut, dan dapat menawan kota itu.

Tentera Chalukya dan Cola bertempiaran lari. Manabharana memanggil semua menteri-menteri Cola dan memberi kata dua samada tunduk kepada Sriwijaya atau menghadapi kehancuran. Mereka telah menerima kata dua itu. Adhirajendra telah dibunuh dan Kulottungga dijadikan Raja Cola. Orang-orang Cola mahu menerima kata dua itu disebabkan mereka bencikan Raja Vikramaditya dari Chalukya yang merupakan seteru tradisional mereka dan dekat pula dengan negeri mereka.

Manabharana tinggal di Gangakundapura untuk menyaksikan pertabalan Kulottungga sebagai Raja Cola.



Setelah itu baginda pergi ke Selon untuk melapurkan kejayaannya kepada Raja Selon dan mengucapkan terimakasih atas bantuannya. Kemudian baginda pulang ke Sriwijaya dan ketibaannya disambut oleh ayahnya, Samara Vijayatungga, secara besar-besaran.

Kedua-dua Manabharana dan Samara Vijayatungga bersikap realistik. Walaupun tentera Sriwijaya telah dapat menakluki negeri Cola, mereka tidak ingin menjajahnya kerana mereka sedar negeri itu terlalu jauh untuk ditadbirkan. Mereka juga tidak akan dapat terus berkuasa di situ sekiranya orang-orang Cola bersatu kelak. Mereka berpuas hati dengan kejayaan tadi kerana tujuan mereka bukanlah menjajah, tetapi hanya untuk menunjukkan kekuatan saja. Selepas ini Sriwijaya tidak diganggu lagi oleh mana-mana kerajaan India.

4. Suryavarman I (1002–1050)
Maharaja Kemboja

Satu daripada kesan sejarah yang menakjubkan manusia ialah bandar Angkor di Kemboja. Pada zaman keagungannya, ia dikatakan mempunyai sejuta penduduk. Candi-candi serta istana-istana yang indah dan sistem perairan yang tinggi teknolojinya yang wujud pada masa dahulu masih menjadi kunjungan dan sanjungan orang-orang pada masa sekarang. Pembina bandar Angkor ialah Kerajaan Kemboja yang telah ada sejak kira-kira T.M. 600 lagi. Tetapi zaman keagungannya bermula dari pemerintahan Maharaja Jayavarman II (802–850).

Dalam masa 200 tahun antara T.M. 802–1002, seramai 12 orang maharaja telah memerintah kerajaan ini dengan berasaskan ugama Devaraja. Beberapa buah candi yang indah dan agung telah dibina di Angkor dan kawasan sekitarnya. Tetapi perluasan kekuasaan politiknya agak terhad di kawasan Kemboja saja.

Perluasan Empayar ini hanya terjadi di bawah seorang maharaja berdarah Melayu bernama Suryavarman I yang memerintah antara T.M. 1002–1050. Baginda adalah anak Raja negeri Tambralinga, sebuah negeri Melayu di utara Semenanjung Tanah Melayu (dekat Patani sekarang), yang baru saja merdeka dari Empayar Sriwijaya, Tambralinga dikenal sebagai Ligor kemudiannya setelah menjadi sebahagian dari negeri Siam. Ia merupakan pusat ugama Buddha Theravada dalam K.M. XI–XIII. Sehingga sekarang



terdapat monumen-monumen penting tentang ugama tersebut di situ.

Dr. Quaritch Wales, ahli sejarah Inggeris, menganggap Suryavarman I sebagai "Pemula Zaman Teragung di Angkor" dan "Ahli strateji yang berani sekali dan penakluk yang terbesar di Asia Tenggara." Beliau mulai muncul ketika terjadi perbalahan tentang takhta Angkor setelah Maharaja Jayavarman mangkat pada T.M. 1001. Setelah sembilan tahun berperang, Suryavarman I berjaya mengekalkan kekuasaannya di Angkor. Pada T.M. 1010 baginda mendirikan ibu kota baru di Yashodhapura.

Suryavarman I sedar bahawa kemenangan yang didapati dengan pedang akan cepat hilang. Oleh itu baginda berusaha mengekalkan ugama Devaraja yang telah berakar umbi di Kemboja. Ugama ini ialah campuran ugama Hindu dengan ugama asal orang-orang Kemboja. Dalam ugama ini dewa dan raja dipersatukan manakala maharaja yang memerintah dianggap sebagai dewa yang wajib dipatuhi serta disembah oleh semua rakyat. Ini menyebabkan rakyat mahu mengikut perintah maharaja dan ketenteraman dalam negeri dapat dijamin.

Sebaliknya pula, maharaja itu mesti memerintah mengikut adat-adat yang tertentu dan memikirkan faedah-faedah untuk rakyat. Sungguhpun Suryavarman I berugama Buddha Mahayana, baginda mengekalkan terus ugama Devaraja dalam pandangan rakyat dan mengekalkan jawatan dalam sistem lama untuk tujuan politiknya.

Ini menunjukkan baginda bukan saja seorang jeneral yang pandai, tetapi juga ahli politik yang bijak. Misalnya, keluarga Sivakaivalya, satu keluarga bangsawan yang cekap dan berpengaruh di Kemboja, yang telah menentangnya dahulu, bukan dihalaunya tetapi digunakan untuk faedah negara.

Suryavarman I penting dalam sejarah Kemboja kerana dua perkara besar. Pertama, perluasan kekuasaan Kemboja dan kedua kemajuan pertanian di daerah barat dari Tasik Tonle yang besar itu. Ia juga seorang ahli stratiji yang cekap. Untuk mengelakkan dari berlaku peperangan dengan jiran-jiran di sebelah timur, ia telah menguatkan hubungan damai dengan negeri-negeri Campa dan Cina. Dengan taktik ini maka segala tenaganya dapatlah ditumpukan untuk menakluki negeri-negeri di sebelah barat Kemboja.

Dengan bantuan ayahnya, Raja Tambralinga, baginda telah menakluki negara Mon di Lembah Sungai Menam dan Tanah Dataran Korat (semua bahagian tengah dan timur Siam



CINA

BURMA

Pagan

LAUT ARAB

LAUT ANDAMAN

Angkor

CAMPA

Kra

TELUKAN SIAM

Tambralinga

LAUT CINA SELATAN

SELAT MELAKA

PETUNJUK

Kemboja masa Suryavarman jadi Raja

Daerah yang di takluk oleh Surya arman

Kemboja di zaman pemerintahan Suryavarman I.



sekarang). Sungguhpun orang-orang Mon berugama Buddha Hinayana yang berbeza dari ugamanya, baginda telah melayan mereka secara toleransi. Ini merupakan satu langkah yang bijak.

Selepas itu Suryavarman I menakluki ke selatan pula sampai ke Segenting Kra dan ke utara sampai Chiengsen. Baginda menunjukkan kebijaksanaannya bila baginda tidak terus cuba menakluki negeri Burma yang kuat kerana langkah itu akan mengakibatkan peperangan yang dahsyat dan berlarutan dan akan melemahkan kedua-dua pihak tanpa memberi kemenangan kepada sesiapa pun. Oleh kerana itu di sepanjang gunung-gunung yang menjadi sempadan negaranya dengan Burma sentiasa dalam keadaan aman damai.

Satu lagi tiang kemasyhuran Suryavarman I ialah langkah memajukan kawasan di barat Tasik Tonle yang merupakan tanah terbiar. Di sini pun baginda menggunakan satu stratiji yang sungguh berkesan tanpa mengeluarkan belanja kerajaan. Cara melaksanakannya ialah dengan mendirikan yayasan-yayasan ugama dan memberikan tanah-tanah di situ bagi mendirikan monasteri (tempat belajar dan beribadat). Untuk membiayai monasteri-monasteri ini, maka tanah-tanah perlu diusahakan, kampung-kampung didirikan dan sistem perairan pun dibina. Semua ini dilaksanakan oleh pentadbir-pentadbir monasteri itu. Hasilnya ialah satu sistem parit, penyimpan air dan pancutan air yang menjadi pujian kepada siapa saja yang melihatnya. Sistem perairan ini ialah untuk kegunaan pengangkutan, minuman dan perairan ladang-ladang. Sekurang-kurangnya ada 1,000 buah kolam untuk minuman, membela ikan atau untuk mandi am. Baginda juga memperbaiki candi-candi yang lama.

L.P. Briggs, ahli sejarah Amerika, menyanjung Suryavarman I ini sebagai berikut:

"Pada keseluruhannya, dalam kemahirannya sebagai seorang pahlawan, pengatur dan pemerintah, sikap toleransinya, tabiatnya mengumpulkan penasihat-penasihat yang berilmu dan luas pandangan, sikapnya menggalakkan kesenian dan seni bina, dan langkahnya memajukan kepentingan awam, baginda merupakan salah seorang Maharaja Kemboja yang teragung."

5. Dharmaraja Candrabanu (1230—1294)
Penyerang Pulau Selon

Dua ratus tahun setelah Suryarman I (1002—1050) menjadi Maharaja Kemboja, seorang lagi putra Melayu dari



Tambralinga bernama Dharmaraja Candrabanu telah menunjukkan kehandalannya. Baginda telah menyerang Pulau Selon yang letaknya kira-kira 1,300 batu dari Tambralinga, sebanyak dua kali berturut-turut. Serangannya berakhir dengan kegagalan dan kelemahan Kerajaan Tambralinga sendiri. Tetapi kehandalannya berbuat demikian tidaklah dapat dinafikan.

Pada tahun 1230 Candrabanu telah membebaskan Tambralinga dari pemerintahan Sriwijaya dan terus mengembangkan kekuasaannya. Pada tahun itu juga baginda telah menakluki negeri jirannya Grahi dan memerintahnya selama 40 tahun. Dalam masa inilah baginda telah melanggar Pulau Selon. Orang-orang Melayu pengikut Candrabanu digelar sebagai *Javakas* atau *Malalas* oleh orang-orang Selon pada masa itu.

Kali pertama Candrabanu melanggar Selon ialah pada T.M. 1247 untuk mendapatkan sebuah patung Buddha bernama *Pra Sihing* yang dianggap membawa mukjizat yang disimpan oleh Kerajaan Selon. Baginda telah menakluki bahagian utara Pulau Selon dan memerintahnya buat beberapa waktu, tetapi tidak dapat mengalahkan terus rajanya, Parakramabahu II yang beribu kota di Anuradapura.

Untuk menarik perhatian dan sokongan orang-orang di sana, Candrabanu telah membina candi-candi dan lain-lain tindakan yang memberi faedah kepada ugama Buddha. Baginda telah berjaya dalam mencapai tujuannya ini. Setelah itu baginda pulang ke Tambralinga meninggalkan anaknya sebagai gabenor orang-orang Melayu dan Selon di utara Selon itu.

Pada T.M. 1258 dan 1263, Sundra Pandya, seorang raja dari India Selatan telah menyerang dan menakluki utara Selon termasuk juga daerah orang-orang Melayu di situ. Anak Candrabanu telah ditawannya. Untuk membebaskan anaknya, Candrabanu telah menyerang Pulau Selon buat kali keduanya pada T.M. 1270/1271 dengan bantuan askar-askar Cola. Baginda telah mendarat di Mahatirtha, satu tempat di utara pulau itu.

Setelah mengalahkan beberapa ramai tentera Selon, akhirnya baginda sendiri mendapat kekalahan besar di Yapavu di tangan Vijayabahu (putra Raja Selon). Walau bagaimana Candrabanu dapat melepaskan diri dan balik ke Tambralinga.

Kekalahan ini sungguh melemahkan Kerajaan Tambralinga sehingga negeri itu tidak dapat mempertahankan serangan orang-orang Siam 20 tahun kemudiannya. Pada T.M.



1294 Tambralinga telah ditakluk langsung oleh orang-orang Siam dan menjadi sebahagian daripada negeri itu.

Jelaslah tindakan Candrabanu menyerang Pulau Selon bukanlah satu langkah yang bijak. Untuk mengikut hati baginda mengambil tindakan yang sebenarnya luar dari kemampuannya. Tetapi keberaniannya dan kekuatan negerinya ketika itu tidaklah dapat dinafikan.



II

Zaman Singhasari dan Majapahit (1250–1400)

Setelah malapnya keagungan Empayar Sriwijaya, muncul pula sebuah pusat kekuasaan lain di bahagian timur Pulau Jawa. Pusat kekuasaan ini adalah berasaskan pada kemakmuran pertanian berlainan dengan kekuatan Sriwijaya yang berasaskan pada perdagangan lalulintas di Selat Melaka. Kerajaan-kerajaan di Jawa berdasarkan ugama Hindu yang disesuaikan dengan sifat-sifat tempatan berlainan dengan Sriwijaya yang berdasarkan ugama Buddha yang juga disesuaikan dengan sifat-sifat tempatan.

Sejak K.M. VII telah terdiri beberapa buah kerajaan Hindu di Jawa yang lebih merupakan kerajaan tempatan dan tidak mempengaruhi sejarah Kepulauan Melayu. Kadangkala mereka juga mencuba kekuatan dengan Empayar Sriwijaya. Pada kira-kira T.M. 750, Empayar Sriwijaya telah menakluki sebahagian dari pulau Jawa. Maharaja-maharajanya telah mendirikan candi-candi termasyhur seperti Borobudur, Mendut, Pawon, Kalasan dan Prambanan. Pada T.M. 990, Raja Darmawangsa (990–1007) dari Jawa Timur telah menyerang Sriwijaya. Tetapi pada tahun 1007, Sriwijaya telah menyerang balas dan mengalahkan raja itu serta menakluki kerajaannya.

Selepas itu muncul pula raja Airlangga (1019–1042) dan seterusnya terbina Kerajaan Singhasari. Dari kerajaan ini barulah muncul seorang pemimpin yang berkaliber besar dan bercita-cita hendak menyatukan Kepulauan Melayu. Baginda juga berani mencabar kekuatan Maharaja Mongol, Kublai Khan. Pemimpin itu ialah Kertanagara (1268–1292). Kemudian muncul pula Raden Wijaya (1293–1309) yang mengalahkan serangan Mongol pada T.M. 1293 dan mendirikan Empayar Majapahit. Empayar ini terus diperluaskan untuk merangkumi Kepulauan Melayu oleh negarawan agung Pateh Gajah Mada (1334–1364). Dengan meninggalnya



Gajah Mada, kekuasaan Majapahit mulai merosot dan diatasi oleh kegemilangan Kerajaan Melayu Melaka. Akhirnya Empayar itu lenyap langsung pada T.M. 1520 apabila ia ditakluk oleh raja Islam yang pertama di Jawa bernama Raden Patah dari Demak.

6. Kertanagara (1268–1292) Pencabar Kublai Khan

Pada T.M. 1257 Kublai Khan menjadi maharaja seluruh Empayar Mongol dan menyelesaikan penaklukan ke atas negeri Cina yang dimulakan oleh neneknya Genghiz Khan. Penaklukan ini tamat pada T.M. 1279 dan Kublai Khan pun mengisytiharkan dirinya sebagai maharaja seluruh negeri Cina. Sebagai lanjutan dari ini, baginda menuntut supaya semua negeri jirannya yang biasa menghantar ufti kepada Maharaja Cina dahulu supaya menghantarkan pula kepadanya.

Baginda telah menghantarkan utusan ke negeri-negeri berkenaan dan sekiranya tuntutan itu ditolak baginda akan menghantar tentera untuk menguatkuasakannya. Negeri-negeri seperti Korea, Annam dan Kemboja bersetuju memberi ufti itu tetapi Jepun, Campa dan Burma telah menolaknya dan mereka pun diserang.

Pada T.M. 1289, utusan Kublai Khan bernama Meng Ki tiba di Singhasari, ibu kota Kerajaan Singhasari untuk menuntut ufti dengan angkuhnya dari rajanya, Kertanagara. Seorang putra Kertanagara juga hendaklah dihantar ke Peking sebagai tawanan halus.

Memang benar raja-raja di Kepulauan Melayu pernah menghantar persembahan kepada Maharaja Cina dahulu, tetapi hanya merupakan tanda persahabatan saja. Apa yang dituntut oleh Kublai Khan sekarang ialah tunduk terus kepada negeri Cina.

Dengan tidak ragu-ragu lagi Kertanagara telah menolak tuntutan itu secara dramatik sekali. Baginda menyuruh supaya utusan Kublai Khan itu dipotong hidung dan telinganya (setengah ahli sejarah mengatakan utusan itu dicap dengan perkataan "tidak" di dahinya). Kemudian ia disuruh pulang ke Peking. Peristiwa ini ada tercatit dalam sejarah Cina.

Kerajaan Singhasari merupakan kerajaan yang terkuat di Kepulauan Melayu ketika itu. Pada T.M. 1254 Kertanagara telah dinobatkan sebagai Raja Muda oleh ayahnya Wisynuwarddhana Raja Singasari dan mereka memerintah bersama.



Apabila ayahnya meninggal pada T.M. 1268 barulah Kertanagara memerintah seorang. Dengan ini baginda telah mendapat latihan memerintah selama 14 tahun bersama ayahnya.

Riwayat Kertanagara terdapat dalam buku *Nagarakertagama* karangan Prapanca. Baginda diriwayatkan sebagai seorang yang suka menuntut ilmu falsafah dan ilmu bahasa. Baginda juga mementingkan makanan yang enak-enak dan sering kali minum tuak berlebih-lebihan serta suka bermain perempuan.

Kertanagara adalah Raja Singhasari yang menyukai ugama Buddha akan tetapi ugama Shiwa tidak dilupakannya. Baginda mendirikan Candi Shiwa-Buddha dan setelah kemangkatannya, patungnya dirupakan sebagai penyatuan kedua ugama itu. Penyatuan ini dijalankan kerana ajaran kedua-duanya telah dicampuradukkan oleh orang-orang Jawa sehingga ugama itu menjadi ugama mereka.

Dalam pemerintahannya, Kertanagara kurang mementingkan urusan dalam negeri. Oleh sebab perdana menteri ayahnya Raganata tidak menyetujui politik mengembangkan kekuasaan di luar Pulau Jawa maka beliau telah dipecat. Penggantinya, Kebo Jengah yang bergelar Sang Apanji Aragani adalah penyokong dasar perluasan kuasa Kertanagara itu.

Pada T.M. 1275, Kertanagara menghantar satu armada untuk menakluki Pulau Madura dan Sumatera. Hasil dari serangan itu, Pulau Madura, Raja Minangkabau dan Raja Melayu (Jambi) telah ditakluki sebelum T.M. 1292. Selain dari ingin meluaskan jajahan takluknya, penaklukan Kertanagara ke atas negeri-negeri itu adalah untuk menyatukan tenaga bagi menentang serangan dari negeri Cina yang dijangka akan datang tidak berapa lama lagi.

Pada T.M. 1283 tentera Kublai Khan telah menyerang negeri Campa, iaitu sebuah negeri Melayu di Indo-Cina. Kertanagara sedar lambat laun negerinya akan menjadi sasaran serangan Kublai Khan sekiranya ia tidak rela tunduk ke negeri Cina. Oleh itu baginda telah mengambil tiga langkah dalam stratejinya untuk menguatkan kedudukannya bagi menghadapi kemungkinan itu.

Pertama, menyatukan tenaga seluruh Pulau Jawa dan Sumatera dengan menakluki negeri-negeri di situ supaya tidak ada raja-raja Melayu yang memihak ke Cina.

Kedua, menakluki tempat-tempat strateji yang akan dilalui oleh armada Cina. Inilah sebabnya Pahang di Semenan-



jung Tanah Melayu dan Tanjung Pura di Borneo ditakluk sebelum T.M. 1292. Armadanya diletakkan di situ untuk menghalang armada Cina yang akan menyerangnya setelah utusan mereka disuruh pulang dengan dihinakan pada tahun 1289 dahulu.

Ketiga, mengadakan perikatan politik dengan negeri Campa yang juga menentang Kublai Khan. Perikatan ini dipereratkan lagi dengan pertalian keluarga, iaitu putri Kertanagara telah dikahwinkan dengan anak Raja Campa yang kemudiannya menjadi raja dengan gelaran Jaya Singawarman III (1288–1307).

Sungguhpun Raja Campa sebelum Singawarman bermati-matian menentang serangan Kublai Khan ke atas negerinya dahulu, baginda tidak pun menghalang armada Kublai Khan yang belayar menuju ke Jawa T.M. 1292 melalui pantai Campa. Singawarman hanya menyuruh armadanya mengikuti armada Cina itu supaya tidak mendarat di negerinya. Bantuan yang diharapkan oleh Kertanagara dari Campa tidak berhasil ketika tiba masa yang diperlukan.

Kertanagara tidak sempat menghadapi serangan armada Kublai Khan yang sampai pada T.M. 1293 kerana baginda telah tewas dalam pergolakan di negerinya sendiri, setahun sebelum itu. Ini adalah kerana kesilapannya sendiri yang terlalu menumpukan perhatian kepada perkara luar negeri. Pembiayaan angkatan perang yang besar dan dihantar keluar itu memerlukan cukai yang berat ke atas rakyat dan menimbulkan rasa gelisah di kalangan rakyat.

Penghantaran tentera keluar negeri menyebabkan hanya sedikit saja tentera yang berkawal di ibu kotanya. Ketika Kertanagara menghantar armadanya ke Semenanjung Tanah Melayu menanti serangan Kublai Khan, seterunya tidak melepaskan peluang mereka.

Sebagai seorang stratejis yang pintar Kertanagara telah menjalankan dasar mengukuhkan kekuatan politik dalam negeri dengan mengikat tali perkahwinan dengan bakal-bakal petanding kuasanya. Baginda telah menikahkan seorang putrinya dengan anak saudaranya, Raden Wijaya dan seorang putri yang lain dengan Ardharaja, putra Jayakatwang, Raja Kediri pada T.M. 1271.

Jayakatwang ialah keturunan Kertajaya (1200–1222), Raja Kediri yang akhir yang ditewaskan oleh Ken Arok nenek Kertanagara pada T.M. 1222. Kertanagara sedar bahawa Jayakatwang menaruh dendam akan kekalahan neneknya dahulu dan berharap ikatan keluarga akan membuat Jaya-



AMOY
CINA
KANTON
BURMA
LAUT
CINA
SELATAN
ANNAM
KEMBOJA
Armada Kublai Khan
CAMPA
PAHANG
TANJUNG
PURA
MELAYU
(Jambi)
MINANGKABAU
KEDERI
SINGOSARI
MADURA
BALI
LAUTAN HINDI
JAWA

Kawasan-kawasan di zaman pemerintahan Kertanagara.



katwang taat terhadapnya. Tetapi harapan ini meleset.

Penentangan terhadap Kertanagara telah berpusat pada Jayakatwang yang telah bersekutu dengan Aria Wiraraja, Gabenor Kertanagara di Madura. Aria Wiraraja berasal dari orang biasa saja, tetapi kerana pandai mengambil hati raja beliau telah dijadikan sebagai pembesar negeri. Tidaklah diketahui mengapa beliau menyokong gerakan untuk menggulingkan Kertanagara sendiri. Kertanagara sedar akan pakatan itu, tetapi tidak diketahui mengapa baginda tidak membunuh mereka saja untuk menghapuskan gerakan itu. Baginda hanya memindahkan Aria Wiraraja dari jawatannya di ibu kota Singhasari kepada Gabenor Madura supaya hubungannya dengan Jayakatwang terputus. Dugaan Kertanagara ini meleset juga kerana mereka masih meneruskan hubungan lagi.

Pada T.M. 1292 bila Wiraraja mengetahui bahawa armada Kertanagara telah pergi ke Semenanjung Tanah Melayu dan Singasari hampir tidak bertentera lagi, beliau telah memberitahu Jayakatwang bahawa saat untuk menyerang telah tiba. Jayakatwang menggunakan strateji serangan yang baik. Pada mulanya sebahagian kecil tenteranya menyerang dari utara Singhasari. Tentera Singhasari pun mengejar tentera Jayakatwang yang telah berundur itu. Mereka meninggalkan kota mereka dengan tidak berkawal langsung. Kemudian, dengan cepat Jayakatwang bersama tenteranya yang sebenar menyerang Singhasari dari barat. Ketika serangan ini berlaku, Kertanagara dan pembesar-pembesarnya sedang membuat kerja yang disukainya, iaitu bersuka-suka meminum tuak dan bermain perempuan. Singhasari telah jatuh ke tangan Jayakatwang pada bulan Mei 1292 dan Kertanagara telah dibunuh. Menantunya, Raden Wijaya telah berjuang dengan gigih dan dapat melarikan diri setelah Singhasari jatuh.

7. Raden Wijaya (1293–1309)
Raja Melayu yang mengalahkan tentera Mongol Kublai Khan

Kejayaan tentera Mongol menakluki negeri-negeri lain merupakan banjir yang tidak dapat ditahan-tahan lagi. Pada T.M. 1206 Genghiz Khan telah menyatukan sekalian orang Mongol dan memulakan gerakan menakluki negeri-negeri jiran. T.M. 1215 mereka menakluki Peking dan seluruh Cina Utara. T.M. 1221 mereka menawan Bukhara dan Samarkand di Asia Tengah. Rusia telah dapat ditaklukinya pada T.M. 1240 dan diikuti oleh Jerman Tengah setahun berikutnya.



Pada tahun 1258, Kota Baghdad yang ketika itu menjadi pusat tamadun Islam telah ditawan oleh mereka dan Khalifah Islam yang terakhir telah dibunuh. Iran dan Arab juga tertakluk kepadanya. Pada tahun 1279 seluruh negeri Cina telah menjadi milik orang-orang Mongol.

Walau bagaimanapun kemenangan yang tidak dapat ditahan oleh orang Eropah dan Asia itu telah mendapat kekalahan di empat buah tempat:

Pertama, di Syria oleh Sultan Baibars dari Masir pada T.M. 1260. Dengan kemenangan ini baginda telah menyelamatkan Masir dan seluruh benua Afrika dari serangan orang-orang Mongol.

Kedua, di Jepun oleh Samurai-samurai Jepun pada T.M. 1274 dan 1281.

Ketiga, di negeri Campa oleh Raja Indrawarman pada T.M. 1283 dan 1287.

Keempat, di negeri Jawa oleh seorang putra Melayu yang handal bernama Raden Wijaya pada T.M. 1293.

Raden Wijaya ialah anak lembu Tal dan cucu Narasinga yang pernah menjadi raja kedua di Singhasari di samping Sriwijaya Wishnuwardhana (ayah Kertanagara). Kertanagara telah mengambilnya sebagai menantu apabila Raden Wijaya dinikahkan dengan putrinya, Gayatri.

Di masa pemerintahan Kertanagara tidaklah diketahui apakah jawatan atau peranan Raden Wijaya ini. Tetapi semasa Jayakatwang menyerang Singasari, Kertanagara telah menyuruh Raden Wijaya mengetuai tentera Singasari untuk menentang serangan itu. Ini menunjukkan baginda sebagai seorang panglima perang yang handal dan telah mendapat kemenangan sebanyak tiga kali mengalahkan tentera Jayakatwang. Tetapi akhirnya baginda dikalahkan juga kerana tiba bantuan musuh dari Kediri dan khabar kejatuhan Singasari telah melemahkan semangat tentera Raden Wijaya.

Setelah melihat kekalahan itu, Raden Wijaya berfikir bahawa akan sia-sialah usahanya jika terus melawan tentera Jayakatwang. Baginda pun berundur bersama pengikutnya termasuklah Sora, Rangga Lawe dan Nambi (putra Aria Wiraraja). Isterinya Gayatri, telah ditangkap oleh tentera musuh dan dibawa ke Kediri.

Atas anjuran Nambi, mereka menyeberang ke Pulau Madura di mana mereka disambut oleh gabenornya Aria Wiraraja, sungguhpun beliau bersekutu dengan Jayakatwang. Ini boleh jadi kerana pujukan dari anaknya Nambi. Semasa di



Madura, Raden Wijaya telah membuat rancangan merampas kuasa dari Jayakatwang.

Oleh kerana baginda berkahwin dengan putri Kertanagara, orang-orang Singhasari akhirnya memihak kepadanya, tetapi ia perlu bergerak dengan perlahan-lahan.

Raden Wijaya telah menjalankan dua langkah dalam stratejinya:

Pertamanya, berusaha mendapatkan sokongan dari Aria Wiraraja yang menguasai Madura. Ini telah didapatinya kerana anak gabenor itu, Nambi merupakan sahabat karibnya.

Keduanya, baginda perlu mengumpulkan semula orang-orang Singhasari dan menunggu kepulangan armadanya yang dihantar bagi menentang armada Kublai Khan. Ini tentunya memerlukan masa. Sementara itu Raden Wijaya telah mengaburi mata Jayakatwang bahawa baginda tidak merupakan bahaya kepadanya. Untuk tujuan ini baginda telah pergi ke Singasari dan berpura-pura meminta ampun kepada Jayakatwang.

Mungkin kerana betul-betul yakin atau hendak menarik sokongan dari orang-orang Singhasari yang diketahuinya memandang tinggi kepada Raden Wijaya bagi menghadapi serangan Kublai Khan yang pasti akan tiba, Jayakatwang telah memaafkannya. Baginda juga memberikan tanah Tarik dekat Kali Brantas yang dipinta oleh Raden Wijaya itu. Tempat itu berhampiran dengan Madura yang telah memberi sokongan kepadanya. Dengan bantuan mereka, Raden Wijaya telah membina kampung di situ dan digelar Majapahit kerana seorang yang memakan buah maja di situ mendapati rasanya pahit. Majapahit didirikan pada akhir T.M. 1292. Sebaik saja ia siap dibina serangan Kublai Khan pun sampai ke Pulau Jawa.

Seperti yang telah disebut, Kertanagara telah memberi aib kepada utusan Kublai Khan serta menolak tuntutan membayar ufti dan tunduk ke negeri Cina. Kublai Khan sangat marah dan akan mengajar raja Jawa yang berani mencabarnya itu.

Baginda telah memerintahkan Gabenor Wilayah Fukien supaya menghantar Jeneral Shih Pi (seorang Mongol), Ike Mese (seorang bangsa Uighur) yang berpengalaman tentang perkapalan dan Kan Hsing (seorang Cina) untuk melanggar Pulau Jawa dan mengajar Kertanagara. Mereka telah mengetuai armada Mongol dengan 20,000 orang tentera, 100 buah kapal, makanan untuk setahun dan 40,000 longgok perak



untuk dijadikan wang upahan dan wang rasuah di Jawa.

Armada itu belayar dari Pelabuhan Chuan Chou (dekat Amoy sekarang) pada T.M. 1292 melalui Selat Karimata. Mereka telah berhenti di Pulau Billiton dalam bulan Februari tahun itu untuk membuat perahu bagi memasuki sungai-sungai di Jawa dan juga membaiki kapal-kapal mereka. Dalam masa menanti ini ejen-ejen telah dihantar ke Jawa bersama Jeneral Ike Mese dengan 500 orang tentera dan 10 buah kapal untuk mendapatkan maklumat dan meninjau kalau ada pihak-pihak yang mahu menyebelah ke pihak mereka.

Sebahagian dari tentera Mongol telah mendarat di Tuban dan berjalan kaki ke utara dari Kali Emas, manakala sebahagian yang lain pula belayar dari Tuban ke Surabaya, di muara Kali Brantas. Kedua-dua bahagian tentera itu bertemu di Pacikan di tepi Sungai Surabaya. Tiga utusan Mongol telah dihantar ke Majapahit untuk meninjau sikap Raden Wijaya. Dengan pantas Raden Wijaya menyebelah pihak Mongol kerana baginda sedar dengan bantuan Mongol baginda akan dapat mengalahkan Jayakatwang.

Setelah Jayakatwang kalah tentera Mongol tentu menjadi kurang kerana mati dalam peperangan. Dengan itu senanglah bagi Raden Wijaya mengumpulkan semua tentera Jawa untuk menghalau mereka keluar atas alasan memerdekakan Jawa dari penaklukan Mongol. Dengan tujuan ini, baginda menyatakan hendak tunduk kepada tentera Mongol, tetapi baginda tidak dapat meninggalkan tenteranya.

Raden Wijaya hanya dapat menghantar perdana menterinya dan 14 orang pembesarnya untuk memberi hormat. Baginda juga berjanji akan memberi putri-putri Kertanagara sebagai hamba kepada tentera-tentera Mongol. Baginda membuat helah ini supaya tenteranya tidak terlibat dalam pertempuran pertama antara pihak Mongol dan Jayakatwang.

Armada Jayakatwang yang menanti di Pacikan telah bertempur dengan armada Mongol di situ dan armadanya telah tewas. Tentera Mongol pun menuju ke Kediri, ibu kota Jayakatwang. Sementara itu sebahagian dari tentera Jayakatwang telah mengepung Majapahit untuk menawan Raden Wijaya. Raden Wijaya meminta pertolongan tentera Mongol. Apabila tentera Mongol datang menolong, mereka telah diserang dari tiga jurusan oleh tentera Jayakatwang tetapi dapat ditewaskan dekat Majapahit pada 3 Mac 1293.

Setelah itu tentera Raden Wijaya bersekutu dengan tentera Mongol menyerang Kediri yang sedang dipertahankan oleh Jayakatwang dengan 100,000 orang tentera. Per-



tempuran sengit berlaku di situ. Akhirnya Singhasari dapat dikalahkan dan Jayakatwang menyerah pada 24 April 1293. Ia kemudiannya meninggal dunia dalam tahanan Mongol.

Rancangan Raden Wijaya mengalahkan Jayakatwang dengan menggunakan tentera Mongol telah berjaya. Baginda perlu melancarkan rancangan yang kedua iaitu menghalau tentera Mongol dari Pulau Jawa. Dengan diam-diam baginda menyuruh orang-orangnya melarikan putri-putri Kertanagara dari istana Jayakatwang ke Majapahit untuk menyelamatkan mereka dari orang-orang Mongol.

Kemudian Raden Wijaya meminta izin dari pihak Mongol untuk kembali ke Majapahit bagi menyediakan ufti yang akan dipersembahkan kepada Kublai Khan. Baginda juga meminta supaya mereka diiringi oleh sebuah pasukan tentera Mongol. Dengan ini mereka dapat memecahkan pasukan tentera Mongol dan senanglah dikalahkan. Pihak Mongol bersetuju kerana mereka menganggap pasukan pengiring itu akan dapat menjamin supaya Raden Wijaya betul-betul menyiapkan ufti untuk Kublai Khan.

Setelah sampai di Majapahit tentera Mongol pun meminta ufti dan putri-putri Kertanagara seperti yang dijanjikan dahulu. Raden Wijaya menyatakan putri-putri itu mestilah dijemput oleh pembesar-pembesar Mongol dan bukan oleh tentera biasa. Sementara itu baginda telah memberi layanan yang baik kepada orang-orang Mongol untuk melalaikan perasaan mereka supaya mereka kurang bersedia.

Bila orang-orang Mongol datang meminta putri-putri itu, mereka berasa begitu terselamat sehingga tiada membawa senjata dan pengiring. Setelah mereka masuk ke dalam kota melalui pintu gerbang, mereka telah diserkap dan dibunuh oleh tentera Raden Wijaya. Pengikut-pengikut mereka yang di Majapahit pun diserang juga dan dibinasakan sama sekali.

Raden Wijaya telah mengumpulkan tentera-tentera Jawa untuk menyerang tentera Mongol yang terus naik ke kapal untuk balik ke Cina. Baginda beroleh kejayaan dan tentera-tentera Mongol tidak mahu berperang lagi kerana telah mengalami kekalahan teruk. Daripada 20,000 orang tentera mereka, 6,000 orang mati di medan perang manakala 3,000 orang lagi mati kerana demam malaria. Oleh itu mereka pun pulang ke Cina dengan kira-kira 10,000 orang tentera saja dan 100 orang tawanan termasuk anak-anak Jayakatwang pada 31 Mei 1293.

Mereka berada di Pulau Jawa selama empat bulan dan sampai semula ke Cina pada 8 Ogos 1293. Kublai Khan



sangat marah kepada Shih Pi kerana kalah dan hilang begitu banyak tentera. Baginda menyuruh supaya Shih Pi dipukul sebanyak 17 kali dengan cemeti serta merampas 1/3 daripada hartanya sebagai hukuman. Memandangkan kepada usianya yang telah lanjut iaitu 86 tahun, Kublai Khan telah mengembalikan semula harta Shih Pi itu kemudiannya.

Di Pulau Jawa pula, Raden Wijaya telah menaiki takhta Kerajaan Majapahit dengan nama Kertarajasa Jayavardana dan memerintah dari T.M. 1293 hingga 1309 iaitu selama 16 tahun. Supaya jangan timbul orang-orang yang akan menuntut takhta Kerajaan Singasari, baginda telah berkahwin dengan keempat-empat putri Kertanagara dahulu.

Raden Wijaya menjadi raja yang bijaksana kerana lebih mementingkan ketenteraman dan keamanan dalam negeri dan tidak meluaskan jajahan keluar negeri. Supaya tidak timbul hura-hara perebutan kuasa antara putra-putranya, baginda telah menjadikan putranya Raden Kala Gemet sebagai Putra Mahkota pada T.M. 1295.

Pengikut-pengikutnya yang setia dahulu semuanya dibalas jasanya. Aria Wiraraja dijadikan menteri tertinggi, Sora dan Nambi dijadikan pateh manakala Rangga Lawe dijanjikan akan dijadikan patih kemudiannya. Ketua kampung Kudadu yang membantunya ketika melarikan diri ke Madura dulu dikurniakan tanah Kudadu seluruhnya dan menjadi haknya sampai ke anak cucu.

Kerana pemerintahan yang adil dan bijaksana, negaranya telah menjadi makmur. Kota di tepi pantai seperti Tuban, Gresik, Surabaya dan muara Kali Brantas bertambah ramai penduduknya dan menjadi pusat perdagangan. Baginda juga telah membaiki hubungan semula dengan negeri Cina setelah Kublai Khan mangkat dan menghantar empat utusan ke negeri itu.

Raden Wijaya mangkat pada T.M. 1309. Di Muzium Jakarta terdapat patungnya yang dirupakan sebagai Visnu yang ditambah dengan sifat-sifat Shiwa.

8. Pateh Gajah Mada (1334–1364)
Bismark di Nusantara

Masa kecemasan akan menentukan samada seorang itu boleh dianggap sebagai pahlawan atau pengecut. Dari masa kecemasanlah telah memperlihatkan bakat Gajah Mada sebagai pemimpin besar Majapahit.

Kerajaan Majapahit telah didirikan oleh Raden Wijaya pada T.M. 1293. Pada T.M. 1309 Jayanagara, anak Raden



Wijaya telah menaiki singgahsana Majapahit. Tetapi dalam pemerintahannya Majapahit telah mengalami banyak pemberontakan dari pembesar-pembesar iaitu seperti berikut:

T.M. 1309 — Pemberontakan Rangga Lawe.
T.M. 1311 — Pemberontakan Sora.
T.M. 1313 — Pemberontakan Juru Demung.
T.M. 1314 — Pemberontakan Gajah Biru.
T.M. 1316 — Pemberontakan Nambi.
T.M. 1319 — Pemberontakan Semi dan Kuti.

Dalam pemberontakan Semi dan Kuti inilah Gajah Mada muncul sebagai seorang pemimpin yang cekal. Kuti telah menyerang angkatan Jayanagara dan berjaya menawan Kota Majapahit, tetapi Jayanagara sempat meninggalkan kota tersebut dengan 15 orang pengawalnya yang diketuai oleh Gajah Mada. Mereka telah melarikan diri ke kampung Badander.

Lama juga mereka tinggal di tempat perkongsian di rumah ketua kampung Badander itu. Seroang daripada pengawal mereka telah meminta izin untuk kembali ke Majapahit tetapi permintaannya ditolak oleh Gajah Mada kerana beliau takut kalau-kalau pengawal itu akan memberitahu Kuti tentang tempat persembunyian mereka. Oleh kerana pengawal itu menuntut juga hendak balik ke Majapahit, Gajah Mada dengan tidak ragu-ragu lagi membunuhnya. Demikian tegasnya beliau sebagai seorang pemimpin.

Lima hari kemudian, Gajah Mada sendiri pergi menyamar diri ke Majapahit untuk meninjau keadaan dalam kota. Dengan bijak beliau mencari jalan untuk mengetahui arah manakah sokongan pembesar-pembesar dan rakyat, samada kepada Jayanagara atau Kuti. Beliau telah membuat helah dengan menghebahkan berita bahawa Jayanagara telah mangkat dibunuh oleh pengikut-pengikut Kuti. Didapatinya ramai pembesar-pembesar dan rakyat menangis bila mendengar berita itu dan mengecam Kuti. Dari sini tahulah ia bahawa lebih ramai yang menyokong Jayanagara. Setelah itu barulah beliau menyatakan bahawa Jayanagara masih hidup dan bermuafakat dengan pembesar-pembesar serta rakyat untuk menumpaskan Kuti. Ini telah berjaya dan Jayanagara dapat kembali ke Majapahit.

Gajah Mada telah mengambil cuti selama dua bulan. Setelah menamatkan cutinya, beliau berhenti dari menjadi ketua pengawal istana. Sebagai hadiah dari jasanya itu, beliau telah dijadikan Pateh Kahuripan. Selepas dua tahun (1319—1321) memegang jawatan itu, beliau telah dijadikan



pula sebagai Pateh Daha dan bertugas di situ sehingga T.M. 1328, bila dipanggil balik ke Majapahit.

Ramai pembesar-pembesar dan rakyat Majapahit tidak sukakan Jayanagara kerana ibunya adalah putri Sumatera, dan mereka menyokong putri Raden Wijaya dengan isteri-isteri Jawanya. Keturunan Jayanagara ini juga menjadi salah satu sebab berlakunya beberapa pemberontakan di zaman pemerintahannya. Ini ditambah pula dengan kezalimannya sendiri. Peristiwa Tanca telah menegaskan ini lagi. Perkara tersebut berlaku tujuh tahun selepas Kuti ditumpaskan (1328) dan seterusnya mengakibatkan kematian Jayanagara. Ada dua orang putri Raden Wijaya dengan isteri Jawanya yang bergelar Bhre Kahuripan dan Bhre Daha, iaitu saudara sebapa dengan Jayanagara. Mereka hendak dikahwini oleh Jayanagara untuk mengukuhkan lagi sokongan rakyat kepada pemerintahannya. Pegawai-pegawai yang hendakkan putri-putri itu telah dihalau. Tetapi rancangannya gagal kerana kesilapannya sendiri. Putri-putri itu tidak mahu dikahwini, dan Jayanagara telah berkelakuan tidak senonoh terhadap mereka. Ini merupakan satu tindakan yang sumbang kepada adat. Tanca, seorang pembesar yang bencikan tindakan Jayanagara itu telah mencari jalan untuk membunuh raja itu.

Gajah Mada juga benci akan tindakan Jayanagara itu dan menyokong pihak putri-putri tersebut. Dengan licinnya, beliau mengakibatkan kematian Jayanagara, tetapi mendapat faedah untuk dirinya sendiri. Beliau telah menghasut dan membakar hati Tanca terhadap Jayanagara. Kebetulan pula raja itu sedang mengidapi sakit bisul dan Tanca ditugaskan untuk mengubatinya. Tanca mengambil kesempatan ini dengan menikam raja itu dan dengan cepat Gajah Mada membunuhnya pula. Dengan pembunuhan yang serta-merta itu tidaklah sesiapa menyangka bahawa sebenarnya Gajah Mada mempunyai peranan di belakang peristiwa itu. Sebaliknya pula beliau kelihatan sebagai pembela raja. Tindakan ini dengan serta-merta menyebabkan pengikut-pengikut Jayanagara dan pengikut-pengikut putri-putri tadi menyokongnya. Dari tindakan ini jelas kelihatan kepintaran Gajah Mada sebagai seorang politikus dan ahli tipu muslihat (intrigue) untuk mendapat sokongan rakyat.

Tindakan itu juga memberi kesan yang baik kerana kelihatan beliau bertindak untuk menegakkan kembali hak keturunan raja Kertanagara dan bukan untuk kepentingan dirinya sendiri. Oleh itu beliau telah mendapat kepercayaan dari semua orang di Majapahit.



Setelah Jayanagara mangkat, Gajah Mada telah mengangkat Bhre Kahuripan dan Bhre Daha untuk bersama-sama memerintah Majapahit. Tujuannya untuk menghindarkan daripada segala kesulitan yang mungkin timbul jika salah seorang dari mereka saja yang dijadikan pemerintah. Pada masa itu (1328) Aria Jadah masih menjadi Pateh Amangkubumi, yang telah mula berkhidmat sejak T.M. 1319 lagi. Gajah Mada terus menjadi Pateh Daha. Pada T.M. 1329 Aria Jadah jatuh sakit dan sering tidak dapat menjalankan tugasnya. Kerana ini ia meminta dibebaskan dari jawatannya tetapi tidak disetujui oleh kedua putri itu. Aria Jadah telah memikirkan bahawa Gajah Madalah yang patut menggantikan tempatnya. Beliau pun memujuk Gajah Mada untuk menjadi pateh, tetapi Gajah Mada mengira belum sampai masanya bagi memegang jawatan tersebut. Tawaran itu juga ditolak dengan alasan beliau berasa malu untuk menjadi pateh dan ada urusan di Sadeng (satu tempat di Jawa Timur). Dan setelah menundukkan Sadeng nanti barulah beliau mahu menerima jawatan itu. Tindakan ini dibuatnya untuk meninjau sejauh manakah Aria Jadah betul-betul mahukan beliau menjadi pateh, dan tidak ingin akan berbangkit apa-apa tentangan kemudiannya. Aria Jadah telah berjanji akan menawarkan lagi jawatan itu kepadanya setelah ia balik dari Sadeng nanti. Ini meyakinkan Gajah Mada akan kejujuran Aria Jadah. Beliau ingin menangguhkan masa untuk memegang jawatan politik setelah menundukkan Sadeng yang sedang memberontak agar orang-orang lain akan menganggap bahawa beliau memang layak untuk menduduki jawatan pateh Majapahit itu.

Tetapi, hajat Gajah Mada untuk menundukkan Sadeng telah kecewa kerana tempat tersebut telah lebih dahulu dikepung oleh panglima lain bernama Kembar. Untuk menghindarkan pertelingkahan antara Gajah Mada dan Kembar, Rani Majapahit telah datang mengetuai tenteranya sendiri dan menawan Sadeng pada T.M. 1331.

Penaklukan Sadeng merupakan satu batu tanda dalam sejarah Majapahit dan berakhirnya peringkat konsolidasi pemerintahan Majapahit di Pulau Jawa. Selepas ini bolehlah ia meluaskan pemerintahannya keluar pulau itu. Pada T.M. 1334 berlaku gempa bumi di Jawa dan mengikut pendapat orang masa itu, menunjukkan akan terjadi satu perubahan besar dalam politik pemerintahan. Kebetulan pula pada tahun itu Gajah Mada dilantik menjadi Pateh Amangkubumi seluruh Majapahit dan kuasa untuk menetapkan politik pemerintahan adalah di tangannya.



Pada T.M. 1336, di hadapan Rani dan segala menteri, Gajah Mada telah bersumpah, "Jika telah berhasil menundukkan Nusantara, saya baru akan beristirahat. Jika Gurun, Seram, Tanjung Pura, Haru, Pahang, Dompo, Bali, Sunda, Palembang, Temasik telah tunduk saya baru akan beristirahat."

Sumpah ini merupakan manifesto polisi politik yang akan dilaksanakannya. Manifesto ini merupakan polisi penyatuan pulau-pulau di Nusantara di bawah satu pemerintahan dan digelar Gagasan Nusantara. Sebelum Gajah Mada, hanya seorang saja pemerintah di Jawa yang bercita-cita hendak menyatukan Nusantara, iaitu Kertanagara tetapi usahanya telah gagal akibat pemberontakan dalam negeri dan serangan tentera Mongol. Setelah itu usaha mendirikan semula Kerajaan Majapahit dan menumpaskan pemberontakan-pemberontakan telah diambil perhatian oleh raja dan pembesar-pembesar.

Tidaklah hairan kalau pembesa-pembesar yang tua dan berpengalaman mengejek dan mentertawakan sumpah Gajah Mada ini kerana mereka tidak mempunyai *vision* yang boleh melangkau Pulau Jawa. Bila tiada *vision* maka tiadalah tenaga.

Kertanagara gagal dalam menyatukan Nusantara kerana kurang realistik dari Gajah Mada. Baginda hanya berusaha menyatukan Nusantara melalui tali persahabatan, tali perkahwinan, ilmu batin dan sedikit saja melalui penaklukan. Gajah Mada lebih realistik lagi dan mengetahui bahawa dalam keadaan politik masa itu hanya penaklukan secara terus saja yang akan menghasilkan penyatuan seluruh Nusantara. Oleh itu beliau perlu menjalankan dasar "Darah dan Besi" (Blood and Iron) seperti yang dijalankan oleh Bismark (1815—1898) semasa menyatukan Jerman.

Beliau merasa dihina bila ditertawakan dan diejek oleh pembesar-pembesar lain, lalu beliau turun dari paseban (balai mengadap) dan membunuh dua orang pembesar, termasuk Kembar yang telah didendamnya sejak peristiwa Sadeng dahulu. Masa itu juga adalah masa untuk menunjukkan bahawa beliau bersungguh-sungguh dalam apa-apa tindakannya. Gajah Mada telah memberi amaran kepada pembesar-pembesar yang lain bahawa kalau mereka tidak mahu bekerjasama, mereka juga akan dimusnahkan. Tindakannya yang tegas ini telah berkesan.

Gajah Mada merasa bertuah kerana pemerintahnya ialah raja perempuan yang banyak terhutang budi kepadanya. Oleh



itu, beliau tidak dihalang dalam apa-apa juga rencana politiknya.

Pelaksanaan sumpahnya itu mengambil masa selama 21 tahun sehingga melangkau kepada pemerintahan Hayam Wuruk. Strateji Gajah Mada dalam melaksanakan sumpahnya adalah seperti berikut:

1. Menghancurkan penentang-penentang dasarnya di kalangan pembesar-pembesar dalam negeri.
2. Mengadakan pemerintahan yang baik dalam negeri untuk terus mendapat sokongan rakyat.
3. Penaklukan ke atas Sumatera.
4. Penaklukan ke atas Semenanjung Tanah Melayu.
5. Penaklukan ke atas Kalimantan.
6. Penaklukan ke atas pulau-pulau di timur Pulau Jawa.
7. Penundukan semula Jawa Barat (Sunda).

Peristiwa-peristiwa seperti berikut adalah diketahui tarikhnya dengan jelas,

T.M. 1336	— Sumpah Gajah Mada.
T.M. 1343	— Penaklukan ke atas pulau-pulau yang di bawah takluk Bali seperti Kangean, sebahagian Sumbawa, Lombok, Madura, Ujung Jawa Timur dan sebahagian Sulawesi.
T.M. 1357	— Menakluki Dompo di Pulau Sumbawa.
T.M. 1357	— Penaklukan ke atas Pulau Sunda (Jawa Barat) dan peristiwa Bubat.
T.M. 1357	— Gajah Mada tidak menjadi Pateh Majapahit.
T.M. 1359	— Gajah Mada dipanggil menjadi pateh semula.
T.M. 1364	— Gajah Mada meninggal dunia.

Mengikut *Hikayat Raja-raja Pasai*, armada Majapahit pada mulanya telah menakluki Pasai dan setelah itu terus menakluki seluruh Sumatera, Semenanjung Tanah Melayu, Kalimantan dan pulau-pulau di timur Pulau Jawa. Berdasarkan ini bolehlah dianggap bahawa Sumatera, Semenanjung Tanah Melayu dan Kalimantan telah ditakluk sebelum T.M. 1343.

Hayam Wuruk menaiki takhta Majapahit dengan gelaran Batara Prabu Sri Rajasanagara pada T.M. 1350 dan memerintah sehingga T.M. 1389. Pada zamannyalah Majapahit mencapai ke puncak kebesarannya menjadi kerajaan yang



terbesar dalam sejarah Nusantara. Orang yang memberikan jasa besar dalam kegemilangan ini ialah Gajah Mada.

Nagarakretagama dan *Hikayat Raja-raja Pasai* menyebut kawasan berikut adalah sebagai wilayah-wilayah Majapahit:

a) Bali, Ambon, Maluku, Seram, Timor, Dompo, Lombok, Luwuk, Sumba dan Gurun di timur Pulau Jawa.

b) Langkasuka, Kelantan, Terengganu, Paka, Muara Dungun, Temasik, Kelang, Kedah dan Jerai di Semenanjung Tanah Melayu.

c) Jambi, Palembang, Minangkabau, Siak, Pekan, Kampar, Haru, Mandailing, Tumihang, Perlak, Samudra, Lamuri, Batan, Lampung dan Berus di Sumatera.

d) Tanjung Negara, Kapuas, Katingan, Sampit, Kota Linggi, Kota Waringin, Sambas, Banjar Masin, Mempawah, Sukadan, Lawai, Barito dan Tanjung Kute di Kalimantan.

Mengenai perhubungannya dengan negara-negara besar di luar Nusantara, Gajah Mada telah menjalankan dasar persahabatan dan mengelakkan dari permusuhan. Ada disebut bahawa Majapahit telah bersahabat dengan Ayuthia (Siam), Martaban (Burma), Kalingga (India Selatan), Campa, Kemboja, Annam dan Cina.

Usaha pengluasan pemerintahan Majapahit ini tamat pada T.M. 1357 setelah peristiwa Bubat. Pada masa itu Hayam Wuruk berumur 23 tahun dan hendak mengambil putri Sunda Dyah Pitaloka sebagai permaisurinya. Pateh Gajah Mada diutus menghadapi Raja Sunda untuk menyampaikan maksudnya itu. Raja itu datang ke Bubat (sebuah pelabuhan di Majapahit) tetapi tidak membawa putrinya kerana hendak membuat perundingan. Gajah Mada mahukan putri itu dipersembahkan kepada Hayam Wuruk sebagai tanda Sunda takluk kepada Majapahit. Tetapi Raja Sunda tidak bersetuju dan hendakkan putrinya berkahwin dengan raja yang setaraf. Tentera Majapahit pun mengepung orang-orang Sunda. Melihatkan ini raja tersebut mulai mahu menurut kehendak Gajah Mada, tetapi panglima-panglimanya menentang dan sedia berkorban nyawa untuk menjaga maruah negeri mereka. Mereka telah berjuang dengan gagahnya dan mengundurkan tentera-tentera Majapahit beberapa kali tetapi akhirnya mereka tewas juga. Mendengar-



kan berita bahawa ayahnya telah mangkat putri Sunda itu pun membunuh diri. Hayam Wuruk jatuh sakit kerana sedih akan kematian putri itu dan marahkan Gajah Mada. Beliau pun diberhentikan dari menjadi pateh selama kira-kira 2 tahun (1357 -1359) lalu pulang ke desanya. Tetapi, setelah kemarahan Hayam Wuruk reda, beliau dilantik semula menjadi Pateh Majapahit pada T.M. 1359 dan berkhidmat sehingga beliau meninggal pada T.M. 1364.

Perhatian Gajah Mada tertumpu kepada pengluasan daerah dan tidak diketahui apakah peranan yang telah dimainkannya dalam menentukan dasar dalam negeri. Pujangga Prapanca dalam *Nagarakretagama* telah memberi gambaran yang jelas tentang pentadbiran di Majapahit. Menurutnya ayah Batara Majapahit telah mentadbirkan hal-hal keadilan, cukai dan pengelasan penduduk-penduduk. Ayah saudaranya pula mengawasi hal-hal pertanian, menjaga jalan raya dan jambatan, membanci semua desa, tanah-tanah wakaf dan keluarga. Tugas-tugas polis juga ditentukan. Kerja-kerja tertentu telah ditetapkan untuk kelas-kelas penduduk.

Selain dari itu diadakan juga aturan tentang memberi hadiah kepada pegawai-pegawai dan wakil yang menyelenggara tentera, melindungi penanaman dan milik tanah, bayaran cukai kerajaan, pentaksiran cukai dan beberapa jenis kerahan kerja. Kebanyakan aturan-aturan ini bolehlah dianggap sebagai aturan Gajah Mada untuk mengadakan pemerintahan yang baik di dalam negeri.

Beliau juga dikatakan menyuruh orang menulis buku undang-undang Manu (India) yang telah digunakan sebelumnya. Sumber undang-undang ini ialah dari hukum-hukum yang tertulis, adat resam, amalan orang dahulu, pendapat guru ugama dan pendapat orang-orang tua. Ditentukan juga saksi yang jujur mesti digunakan dalam perbicaraan.

Bila Gajah Mada meninggal dunia, Hayam Wuruk tidak dapat mencari seorang yang sesuai yang boleh menjalankan tugasnya. Oleh itu tugasnya telah dibahagikan kepada 4 orang iaitu:

1) Mpu Tandi sebagai Wreddhamantri.
2) Mpu Nala sebagai Mancanagara dengan pangkat temenggung.
3) Pateh Dami sebagai Yuwamantri (wali kota Majapahit dan menteri muda yang mengurus hal-ehwal istana).
4) Mpu Singa sebagai setiausaha negara.



Hayam Wuruk telah memimpin pemerintahan secara langsung. Setelah tiga tahun (1369) barulah baginda melantik Gajah Enggon sebagai Pateh Amangkubumi yang baru.

Bagi kerajaan Majapahit kehidupan Gajah Mada laksana matahari. Waktu mula-mula munculnya pada T.M. 1319, beliau telah membebaskan kerajaan Majapahit dari ancaman pemberontak Kuti. Namanya mempunyai hubungan yang erat dengan peristiwa Bandander. Namanya juga terus naik dan T.M. 1334 apabila dilantik menjadi Pateh Amangkubumi. Pada T.M. 1336 beliau mengumumkan sumpahnya untuk menyatukan Nusantara. Ini telah dilaksanakan lebih dari yang diharapkan. Gajah Mada meninggal pada T.M. 1364, selepas itu Majapahit mulai muram. Lama-kelamaan kesatuan Nusantara itu pecah akibat perebutan kuasa di antara waris-waris kerajaan. Demikianlah kegemilangan kerajaan Majapahit itu yang bertalian erat dengan kehidupan Gajah Mada. Menurut Prof. Slamet Muljono "Sejarah Majapahit yang gilang-gemilang pada hakikatnya adalah sejarah kehidupan Pateh Amangkubumi Gajah Mada."



III

Zaman Kerajaan-kerajaan Islam Melaka, Jawa dan Aceh (1400–1641)

Ugama Islam telah mula tersebar di Sumatera Utara pada kira-kira awal K.M. XIII. Ugama ini dibawa oleh mubaligh-mubaligh serta saudagar-saudagar dari Arab, Parsi dan India. Pada mulanya Pasai telah menjadi pusat pengajian dan penyebaran ugama Islam di Nusantara antara T.M. 1265 hingga 1400. Selepas T.M. 1400 hingga 1511, Melaka telah mengambilalih peranan tersebut. Ugama ini tersebar pula ke Jawa melalui orang-orang Jawa yang berniaga dan belajar di Melaka. Setelah Melaka jatuh ke tangan Portugis pada T.M. 1511, peranan pusat ini telah berpindah pula ke Aceh, Jawa dan Brunei. Dari pusat-pusat inilah pengislaman seluruh Kepulauan Melayu telah dilaksanakan.

Ugama Islam telah membawa cara-cara pemerintahan, nilai dan susunan masyarakat yang baru dan menjadi asas kepada masyarakat serta keperibadian bangsa Melayu sehingga sekarang. Islam dan Melayu merupakan *synonymos* dan kedua-duanya tidak dapat dipisahkan.

Pengaruh Islam telah dapat mendirikan Kerajaan-kerajaan Melayu yang kuat dan melahirkan pemimpin-pemimpin yang berperibadi besar seperti Tun Perak, Sultan Agung dan Iskandar Muda. Tetapi kejayaan setengah-setengah mereka ini terbantut kerana adanya halangan dari kuasa-kuasa Barat yang mempunyai teknoloji peperangan yang lebih tinggi. Zaman ini juga adalah merupakan zaman kegemilangan bagi kesusastraan Melayu klasik yang melahirkan pujangga-pujangga dan ulama-ulama besar seperti Hamzah Fansuri, Nurudin Ar-Raniri, Bukhari Johari, Syamsudin As-Samatrani dan Abdul Rauf Singkel. Mereka telah membawa pengaruh besar dalam membentuk bahasa dan pemikiran orang-orang Melayu.



9. Parameswara atau Megat Iskandar Syah (1403—1424) Pembangun Kerajaan Melayu Melaka

Sebagai pembangun Kerajaan Melayu Melaka dan "pemula" zaman keemasan Melayu di Semenanjung, nama Parameswara atau Megat Iskandar Syah tidak akan dilupakan oleh sejarah. Baginda juga yang mula-mula mengatur sistem pentadbiran Kerajaan Melaka. Riwayat dari *Sejarah Melayu* tentang raja-raja Melaka sebelum Sultan Muzaffar Syah (1446) adalah keliru sedikit dari segi sejarah. Oleh itu catitan orang-orang Cina dan orang-orang Portugis lebih boleh dipertanggungjawabkan.

Dalam T.M. 1403 utusan Cina bernama Yin Cing telah menjumpai Raja Melaka bernama Pa-Li-Su-La. Ini menepati catitan orang-orang Portugis seperti Tome Pires (yang berada di Melaka dalam T.M. 1512—1515), Barros dan anak D'albuqerque yang menyatakan bahawa Raja Melaka yang pertama ialah Parameswara atau Permaisura.

Parameswara ialah seorang anak Raja Palembang keturunan Sailendra yang berkahwin dengan seorang putri Majapahit. Dalam perebutan kuasa di Majapahit pada T.M. 1401, baginda telah lari ke Singapura (Temasik) yang pada masa itu di bawah seorang ketua bergelar Temagi dan ditakluki oleh Siam.

Parameswara telah menakluki Singapura dari Temagi, tetapi pada T.M. 1402 baginda telah dihalau oleh Raja Pahang atau Raja Patani yang menjadi wakil Raja Siam. Setelah berundur dari Singapura baginda pergi ke Muar dan akhirnya ke Melaka yang masa itu merupakan sebuah perkampungan kecil.

Bagindalah yang telah membangunkan bandar Melaka dan baginda jugalah yang telah memeluk ugama Islam pada T.M. 1414 ketika berumur 72 tahun (mengikut catitan orang-orang Portugis).

Orang-orang Cina pula mencatit bahawa pada T.M. 1414 Raja Melaka bernama Mukansautirsha telah melawat negeri Cina. Nama ini dalam bahasa Melayu sebenarnya ialah Megat Iskandar Syah.

Dengan membandingkan catitan-catitan Portugis dan Cina ini, R.O. Winstedt telah membuat kesimpulan bahawa Raja Melaka yang pertama bernama Permaisura sebelum memeluk ugama Islam, dan Megat Iskandar Syah setelah memeluk ugama itu.

Kesimpulan Winstedt ini telah diterima oleh ramai ahli-ahli sejarah. Parameswara mangkat pada T.M. 1424 setelah



memerintah selama 20 tahun. Baginda menjumpai Melaka sebagai sebuah kampung dan meninggalkannya sebagai sebuah bandar serta pusat perniagaan terpenting di Selat Melaka sehingga orang-orang Arab menggelarkannya sebagai *Malakat* (perhimpunan segala pedagang).

Melaka ialah pilihan yang baik untuk dijadikan pelabuhan. Ia mempunyai bukit yang mudah dijadikan tempat pertahanan iaitu Bukit. St. Paul sekarang. Kota di bukit ini dapat mengawasi muara Sungai Melaka yang terlindung dari angin kencang dan kapal-kapal boleh berlabuh dengan selamat di situ. Ia juga terletak di hujung sebelah barat jalan perniagaan yang melintas Semenanjung melalui Sungai Muar, Sungai Pahang dan Jalan Penarikan. Sungguhpun Melaka bukan di bahagian tergenting sekali di Selat Melaka tetapi ia terletak di tempat yang selamat bagi pelabuhan. Bahagian tergenting terletak di Kelang tetapi di sini dipenuhi oleh paya bakau dan banyak batu karang serta pasir.

Parameswara telah menjalankan polisi menarik pedagang-pedagang ke Melaka seperti yang dibuat oleh Stamford Raffles 400 tahun kemudiannya di Singapura, iaitu dengan mengadakan sistem pentadbiran yang baik. *Sejarah Melayu* (cerita kesebelas) mengisahkan bahawa raja-raja Melaka memerintah dengan adil dan saksama. Ia juga mengadakan gudang-gudang di bawah tanah untuk kegunaan pedagang-pedagang (demikian kata Meilink Roelofsz).

Melaka bernasib baik semasa Parameswara kerana pusat-pusat perniagaan yang lain di Selat Melaka telah mundur. Pasai dialahkan oleh Majapahit pada T.M. 1365, dan dialahkan pula oleh negeri Nakur (dalam daerah Aceh sekarang) kira-kira T.M. 1412. Palembang telah lama hilang keagungannya, manakala Singapura telah dihancurkan oleh Majapahit pada T.M. 1360 atau 1377. Majapahit sendiri pula kucar-kacir kerana rebutan kuasa pada kira-kira T.M. 1401.

Sebagai bandingan, majunya Singapura di bawah Raffles T.M. 1819 disebabkan Kompeni Belanda mengenakan cukai yang tinggi di Melaka dan Betawi. Pulau Riau yang maju di bawah Raja Haji telah menjadi mundur di bawah Residen Belanda, manakala pelabuhan-pelabuhan di Sumatera kucar-kacir kerana ketidakstabilan politik. Pulau Pinang pula terletak terlalu jauh ke Utara dan kedudukannya itu tidak di tengah-tengah Kepulauan Melayu. Oleh kerana kedudukan dan pentadbiran yang baik itu kedua-dua Melaka dan Singapura kemudiannya telah dapat menarik pedagang-



pedagang dari sekitar Kepulauan Melayu, India, Arab dan Cina. Di sinilah letaknya keagungan Parameswara, seperti juga Raffles kemudiannya. Parameswara mengetahui akan kemungkinan-kemungkinan Melaka sebagai pusat perniagaan dan baginda menggunakannya dengan berjaya sekali.

Tidaklah benar seperti kata setengah-setengah ahli sejarah Barat bahawa Parameswara memaksa kapal-kapal perniagaan supaya singgah di Melaka. Sebaliknya orang-orang Belanda yang berbuat demikian di Melaka kemudiannya, tetapi ia tidak maju. Mengapakah pula Parameswara telah berjaya berbuat demikian? Ini adalah semata-mata tuduhan yang berdasarkan prasangka bahawa orang-orang Melayu tidak boleh memerintah.

Parameswara memulakan pentadbiran yang baik dan menjalankan empat langkah untuk menggalakkan perniagaan di Melaka:

Pertamanya, mengadakan sistem pentadbiran yang adil dengan melantik 4 orang menteri. Baginda telah menyiasat dan membicarakan orang di balai penghadapan, dan mengadakan 40 orang bentara yang berdiri di ketapakan balai untuk menjalankan titah raja.

Kedua, mengadakan kemudahan kepada saudagar-saudagar seperti membina jambatan menyeberang Sungai Melaka yang berhampiran dengan istananya. Di atas jambatan ini baginda membina 20 buah kedai untuk saudagar-saudagar berjual beli semua jenis barang. Baginda juga membina gudang-gudang untuk simpanan wang dan barang-barang dagangan, yang dikelilingi oleh satu pagar kayu yang kuat dan terletak di tengah-tengah kota.

Ketiga, mengenakan cukai yang sederhana dan menetapkan sukatan-sukatan yang adil.

Keempat, menjamin keamanan dan keselamatan dalam bandar Melaka yang dikelilingi oleh sebuah kota kayu yang mempunyai empat pintu gerbang. Tiap-tiap pintu gerbang terdapat menara di mana ada penjaga dan gong. Pada waktu malam ada pengawal-pengawal yang membawa loceng dan api damar meronda di dalam kota itu. Ini menjamin keselamatan rakyat dan saudagar-saudagar. Maklumat-maklumat tentang ini telah didapati dari catitan orang Cina dahulu.

Bila dasar di atas diubah oleh Sultan Mahmud kira-kira 70 tahun kemudiannya, saudagar-saudagar mula merasa tidak puas hati dan sehingga ada yang menyokong Portugis, menyerang Melaka dalam T.M. 1511.

Parameswara juga seorang ahli politik yang bijaksana. Ini



tentulah dari hasil pengalamannya di Majapahit, Palembang dan Singapura dahulu. Baginda menjalankan dasar perimbangan kuasa (balance of power) seperti yang dijalankan oleh Kerajaan Inggeris di Eropah pada K.M. XVII.

Kerana menyedari Melaka masih lemah, sehingga T.M. 1403, Parameswara mengakui takluk kepada Siam dengan membayar ufti sebanyak 40 tahil emas tiap-tiap tahun. Dengan datangnya utusan Cina bernama Yin Cing pada T.M. 1403, Parameswara cepat menyedari bahawa inilah peluangnya untuk melepaskan Melaka dari belenggu Siam. Baginda sedar, dengan mengakui bernaung di bawah Kerajaan Cina, Melaka mendapat empat faedah. Pertamanya, perniagaan orang-orang Cina akan didapati oleh Melaka kerana kapal Cina tentu akan singgah di situ tiap-tiap tahun.

Keduanya, hadiah-hadiah yang diterima oleh Raja Melaka dari Raja Cina lebih besar daripada ufti yang perlu dibayar kepada raja itu.

Ketiganya, kerana negeri Cina jauh dari Melaka, penguasaan politik Cina sebenarnya ke atas Kerajaan Melaka tidak berapa ada.

Keempatnya, Melfika boleh menggunakan kuasa Kerajaan Cina untuk melepaskan diri dari kuasa Siam dan kemudiannya bolehlah ia meluaskan kekuasaannya.

Semua fikiran Parameswara ini menjadi kenyataan. Utusan Kerajaan Cina selepas itu telah memberi amaran kepada Siam supaya jangan mengganggu Melaka lagi. Demikianlah Parameswara memainkan dasar perimbangan kuasa, iaitu menggunakan kuasa Cina melawan Siam dengan memberi faedah kepada Melaka. Ini serupalah seperti apa yang dibuat oleh Perdana Menteri Inggeris, Winston Churchill pada T.M. 1940—1945 yang menggunakan kuasa Amerika Syarikat melawan Jerman. Keagungan Parameswara dari segi ini nampak jelas.

Baginda telah juga melawat negeri Cina dengan 540 orang pengikutnya pada T.M. 1411, 1414 dan 1419. Dasarnya ini diteruskan oleh Raja-raja Melaka kemudiannya sehingga ia cukup kuat menentang Siam dan tidak lagi memerlukan naungan Cina.

Mengikut catitan Portugis, Parameswara telah memeluk ugama Islam pada T.M. 1414 setelah berkahwin dengan putri Islam dari Pasai. Baginda telah menggalakkan perkembangan ugama Islam di Melaka. *Sejarah Melayu* mencatitkan bahawa setelah masuk Islam, baginda telah menyuruh semua lapisan rakyat di Melaka memeluk ugama tersebut.



Catitan Cina pula menerangkan bahawa semasa Parameswara balik dari Negeri Cina dalam T.M. 1411, baginda telah membawa balik beberapa orang ahli pertukangan Cina berugama Islam yang turut membangunkan masjid-masjid di Melaka. Inilah sebabnya kita dapati bangunan-bangunan masjid di Melaka yang tua masih menurut bentuk bangunan Cina, terutama sekali, menaranya yang serupa dengan bentuk Pagoda Cina. Catitan Cina juga menerangkan bahawa Parameswara dan orang-orangnya mengikut hukum-hukum Islam serta taat puasa dan sembahyang. Menurut Profesor Paul Wheetley, "Tidak syak lagi bahawa Parameswara ialah seorang pemerintah yang cekap dan ahli politik yang licin."

10. Tun Perak (1448—1498)
Negarawan Melayu yang teragung di Melaka

Tun Perak ialah seorang agung yang memenuhi jawatan agung sebagai Bendahara Paduka Raja. Beliau telah berkhidmat dengan cemerlangnya selama kira-kira 50 tahun di bawah 4 orang Sultan Melaka mulai dari Sultan Muzaffar Syah (1446—1459), Sultan Mansur Syah (1459—1477), Sultan Alaudin Riayat Syah (1477—1488) dan hingga kepada awal pemerintahan Sultan Melaka terakhir, Sultan Mahmud Syah (1488—1511). Di bawah pimpinannyalah, Kerajaan Melaka telah mencapai zaman keemasannya.

Tun Perak memang berasal dari keturunan keluarga pemimpin. Bakat serta tradisi memimpin mungkin telah diwarisinya dari ayah dan datuknya yang juga menjadi Bendahara. Setelah ayahnya, Bendahara Sriwa Raja meninggal dunia, jawatan itu telah diberi oleh Sultan Muzaffar Syah kepada Tun Ali atau Seri Nara Diraja kerana beliau adalah bapa saudara Sultan sebelah ibu. Beliau juga yang telah mengetuai *coup d'etat* yang meletakkan Sultan Muzaffar Syah di atas takhta pada T.M. 1446.

Tun Perak telah pergi ke Kelang dan tinggal serta berkahwin di situ. Di Kelang, bakatnya sebagai pemimpin telah kelihatan. Bila penghulu di situ diusir oleh orang-orangnya, mereka telah memohon kepada Sultan Muzaffar Syah supaya Tun Perak dijadikan penghulu yang baru. Ini telah dikabulkan oleh Sultan dan beliau pun memerintah Kelang dengan baiknya. Beliau boleh memimpin orang kerana mengetahui saikoloji manusia dan bagaimana mendorong mereka supaya bertindak untuk mencapai tujuan-tujuan yang telah dirancangnya. Ini jelas kelihatan dari tindakannya semasa Siam menyerang Melaka pada kira-kira T.M. 1446.



Pada masa itu Sultan Muzaffar Syah telah mengumpulkan orang-orang dari semua jajahan Melaka di Kota Melaka untuk menentang serangan Siam yang datang mengikut jalan darat melalui Sungai Pahang dan Sungai Muar. Penghulu-penghulu yang lain hanya membawa perajurit-perajurit saja. Tetapi Tun Perak membawa sama anak isteri perajuritnya dari Kelang. Bila ditanya mengapa beliau berbuat demikian, dengan jitu Tun Perak menjawab bahawa perajuritnya akan lebih kuat berjuang untuk mempertahankan anak isteri mereka daripada mempertahankan raja saja. Kebolehan mengetahui saikoloji manusia inilah sebagai anak kunci memimpin manusia dan Tun Perak telah mendapatnya.

Bila Sultan mendengar jawaban Tun Perak itu, baginda sedar bahawa kebolehannya itu akan terbiar dan merugikan negara kalau Tun Perak terus bertugas di Kelang. Mungkin Sultan sedar akan satu pepatah Cina "Naga tidaklah patut tinggal di dalam kolam." Kelang adalah kolam kepada kebolehan Tun Perak. Setelah serangan Siam dapat dikalahkan ketua daerah lain disuruh Sultan kembali ke tempat masing-masing kecuali Tun Perak. Beliau dijadikan Bentara supaya bertugas di ibu kota Melaka.

Satu lagi sifat pemimpin yang ada padanya ialah kebolehannya menggunakan keadaan kelilingnya, walaupun keadaan itu berbahaya. Ini disebabkan beliau memahami benar apa yang dibuatnya dan disokong pula oleh ketangkasan berfikir serta kepetahan bercakap. Misalnya seorang dari Kelang telah mengadu kepada Sultan bahawa Tun Perak semasa menjadi penghulu di Kelang telah menganiayanya. Di sini Sultan Muzaffar memperlihatkan sifatnya sebagai pemimpin yang besar juga. Baginda tidak terus menghukum, sebaliknya baginda menyelidik dahulu. Tun Perak telah disoal tentang aduan orang itu. Beliau menjawab bahawa seorang penghulu yang telah diberi tanggungjawab memerintah sesuatu daerah mestilah diberi kuasa menjalankan tugas yang difikirnya sesuai untuk daerah itu dan pemerintah di ibu kota yang jauh dari daerah mestilah menyokong tindakan kuasanya. Kalau tidak bersetuju dengan tindakan penghulu, beliau mesti diberhentikan dahulu dan kemudian barulah dihukum. Jawaban ini jelas menunjukkan Tun Perak sedar akan satu prinsip pentadbiran, iaitu memberi kuasa (delegation of power) selaras dengan tanggungjawab. Dengan cara ini pentadbiran akan berjalan dengan licinnya kerana kuasa penghulu tidak dilemahkan oleh gangguan kuasa dari ibu kota yang kerap kali terpengaruh oleh fitnah, hasutan dan rasuah.



Jawaban itu sungguh menyukakan hati Sultan Muzaffar dan sebagai pemimpin besar baginda mengetahui di mana bakat pemimpin itu berada. Inilah satu sifat yang perlu ada pada pemimpin tertinggi — boleh menilai dan memilih penolong yang cekap.

Sultan telah melantik Tun Perak ke jawatan yang lebih besar, iaitu sebagai Perdana Menteri dan bergelar Paduka Raja. Jawatan ini bawah sedikit dari jawatan Bendahara yang masa itu dipegang oleh Seri Nara Diraja.

Baik dalam politik mahupun dalam peperangan, Tun Perak ialah seorang ahli strateji yang bijak. Inilah salah satu sebab mengapa beliau selalu mendapat kejayaan dalam apa-apa tindakannya. Inilah juga kunci kejayaan kebanyakan pemimpin-pemimpin masyhur dalam sejarah seperti Iskandar Zulkarnain, Julius Ceaser, Khalifah Al-Mansur, Bismark dan sebagainya.

Ahli strateji sentiasa merancang dahulu akan tindak-tanduknya setelah mengetahui semua perkara-perkara yang akan mempengaruhi tujuan yang hendak dicapainya. Kerana rancangan itu, ia boleh membuat lawan-lawannya bertindak mengikut arah yang dikehendakinya. Ini dapat dilaksanakan kerana ia tahu akan tempat-tempat stratejis atau tempat-tempat terpenting dalam sesuatu masaalah itu. Dengan cara ini ia tidak menghabiskan tenaga membuat perkara-perkara yang tidak berkesan kepada tujuan yang hendak dicapai.

Sungguhpun mengikut *Sejarah Melayu* kenaikan Tun Perak dari orang biasa di Kelang kepada jawatan Paduka Raja tidaklah nampak seperti telah dirancang olehnya, tetapi membaca apa yang tersirat di situ meyakinkan kita bahawa beliau telah mula menjalankan stratejinya untuk mendapat kuasa.

Tidak berapa lama Tun Perak tinggal di Kelang, penduduk-penduduk di situ telah menolak penghulunya. Besar kemungkinannya, Tun Perak yang mempengaruhi mereka berbuat demikian kerana jarang terjadi orang-orang kampung Melayu menolak penghulunya. Dan orang yang dipinta sebagai gantinya ialah Tun Perak sendiri.

Kenaikannya kepada jawatan Bendahara dan mengekalkan kuasanya jelas kelihatan telah dirancang terlebih dahulu. Ada tiga perkara yang mempengaruhi kuasanya di Melaka:

Pertama, sokongan orang-orang Melayu tempatan, kerana bilangan mereka yang besar dan merupakan sumber tenaga perajurit.

Kedua, sokongan orang-orang Melayu kacukan dan orang-



orang Islam lainnya yang sungguhpun kurang bilangannya tetapi *penting kerana kekayaan dan mereka juga* yang menguasai perdagangan di Melaka.

Ketiga, sokongan Sultan yang memerintah.

Nampaknya untuk mendapat kuasa, Tun Perak telah menjalankan rancangan seperti berikut:

Pertamanya beliau telah mendapatkan sokongan orang-orang Melayu tempatan. Setelah itu beliau menggunakannya untuk menggoncang kedudukan Seri Nara Diraja. Kemudian Bendahara itu telah dibujuk untuk dikahwinkan dengan adiknya sendiri. Langkah ini membuat orang-orang Melayu kacukan dan orang-orang Islam lainnya menyokong Tun Perak.

Setelah dua sumber kekuasaan ini diperolehi, Tun Perak pun mengekalkan kuasanya dengan mengikat sokongan Sultan melalui perkahwinan dengan keluarganya. Tujuan utamanya ialah hendak menghilangkan kuasa Seri Nara Diraja yang menjadi Bendahara itu. Beliau telah mendapat sokongan dari sebahagian orang-orang Melaka dan bolehlah dikatakan bahawa orang yang ditarik ke pihaknya ialah bangsawan-bangsawan Melayu tempatan. Merekalah yang telah hilang kuasa dengan naiknya Seri Nara Diraja yang berasal dari keturunan India itu.

Tun Perak menyuruh orang-orangnya membuat kacau di kampung Seri Nara Diraja beberapa kali dan ini menimbulkan krisis di Melaka. Hal ini diketahui oleh Sultan Muzaffar Syah. Tun Perak berbuat demikian kerana pada fikirannya dengan adanya sokongan yang ramai kepadanya, bila ada perbalahan di antaranya dengan Seri Nara Diraja nanti, Sultan tentulah terpaksa menyokong pihak yang lebih ramai. Ketika itu Seri Nara Diraja juga telah tua.

Sultan sedar untuk mengelakkan huru-hara di Melaka kerana perbalahan antara dua orang pembesarnya itu baginda perlu mencari jalan supaya Seri Nara Diraja mahu mengundurkan diri dari menjadi Bendahara. Samada jalan yang dibuat oleh Sultan itu adalah rancangan Tun Perak sendiri ataupun difikirkan oleh Sultan tidaklah dapat dipastikan. Tetapi kerana adik Tun Perak yang terlibat, iaitu Tun Kudu dan memandang kepada tindakannya yang menggunakan keluarganya untuk memperkemas kuasanya, rasanya tindakan Sultan itu adalah hasil rancangan Tun Perak sendiri.

Seri Nara pun bijak juga dan beliau tahu bila keadaan tidak lagi di sebelah pihaknya. Kekuatannya hanya bergantung kepada sokongan Sultan Muzaffar yang ditolongnya



mengambil kuasa di Melaka pada T.M. 1446 dan sokongan dari orang-orang Islam bukan Melayu yang lain. Tetapi setelah Tun Perak menjalankan rancangannya, beliau sedar sokongan Sultan telah lemah kepadanya dan bilangan orang-orang Melayu yang menyokongnya jauh lebih kecil dari orang-orang Melayu tempatan yang menyokong Tun Perak. Kerana tiada jalan lain lagi, beliau pun bertindak supaya tidak hilang kuasanya langsung, dan bersetuju melepaskan jawatan Bendahara. Beliau menyokong Tun Perak mengambilalih jawatan itu. Pada T.M. 1448 Tun Perak dilantik menjadi Bendahara bergelar Bendahara Paduka Raja. Sebagai upahnya Seri Nara Diraja dijadikan Penghulu Bendahari dan dibenarkan berkahwin dengan Tun Kudu yang cantik, adik Tun Perak dan isteri Sultan Muzaffar sendiri. Sultan menceraikan Tun Kudu supaya boleh berkahwin dengan Seri Nara Diraja itu. Ini telah menyelesaikan krisis politik di Melaka.

Demikianlah dengan satu tindakan, Tun Perak telah mendapat kuasa di Melaka dan menjadikan orang yang ditentangnya sebagai sahabat dengan menggunakan hubungan keluarganya. Kerana tindakan di atas juga, golongan yang menyokong Seri Nara Diraja pun menyokong Tun Perak. Ini bermakna semua golongan di Melaka sekarang telah menyokongnya dan dua sumber kekuasaan sudah berada di dalam tangannya.

Untuk mengekalkan kuasanya, beliau hanya perlu mendapat sokongan dari Sultan. Ini dapat dijaminnya melalui rancangan perkahwinan Sultan dan putra-putranya dengan ahli-ahli keluarganya.

Sungguhpun adiknya, Tun Kudu telah diceraikan oleh Sultan Muzaffar, seorang dari keluarganya, anak Bendahara Seri Amar Diraja telah berkahwin dengan Sultan itu dan anak dari perkahwinan ini bernama Raja Abdullah yang kemudiannya menjadi Sultan bergelar Sultan Mansur Syah pada T.M. 1459.

Dasar Tun Perak ini jelas kelihatan masa menggantikan Sultan Mansur pada T.M. 1477. Sungguhpun Sultan Mansur hendak menjadikan Raja Muhammad, anaknya dengan Putri Wanang Seri (anak Raja Pahang) sebagai gantinya, Tun Perak telah berjaya mengenepikannya dengan menggunakan peristiwa raja tersebut membunuh anaknya Tun Besar, kerana permainan sepakraga.

Raja Muhammad telah dihantar ke Pahang sebagai Sultan di situ. Raden Kelang, anak Sultan Mansur dengan Raden Galuh Cendera Kirana yang kemudiannya hendak dijadikan



ganti, telah mati kerana diamuk orang di Kampung Keling. Anak Sultan Mansur dengan Putri Hang Li Po (anak Raja Cina) bernama Paduka Seri Cina dirajakan oleh Sultan Mansur di Jeram.

Sungguhpun ada lagi Raja Ahmad (anak Sultan Mansur dengan Putri Wanang Seri), tetapi anak Sultan Mansur dengan saudara Tun Perak yang bernama Raja Hussain telah dijadikan Sultan sebagai Sultan Alaudin Riayat Syah. Begitu juga dengan pengganti Sultan Alauddin — Raja Menawar (anaknya dengan seorang putri raja) telah dihantar ke Kampar untuk dijadikan raja di sana. Manakala anaknya dengan Tun Senaja (anak saudara Tun Perak) menjadi Sultan di Melaka sebagai Sultan Mahmud.

Pada satu masa Sultan Mahmud gering dan hendak dibunuh oleh nindanya yang lebih sayangkan Raja Menawar. Bendahara dan Laksamana telah memelihara Sultan Mahmud sehingga rancangan itu gagal. Inilah satu tindakan Tun Perak yang buruk kesannya kemudian kepada Melaka kerana Sultan Mahmud ialah Sultan yang lemah peribadinya, zalim, melemahkan Melaka dan menyebabkan Melaka kalah di tangan Portugis pada T.M. 1511. Raja Menawar mungkin dapat menjadi raja yang lebih baik dari Sultan Mahmud.

Kerana dasar yang di atas, Tun Perak telah kekal sebagai Bendahara Paduka Raja selama kira-kira 50 tahun sungguhpun empat orang Sultan telah menduduki takhta Kerajaan Melaka.

Sebagai pemimpin yang berkalibar besar, Tun Perak tahu menilai kebolehan orang dan menempatkan mereka ke jawatan yang sesuai dengannya. Beliau berjiwa besar dan kurang pilih kasih dalam memilih pegawai-pegawai sungguhpun keluarganya yang berkebolehan banyak juga dipilihnya. Misalnya, anaknya Tun Telanai, seorang pahlawan disuruh mengepalai utusan ke Siam dan kemudian ke Cina, tetapi beliau diiringi oleh Menteri Jana Putra seorang diplomat yang berpengalaman. Mereka telah menjalankan tanggungjawabnya dengan baik.

Tun Parapatih Putih adik Tun Perak yang mengetuai utusan pertama ke Cina juga telah menjalankan tugasnya dengan cemerlang. Di samping itu Tun Perak tidak keberatan menjadikan Seri Bija Diraja sebagai pemerintah Pahang sungguhpun beliau bukan dari keluarganya kerana beliau adalah seorang pahlawan besar dan perlu untuk mentadbirkan negeri yang baru ditawan itu.

Tun Perak juga yang menaikkan nama Hang Tuah dan



rakan-rakannya sehingga menjadi pahlawan kerana beliau mengetahui kehandalan mereka masing-masing. Oleh sebab dasar pemilihan pegawai-pegawai berlandaskan kebolehan ini, pentadbiran Kerajaan Melaka telah menjadi kuat dan bersatu padu.

Winstedt menggelar Tun Perak sebagai "Perancang dasar imperialis Melaka di Malaya dan Sumatera bagi lebih dari tiga pemerintahan."

Dalam meluaskan daerah Kerajaan Melaka, kebolehan Tun Perak sebagai seorang ahli stratcji juga kelihatan. Setelah mengalahkan serangan Siam ke atas Melaka kali kedua, beliau telah menakluki negeri-negeri yang sanggup ditakluk oleh kekuatan yang ada padanya seperti Pahang, Terengganu dan Patani di Malaya dan Kampar serta Indragiri di Sumatera.

Sejarah Melayu menyatakan bahawa rakyat Melaka pada zaman Sultan Mahmud kemudiannya ialah hanya satu laksa dan yang pergi menyerang Pasai bersama Tun Perak pada zaman Sultan Mansur ialah 20,000 orang saja, manakala rakyat Pasai ialah 120,000 orang. Beliau tidak mahu menghabiskan tenaga Melaka melawan negeri-negeri yang kuat. Inilah sebabnya Pasai di Sumatera dilepaskan walaupun ia dapat dikalahkan oleh angkatan perang Melaka dengan bersusah payah dan hampir-hampir mengalami kekalahan.

Kebijaksanaan Tun Perak tentang ini dibuktikan oleh sejarah kemudiannya di mana Portugis sendiri pun tidak dapat menakluki Pasai. Begitu juga bahagian Sumatera Selatan yang dipengaruhi oleh Jawa dan bahagian pendalaman Sumatera yang diduduki oleh orang-orang Minangkabau tidak diusik olehnya. Kemudian beliau mencari perdamaian dengan Siam dan meneruskan persahabatan dengan Negeri Cina dan Jawa pula.

Dalam mengalahkan serangan Siam di Melaka, Tun Perak telah berjaya kerana menggunakan strateji juga. Beliau telah menyuruh Tun Umar, anak Seri Bija Diraja, yang terlalu berani dan gila-gila bahasa untuk menyuluh armada Siam. Tun Umar dapat menyerang dengan mengejut ke atas dua tiga buah perahu Siam dan ditenggelamkannya. Tindakan ini telah menggemparkan armada Siam. Kegemparan itu telah digunakan oleh Tun Perak dengan bijak. Beliau telah menyuruh orangramai supaya semua pohon kayu bakau, nyirih dan tumu api-api ditambat dengan puntung api. Ini telah disangka oleh orang-orang Siam yang belum habis kegemparan tadi sebagai bilangan perahu-perahu Melaka dan mereka tidak sanggup melawan kelengkapan yang sebanyak itu. Mereka



BURMA

LAUT ANDAMAN

KEMBOJA

LAUT CINA SELATAN

Saudagar dari Burma

Saudagar dari India, Arab Farsi

Dari Cina

Pasai

Melaka

dari Jawa

LAUTAN HINDI

SUMATERA

JAWA

Majapahit

Lingkungan Kerajaan Melaka.

Kawasan-kawasan yang ditakluki oleh Kerajaan Melaka serta aliran perniagaannya.



pun berundur ke Siam, dan Melaka menang tanpa perlawanan.

Setelah armada Siam undur, Tun Perak pun menjalankan dasar penaklukannya. *Sejarah Melayu* menyatakan beliau menakluki Pahang dengan 200 buah kelengkapan. Beliau juga berjaya menakluki Pasai, tetapi dilepaskan kemudiannya dan negara itu merdeka semula.

Tome Pires, ahli sejarah Portugis yang ada di Melaka setelah Melaka jatuh pada T.M. 1511, menyatakan bahawa angkatan perang yang dihantar oleh Tun Perak telah berjaya menakluki Pahang, Terengganu, Petani, Kampar dan Indragiri.

Sejarah Melayu menyatakan Kampar telah ditakluk oleh armada yang dipimpin oleh Sri Nara Diraja (adik ipar Tun Perak) dan Siak ditakluk oleh Sri Udani (anak saudara Tun Perak) dengan 60 kelengkapan. Tun Perak sendiri mengepalai armada yang akan menyerang negeri-negeri besar seperti Pahang dan Pasai, tetapi menyuruh orang lain bila negeri-negeri yang hendak diserang itu kecil seperti Siak dan Kampar.

Pengetahuan Tun Perak tentang saikoloji manusia dan keberaniannya jelas kelihatan dalam serangannya ke atas Pasai. Dalam serangan ini semua pahlawan-pahlawan besar Melaka seperti Sri Bija Diraja dan Laksamana Hang Tuah juga turut sama, tetapi kerana orang dari Melaka hanya berjumlah 20,000 manakala orang Pasai berjumlah 120,000, sebanyak empat atau lima kali serangan Melaka dapat ditewaskan oleh orang-orang Pasai. Orang-orang Melaka telah tawar hati hinggakan Laksamana Hang Tuah dan Sri Bija Diraja pun mengajak pulang ke Melaka. Tetapi Tun Mat anak Tun Perak telah mencadangkan supaya satu serangan lagi dicuba.

Tun Perak telah bersetuju dan untuk menaikkan semangat orangnya beliau telah menyuruh semua orang dari semua lapisan tentera makan di atas daun belaka. Tindakan yang menunjukkan persamaan ini membuat mereka naik semangat. Dalam sejarah di negeri-negeri lain pun, jeneral yang selalu mendapat sanjungan tenteranya dan mendapat khidmat terbaik dari mereka ialah jeneral yang menunjukkan sifat mengambil berat tentang tenteranya dan sama-sama mengalami kesusahan. Serangan Melaka kali ini juga hampir-hampir tidak berjaya. Orang-orang Melaka telah lari tetapi Bendahara dengan berani tetap bertahan dan dapat menarik balik orang-orangnya supaya menyerang balas dan



akhirnya dapat juga mereka mengalahkan dan menakluki Pasai.

Kebijaksanaan dan kebesaran jiwa Tun Perak juga kelihatan dari peristiwa selepas perang Pasai ini bila ia difitnahkan oleh Hang Tuah. Sultan Mansur murka kepada Tun Perak kerana tidak mahu menolong Raja Pasai merampas semula negerinya sungguhpun baginda mungkir janji dan tidak hendak takluk kepada Melaka.

Laksamana Hang Tuah sungguhpun seorang pahlawan besar tetapi kurang berprinsip orangnya. Cerita beliau membunuh kawannya Hang Jebat atau Hang Kasturi* kerana hendak mengambil muka kepada Sultan telah termasyhur. Dari peristiwa perang Pasai, beliau juga hendak mengambil muka kepada Sultan.

Sungguhpun Pasai dapat dikalahkan, perang ini merupakan kegagalan kepada Melaka kerana tentera mereka banyak yang mati, tetapi Pasai tidak mahu takluk juga ke Melaka. Kerana Hang Tuah hendak mengelakkan namanya dari terlibat sama dalam kegagalan perang Pasai itu beliau telah mengadu pada Sultan bahawa Tun Peraklah yang bersalah dan menyebabkan kegagalan itu.

Dengan bijak dan menunjukkan besar jiwanya, Tun Perak menangkis hasutan Hang Tuah ini dengan memuji tindakan Hang Tuah di Pasai kepada Sultan. Tindakan Tun Perak ini telah membuat Sultan dan rakyat memandang tinggi kepadanya dan menunjukkan betapa rendahnya budi Hang Tuah. Di sini kelihatan lagi stratejinya. Kerana tindakan di atas, Hang Tuah terpaksa menyembah dan meniarap di kakinya meminta ampun dan barulah beliau menuntut bela sedikit. Setelah tujuh kali Hang Tuah meminta maaf dan diketahui oleh semua orang barulah ia dimaafkannya.

Mengenai Siam pula Tun Perak telah menjalankan dasar perdamaian kerana beliau sedar bahawa Melaka tidak sanggup berperang berterusan dengannya oleh sebab Siam adalah sebuah negeri yang besar. Beliau menghantar utusan meminta perdamaian atas dasar sama taraf dan bukan Melaka menyembah ke Siam. Anaknya Tun Telani dan Menteri Jana Putra telah menjadi utusan itu. Mereka berjaya mendapatkan persahabatan dengan Siam dan dasar ini berjaya sehingga Tun Perak meninggal dunia. Setelah Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir yang menggantikannya barulah Siam sekali lagi melanggar jajahan Melaka. Dasar Parameswara yang berbaik-

*Menurut *Sejarah Melayu*



baik dengan Cina pun diteruskan oleh Tun Perak.

Kebijakannya sebagai negarawan juga kelihatan bila Tun Perak menyelesaikan peristiwa pembunuhan Telani Terengganu (wakil Sultan Pahang di Terengganu). Satu masa beliau mengadap Sultan Melaka tanpa memberitahu Sultan Pahang. Sultan Muhammad Syah, telah murka dan menyuruh Sri Akar Raja membunuhnya dan baginda juga menyatakan cadangannya hendak menyerang Melaka. Berita ini sampai ke Melaka. Sultan Alaudin sangat murka dan hendak menyerang Pahang serta membinasakan negeri itu. Tetapi, Tun Perak telah menasihatkan Sultan Alaudin supaya jangan bertindak begitu. Sebaliknya beliau menghantar Laksamana Hang Tuah untuk membunuh seorang keluarga Sri Akar Raja sebagai balasan membunuh Telani Terengganu itu.

Dengan terbunuhnya seorang keluarga Sri Akar Raja yang tidak berapa penting dan orang yang membunuh itu dilindung oleh Laksamana, Sultan Pahang tidaklah hendak menyerang Laksamana yang diketahui handal itu. Dengan cara di atas balasan telah didapati sementara Sultan Pahang ditundukkannya. Hanya satu nyawa saja yang hilang mengikut cara Bendahara itu, walhal beribu-ribu orang akan mati kalau cara Sultan Alaudin dijalankan.

Tun Perak sangat berhati-hati dalam semua tindakannya. Inilah satu rahsia kejayaannya. Sungguhpun kuasa ada di tangannya, tetapi beliau berjaga-jaga dari tindakan yang boleh menimbulkan fitnah atau syak wasangka dari Sultan bahawa beliau hendak merampas kuasa atau mengatasi kuasa Sultan.

Misalnya, Tun Perak tidak mahu berjalan atau menggunakan usungan yang diberi oleh Sultan untuk berlagak ke hulu ke hilir. Laksamana kurang bijak dan berhati-hati dalam tindakannya, itulah sebabnya beliau pernah disuruh bunuh oleh Sultan. Begitu juga Bendahara Sri Maharaja (Tun Mutahir) yang dibunuh Sultan kerana beliau kelihatan seperti hendak mengenepikan Sultan dan tidak menghiraukannya.

Pada masa hampir menemui ajal, Tun Perak telah memberi wasiat yang menunjukkan beliau dapat menyelami jiwa orang. Kepada Tun Mutahir, yang kemudiannya menjadi Bendahara Seri Maharaja yang nampaknya bercita-cita besar telah diingatkan supaya jangan terlalu gila kuasa dan memikirkan yang ia adalah bapa saudara Sultan. Kalau ini dilakukan, ia akan mati dibunuh. Ini memang terjadi kemudiannya kerana Tun Mutahir tidak mengikut wasiat itu. Anak cucunya yang lain, lain pula nasihat yang diberikan. Anaknya yang tua, Tun Zainal Abidin dan cucunya Tun



Puah, disuruhnya tinggal jauh dari Sultan kerana beliau tahu Sultan Mahmud adalah Sultan yang bengis yang akan membahayakan mereka.

Kepada Sultan Mahmud pula, beliau menasihatkan supaya jangan mendengar fitnah orang dan mengikut hawa nafsu kerana beliau sedar inilah kelemahan Sultan itu yang kemudian membawa kucar-kacir pentadbiran dalam negeri dan kejatuhan Melaka ke tangan Portugis T.M. 1511.

11. Laksamana Hang Nadim (1521? — 1570?)
Hero di tiga puluh dua medan pertempuran

Sungguhpun Laksamana Hang Tuah lebih dikenal oleh masyarakat Melayu kerana luasnya tersebar buku *Hikayat Hang Tuah*, tetapi panglima Melayu yang lebih besar ialah menantunya Laksamana Hang Nadim. Hang Tuah hanya merupakan seorang panglima bentuk Melayu yang berani, tangkas, pandai bermain senjata dan selalu menang dari lawan-lawannya. Walaupun beliau pandai bermain senjata tetapi tidak mengetahui strateji. Oleh itu ia mungkin kalah jika berlawan dengan panglima-panglima dari Barat, misalnya Portugis secara berhadapan.

Di sinilah letaknya kebesaran Hang Nadim sebagai panglima kerana ia mengetahui strateji sehinggakan lawan-lawannya, panglima-panglima Portugis di Melaka, mengakui kebolehannya sebagai lawan mereka.

Sejarah Melayu (cerita ke 34) mengisahkan bahawa Hang Nadim sangat masyhur kerana "Berperang bertembakan darah" sebanyak tiga puluh dua kali. Dr. D.K. Bassett, ahli sejarah Inggeris di Universiti Malaya, menyebut nama Hang Nadim sebagai "Perancang sebenarnya penentangan Melayu (terhadap Portugis), selepas T.M. 1511".

Hang Nadim ialah seorang anak Melaka asal, keluarga kepada Bendahara Seri Maharaja dan menantu Laksamana Hang Tuah. Kecerdikannya jelas kelihatan sebelum beliau dilantik menjadi laksamana lagi. Pertama kali beliau disebut dalam *Sejarah Melayu* ketika Sultan Mahmud menyuruhnya pergi ke India untuk membeli kain sebanyak 160 helai dan tiap-tiap sehelai mestilah mempunyai 40 jenis bunganya (cerita 28). Di sini beliau telah mereka sendiri bunga kain yang dikehendaki itu dan mendapat sanjungan dari pembuat-pembuat kain di India. Dalam perjalanan pulang ke Melaka, kapal yang ditumpanginya telah dihempas ribut dan terdampar di Pulau Selon. Di sini pula Hang Nadim menunjukkan kepandaiannya melukis corak di tanglung (lampu) dan



dipersembahkannya kepada Raja Selon. Beliau telah diberi anugerah oleh Raja tersebut.

Oleh sebab kapalnya karam itu Hang Nadim hanya dapat membawa balik empat helai kain sahaja. Oleh itu beliau telah dimurkai oleh Sultan. Untuk menghilangkan kemurkaan itu beliau telah melarikan Tun Teja, anak Bendahara Pahang yang cantik dari Pahang dan dibawanya ke Melaka serta dipersembahkan kepada Sultan untuk dijadikan isteri (cerita 29). Sungguhpun dalam *Hikayat Hang Tuah* menyatakan bahawa Hang Tuahlah yang melarikan Tun Teja ini, tetapi rasanya *Sejarah Melayu* yang lebih boleh dipertanggungjawabkan.

Peristiwa ini juga menunjukkan kepintaran Hang Nadim menggunakan strateji. Untuk melintasi tiga batangan (sekatan kayu di muara sungai) di Sungai Pahang ketika melarikan Tun Teja itu, beliau telah membuang pasir ke sungai dan ini berbunyi seperti orang menjala. Dengan menyamar diri sebagai penjala ikan, beliau telah meminta penunggu membuka batangan tersebut dan akhirnya dapat lepas lari ke laut. Kerana dapat mempersembahkan Tun Teja ini, Hang Nadim telah dimaafkan oleh Sultan. Sebagai balasan, Sultan telah menghadiahkan anak raja Kelantan, bernama Cobak, untuk dijadikan isterinya.

Setelah Laksamana Hang Tuah meninggal dunia, Sultan Mahmud melantik Khoja Hassan menjadi Laksamana. Pada T.M. 1511, Melaka jatuh ke tangan Portugis dan Sultan Mahmud lari terlebih dahulu walaupun Melaka sebenarnya belum kalah lagi. Serangan Portugis telah diundurkan oleh orang-orang Melaka sebanyak dua kali. Tetapi bila Sultan lari pada hari ketiganya, orang-orang Melaka pun turut sama kerana pada adat orang-orang Melayu harapan bergantung kepada ketua. Kalau ketua berani, mereka juga berani dan sebaliknya. Sultan Mahmud berundur ke Pagoh di hulu Sungai Muar. Orang-orang Melayu cuba menyerang Portugis di Melaka, tetapi gagal, sebaliknya Pagoh telah ditawan oleh Portugis. Sultan terpaksa lari pula ke Pahang mengikut Jalan Penarikan antara hulu Sungai Muar dan hulu Sungai Pahang. Dari situ, baginda pergi ke Sayung Pinang di Sungai Johor, tetapi tempat ini jauh sedikit dari laut. Akhirnya baginda berpindah ke Pulau Bentan pada T.M. 1521.

Sehingga T.M. 1521, tidaklah tersebut tentang Hang Nadim. Tetapi pada tahun itu ketika berada di Pulau Bentan, Hang Nadim telah dilantik oleh Sultan Mahmud menjadi Laksamana menggantikan Khoja Hassan yang telah meninggal



dunia. Beliau memegang jawatan itu sehingga sekurang-kurangnya T.M. 1570 kerana ada tersebut bahawa dia bersama-sama menaikkan Raja Umar sebagai Sultan dengan gelaran Sultan Ali Jalla Abdul Jalil pada T.M. 1570 (*Sejarah Melayu* — cerita 34). Ini bermakna beliau berkhidmat kepada empat orang Sultan iaitu Sultan Mahmud (1520—1528), Sultan Alaudin (1528—1564), Sultan Muzaffar (1564—1570) dan Sultan Ali Jalla Abdul Jalil (1570).

Dari T.M. 1515—1520, orang-orang Melayu tidak lagi menjadi ancaman yang besar kepada orang-orang Portugis di Melaka. Mereka yang bertapak di Muar dan kemudian di Sayung Pinang telah menyerang Melaka secara langsung pada T.M. 1515, 1516 dan 1519 tetapi gagal belaka, sebaliknya kota Melayu di Muar telah dimusnahkan oleh Portugis. Tetapi, selepas T.M. 1521, setelah Hang Nadim dilantik menjadi Laksamana dan mengetuai perjuangan orang-orang Melayu, barulah Portugis hampir-hampir menghadapi kekalahan.

Dari T.M. 1512—1521, perniagaan di Melaka meningkat maju kerana bilangan kapal yang berniaga makin bertambah. Hasil cukai yang didapati oleh Portugis telah cukup untuk membekalkan rempah-rempah dan lada hitam ke ibu pejabatnya di Goa, India dengan tiada memerlukan tanaman modal dari situ lagi. Tetapi, sebagai kesan dari strateji Hang Nadim, pada T.M. 1526, perniagaan di Melaka telah merosot dan bandar tersebut banyak yang musnah kerana serangan oleh orang-orang Melayu dari Bentan seperti yang dilapurkan oleh Fernao Baz kepada Raja Portugis pada bulan September, 1526. Orang-orang Portugis di Melaka hampir-hampir mati kebuluran.

Nampaknya Hang Nadim sedar akan kekuatan dan kelemahan orang-orang Portugis berbanding dengan orang-orang Melayu, seperti yang diringkaskan di bawah ini:

Kekuatan Orang-orang Portugis

1. Kapal *galleon* mereka besar dan tidak tembus oleh meriam-meriam orang Melayu.
2. Meriam mereka lebih besar dan menembak lebih jauh. Oleh itu dapat menenggelamkan kapal-kapal orang Melayu dari jauh lagi.
3. Kota Portugis di Melaka sangat kuat.



Kelemahan orang-orang Portugis

1. Makanan mereka seperti beras terpaksa dibawa dari Burma, Siam atau Jawa.
2. Kapal *galleon* Portugis yang besar itu sukar hendak dikendalikan kalau tiada angin dan di tempat-tempat yang sempit.
3. Kapal mereka juga lebih rendah lantainya dari kapal Melayu dan menyebabkan ia terkandas di perairan yang cetek.

Kekuatan orang-orang Melayu

1. Kapal lancaran Melayu senang dikendalikan di laut atau di sungai walaupun tiada angin kerana ia boleh didayung.
2. Kapal-kapal ini lebih laju dari *galleon* Portugis.
3. Kapal-kapal ini juga lebih tinggi lantainya dari *galleon* Portugis menyebabkan ia tidak terkandas walaupun di kawasan yang cetek airnya.

Kelemahan orang-orang Melayu

1. Meriam orang-orang Melayu tidak sekuat meriam Portugis.
2. Kapal lancaran Melayu jauh lebih kecil dari *gelleon* Portugis.

Berdasarkan kenyataan di atas. Hang Nadim telah merangka strateji yang realistik. Beliau menjalankan perang gerila di laut. Stratejinya adalah seperti berikut:

Pertama, mengelak dari pertempuran besar-besaran secara langsung dengan kapal-kapal Portugis, kerana beliau sedar kapal-kapal Melayu akan ditenggelamkan oleh meriam-meriam Portugis dari jauh lagi. Sistem serangan Melayu dengan Portugis adalah berlainan. Orang-orang Melayu merapatkan kapal mereka ke kapal lawannya. Setelah itu mereka menaikinya dan mengamuk serta menawan kapal tersebut. Tetapi orang-orang Portugis, kerana meriam mereka besar, tidak perlu menghampiri kapal lawannya, dan mereka boleh menenggelamkannya dari jauh lagi. Jadi, pertempuran langsung dengan Portugis adalah satu cara membunuh diri bagi orang-orang Melayu.

Kedua, mengelak dari menyerang Kota Portugis di Melaka kerana Kota itu tidak dapat ditembusi dengan meriam-



meriam Melayu. Beliau hanya menyerang kota Melaka di waktu malam untuk membinasakan kawasan-kawasan di sekelilingnya dan membawa pergi semua orang-orang Jawa dari kawasan Upeh, di luar kota tersebut, pada T.M. 1525.

Ketiga, mengumpan kapal-kapal Portugis supaya mengejar kapal-kapal lancaran Melayu yang berundur dan menarik kapal-kapal Portugis tadi ke kawasan perairan yang cetek supaya terkandas di atas pasir atau masuk ke sungai yang sempit. Sebaik-baik sahaja kapal itu terkandas atau masuk ke sungai yang sempit, ia tidak dapat berpusing-pusing lagi. Orang-orang Melayu akan menyerbunya dari arah yang boleh mengelakkan dari kena peluru meriam Portugis itu. Banyak kapal-kapal Portugis yang dimusnahkan dengan cara ini pada T.M. 1523 dan 1524.

Keempat, menyekat makanan dan perniagaan dari datang ke Melaka. Beliau juga mempunyai pandangan yang luas dan tidak menghadkan perjuangannya di sekitar Melaka dan Johor saja. Beberapa bahagian armadanya telah ditempatkan di Sungai Perlis untuk menyekat bekalan beras dari Burma dan di sungai Pahang untuk menyekat bekalan beras dari Siam dan Jawa. Perahu-perahu Burma, Siam atau Jawa yang membawa bekalan makanan ini senang sahaja dikalahkan oleh kapal-kapal perang Melayu. Strateji Hang Nadim ini menyebabkan orang-orang Portugis telah mengalami kerugian besar ke atas kapal-kapal dan perniagaan mereka serta menghadapi kebuluran di Melaka. Untuk mengatasi keadaan ini, mereka telah cuba menyerang Pulau Bentan, (pusat orang-orang Melayu) sebanyak tiga kali tetapi dapat dikalahkan oleh Hang Nadim pada T.M. 1523, 1524 dan 1525.

Kekalahan Portugis adalah disebabkan oleh air sungai Bentan yang deras manakala Hang Nadim pula telah menanamkan ranjau di dalam sungai itu. Ini membolehkan kapal-kapal Melayu sahaja belayar di situ tetapi menyekat kapal-kapal Portugis yang lebih besar dan menyebabkan mereka terkandas.

Satu kesilapan telah dibuat oleh orang-orang Melayu atas arahan Sultan Mahmud yang mungkin bertambah berani kerana kejayaan yang dicapai oleh Hang Nadim, dan mereka tidaklah dapat melanggar titah Sultan. Arahan itu ialah menghadapi pertempuran terbuka dengan orang-orang Portugis pada T.M. 1525. Pada tahun itu, baginda menyuruh menantunya Raja Indragiri dengan bantuan Hang Nadim supaya menyerang Pulau Lingga kerana raja pulau itu menyebelah ke pihak Portugis pada T.M. 1522. Dalam penyerangan itu



orang-orang Portugis datang untuk membantu Lingga. Orang-orang Melayu telah terhimpit oleh orang-orang Lingga dari darat dan orang-orang Portugis dari laut. Tidak ada jalan bagi mereka kecuali bertempur secara terbuka dengan orang-orang Portugis. Berpuluh-puluh buah kapal-kapal Melayu telah tenggelam dan 600 dari jumlah 2,000 orang Melayu dalam angkatan perang itu mati dalam pertempuran tersebut. Kekalahan ini telah melemahkan mereka.

Pada T.M. 1526 orang Portugis yang diketuai oleh Pedro Mascarenhas dengan angkatan yang besar (*30 buah ghali, fueta,* dan *jalia*) dibantu pula oleh 600 orang Melayu dari Lingga telah menyerang Bentan. Serangan kali ini berjaya kerana mereka telah mengambil masa 14 hari untuk mencabut ranjau-ranjau dalam Sungai Bentan bagi membolehkan kapal mereka memudeki sungai tersebut dan membedil kota Bentan. Kota itu dan kapal-kapal orang Melayu telah dimusnahkan oleh Portugis. Dalam pertempuran ini tiada disebut tentang Laksamana Hang Nadim, mungkin beliau tidak ada di situ ketika itu. Orang yang disebut menjadi ketuanya ialah Temenggung Seri Udana yang mati dalam pertempuran tersebut. Sultan Mahmud dan orang-orangnya telah berundur ke hutan. Setelah Portugis pulang ke Melaka, baginda telah berpindah ke Kampar, Sumatera dan mangkat di situ pada T.M. 1528.

Kekalahan Bentan, perpindahan ke Kampar, penggantian Sultan yang muda (Sultan Alaudin) pada T.M. 1528 dan usaha membina semula ibu kota serta angkatan perang orang-orang Melayu, telah menyebabkan mereka meminta perdamaian dengan pihak Portugis pada T.M. 1528. Oleh yang demikian perniagaan di Melaka telah meningkat maju mulai T.M. 1527 dan seterusnya.

Setelah T.M. 1528, Hang Nadim dan pengikut-pengikutnya tidak dapat lagi menumpukan tenaga untuk melawan Portugis kerana timbulnya pergolakan dalam Kerajaan Melayu sendiri dan ancaman dari Aceh. Perebutan kuasa telah mula berlaku di kalangan orang-orang Melayu.

Putra Sultan Mahmud yang sulung terpaksa pergi ke Perak untuk membuka negeri baru dan dijadikan raja di situ dengan gelaran Sultan Muzafar Syah I pada T.M. 1529. Manakala putranya dengan Tun Fatimah pula dijadikan raja di Kampar dengan gelaran Sultan Alaudin. Pada T.M. 1530 Sultan Alaudin telah meninggalkan Kampar dan pergi ke Pahang. Angkatannya diketuai oleh Hang Nadim dan telah bersiap sedia jika diserang oleh orang-orang Portugis. Setelah



Sultan Alaudin berkahwin dengan putri Sultan Pahang mereka pun berpindah ke Ulu Sungai Johor (dekat Kota Tinggi sekarang) untuk membina bandar baru.

Laksamana Hang Nadim diperintahkan oleh Sultan untuk memerintah Pulau Bentan. Beliau tinggal di Rocoh yang akhirnya menjadi sebuah bandar dengan pemerintahan yang baik. Ini menunjukkan bahawa Hang Nadim bukan saja seorang panglima yang handal tetapi juga seorang negarawan yang berkaliber. Satu daripada tugasnya ialah menjaga keselamatan di seluruh jajahan Johor dan ini telah dilaksanakannya dengan cekap.

Setelah kelengkapan orang Melayu bersedia semula, barulah Hang Nadim menyerang Melaka pada T.M. 1435 tetapi tidak berjaya. Sebaliknya Portugis telah menyerang Johor pada T.M. 1536. Setahun kemudiannya Aceh pula telah menakluki sebuah jajahan Johor di Sumatera, iaitu Deli. Hang Nadim juga telah mengetuai angkatan perang Johor, Perak dan Siak dan dapat mengalahkan angkatan perang Aceh di Deli pada T.M. 1539. Permusuhan antara kedua kerajaan tersebut merupakan satu babak sedih dalam sejarah Melayu kerana menghalang usaha untuk mengalahkan Portugis, yang bertepuk tangan melihat mereka bermusuhan sesama sendiri.

Pada T.M. 1547 Aceh telah menyerang Melaka, tetapi angkatan Johor hanya memandang dari Sungai Muar sahaja. Oleh itu Aceh telah dapat dikalahkan oleh Portugis. Pada T.M. 1515, angkatan Johor pula menyerang Melaka, tetapi tidak berhasil. Pada tahun 1564, Aceh telah menyerang Johor dan memusnahkan bandar itu.

Demikianlah perang berselang-selang antara Johor, Portugis Melaka dan Aceh yang hanya tamat apabila Melaka jatuh ke tangan Belanda pada T.M. 1641. Hang Nadim terus menjadi Laksamana sehingga sekurang-kurangnya T.M. 1570, tetapi tidak mendapat kejayaan yang diharapkan, iaitu menakluki Melaka. Ini disebabkan beliau tidak dapat menjalankan terus strateji asalnya kerana Sultan-sultan Johor, nampaknya lebih suka berperang secara berhadapan dengan Portugis dan panglima Melayu mesti tunduk kepada kehendak Sultannya.

12. Sunan Ampel (K.M. XV)
Mubaligh Islam Yang Utama di Jawa

Kebanyakan ahli sejarah menyatakan bahawa ugama Islam telah mula tersebar di Nusantara dengan berpusatkan Pasai di Sumatera Utara antara T.M. 1265 hingga 1400.



Selepas T.M. 1400 hingga T.M. 1511, Melaka pula telah mengambilalih peranan Pasai itu. Ugama Islam telah tersebar pula ke Jawa melalui orang-orang Jawa yang datang berniaga dan belajar di Melaka. Kerana proses inilah maka ada ahli-ahli sejarah yang menyatakan, "Pulau Jawa telah diislamkan di Melaka."

Mubaligh-mubaligh Islam yang termasyhur di Jawa ialah sembilan orang guru yang digelar Wali Songo (Wali Sembilan). Gelaran itu adalah menurut tempat tinggal masing-masing, seperti berikut:

1. Raden Rahmat tinggal di Ampel atau Ngampel (dekat Surabaya) bergelar Sunan Ampel.
2. Makhdum Ibrahim (anak Raden Rahmat yang tua) tinggal di Bonang (dekat Tuban) bergelar Sunan Bonang.
3. Masih Maunat (anak Raden Rahmat yang bongsu) tinggal di Derajat (dekat Surabaya) bergelar Sunan Derajat.
4. Maulana Ainul Yaqin atau Raden Paku (belajar kepada Sunan Ampel) tinggal di Giri (dekat Gresik) bergelar Sunan Giri.
5. Orang Muda Muhammad Said (Sunan Kali Jaga) di Adilangu (dekat Demak).
6. Syeikh Jaafar Sadiq (Sunan Kudus) tinggal di satu tempat bernama Quds (tempat suci).
7. Sunan Muria dimakamkan di Muria.
8. Fatahillah bergelar Sunan Gunung Jati yang menyebarkan ugama Islam di Jawa Barat dan dimakamkan di Gunung Jati.
9. Malik Ibrahim yang bergelar Maulana Maghribi yang dimakamkan di Gresik.

Sunan Ampel dianggap sebagai mubaligh utama oleh orang-orang Jawa dan menjadi guru kepada sunan-sunan yang lain. Nama sebenarnya ialah Raden Rahmat anak kepada seorang mubaligh Islam bangsa Arab yang berkahwin dengan seorang putri raja Campa, di Indo-Cina. Setengah sarjana mengatakan isteri mubaligh itu ialah anak Raja Campa (Jeumpa) sebuah tempat di Aceh. Rasanya yang kedua ini lebih menasabah kerana daerah Aceh memang sebagai pusat penyiaran Islam dan Raden Rahmat, sebelum pergi ke Jawa,



singgah lebih dahulu di Palembang, yang terletak di jalan menghala ke Aceh dan bukan ke Indo-Cina. Kakak kepada ibu Raden Rahmat bernama Derawati telah berkahwin dengan Raja Majapahit bernama Brawijaya, atau Kertabumi (1466—1478).

Raden Rahmat telah mendapat didikan Islam yang mendalam dari bapanya. Masa umurnya 20 tahun, beliau pergi ke Jawa untuk menyiarkan ugama Islam di samping melawat ibu saudaranya Derawati. Dalam pelayaran dari Campa (Jeumpa) ke Jawa itu, beliau singgah di Palembang selama dua bulan dan berjaya mengislamkan Arya Damar, Gabenor Majapahit di situ. Tetapi Arya Damar ini tidak menyatakan keislamannya secara terbuka kerana takut mendapat tentangan dari rakyatnya. Di Jawa, beliau turun pula di Gresik, di mana seorang mubaligh Arab Syeikh Maulana Jumadal Kubra, (Malik Ibrahim) telah mengisytiharkan bahawa Raden Rahmat sebagai penyiar Islam ke Jawa Timur yang dinanti-nantikan. Beliau meramalkan bahawa penyembahan berhala akan berakhir dan usahanya berhasil dengan ramai yang menganut ugama Islam. Di Majapahit, beliau disambut baik oleh Raja Kertabumi.

Sungguhpun raja itu tidak mahu menganut ugama Islam, tetapi baginda sangat sayang dan hormat kepada Raden Rahmat yang mempunyai peribadi yang menarik sebagaimana yang diasuh oleh ajaran Islam. Baginda telah menjadikannya sebagai gabenor ke atas 3,000 buah keluarga di Ampel sebuah tempat di pantai timur pulau Jawa yang terletak ke selatan sedikit dari Gresik. Raden Rahmat dibenarkan mengislamkan orang lain. Beliau telah berkahwin dengan putri Tumenggung Wilatika dari Tuban. Dalam tempoh yang singkat ia telah dapat mengislamkan semua keluarga yang di bawah pentadbirannya kerana keadilan pemerintahannya serta contoh kelakuannya yang baik.

Ampel telah menjadi pusat utama penyiaran Islam di Jawa dan Sunan Ampel termasyhur sebagai pemimpin dan mubaligh yang cergas. Sunan ini telah melatih mubaligh-mubaligh dan menghantar mereka menyiarkan Islam di tempat-tempat lain di Jawa. Maulana Isyak telah dihantar untuk mengislamkan Kerajaan Balambangan di hujung Jawa Timur. Anaknya, Sunan Bonang dan Sunan Derajat, serta muridnya, Sunan Giri telah belayar untuk menunaikan fardu haji di Mekah, tetapi hanya singgah di Melaka dan belajar di situ. Setelah itu mereka pulang ke tempat masing-masing di Jawa untuk mengembangkan Islam. Ini menunjukkan Melaka



pada masa itu menjadi pusat pengajian Islam. Pengaruh Sunan Giri menjadi besar selepas kematian Sunan Ampel sehingga raja Majapahit melantiknya menjadi gabenor Ampel dan Gresik. Ramai orang dari Maluku datang untuk belajar di Giri. Sunan Ampel juga telah menghantar Syeikh Khalifah Hussain ke Pulau Madura dan mengislamkan penduduk-penduduk di situ.

Cara mereka mengembangkan Islam adalah dengan memilih satu tempat dan didirikan sebuah masjid di situ. Orang-orang tertarik hati kepada mereka kerana kebaikan ajaran Islam sendiri dan contoh kelakuan yang baik yang ditunjukkan oleh Sunan dan pengikut-pengikutnya. Mereka mentadbir dengan adil dan di samping itu juga menjadi dukun. Ilmu tasauf yang diajarnya adalah selaras dengan kecenderungan mistik orang-orang Jawa. Mereka juga menyebarkan idea-idea Islam melalui wayang kulit yang sangat digemari di Jawa.

Selain dari Sunan Gunung Jati, Sunan-sunan ini hanya mengajar ugama Islam saja tanpa mencampuri soal-soal politik. Ini disebabkan mereka hanya merupakan ulama-ulama sahaja. Mereka juga sedar bahawa mereka bukanlah orang-orang tempatan di situ dan tidak mungkin mendapat sokongan untuk tindakan politik. Ini telah dinyatakan dari ucapan Sunan Ampel kepada Raden Patah yang datang belajar kepadanya:

> "Saya adalah ulama asing yang datang ke Pulau Jawa. Hanya untuk sementara waktu saja saya memimpin masyarakat Islam Jawa berkat kebenaran Sang Prabu (Raja Majapahit) berbeza dengan kau. Engkau orang Jawa tulin, turun-temurun orang Jawa yang memiliki pulau Jawa."

Ucapan ini merupakan galakan kepada Raden Patah yang kemudiannya menegakkan Kerajaan Demak (Kerajaan Islam yang pertama di Jawa).

Sunan-sunan ini menyebar Islam secara aman. Bila Raden Patah menyatakan rancangannya untuk menyerang Majapahit, Sunan Ampel telah melarangnya kerana raja Majapahit tidak menindas orang-orang Islam. Usaha Sunan-sunan ini mengislamkan orang-orang Jawa telah menjadi tapak pendirian kerajaan-kerajaan Islam di situ. Dengan usaha merekalah telah wujud sebuah masyarakat Islam yang bersatu padu. Lambat-laun terasa keperluan untuk mendirikan Kerajaan Islam supaya ugama tersebut dapat diamalkan



dengan sepenuhnya. Bila timbul pemimpin Islam seperti Raden Patah, Kerajaan Islam pun menjadi satu realiti.

13 Raden Patah (1455–1518)
Penegak kekuasaan Islam di Jawa

Ucapan Sunan Ampel kepada Raden Patah dulu telah menjadikan satu galakan kepadanya yang kemudiannya telah menegakkan Kerajaan Demak, iaitu sebuah Kerajaan Islam yang pertama di Jawa. Beliau telah memainkan peranan yang sangat penting dalam pengislaman orang-orang di Jawa dan Timur Nusantara. Dengan terdirinya Kerajaan Islam Demak dan penaklukannya ke atas kerajaan Hindu Majapahit serta pengusiran tentera Portugis dari Jawa Barat, pengislaman Jawa adalah terjamin. Terdirinya Kerajaan Demak merupakan satu titik peralihan dalam Sejarah Jawa dan Timur Nusantara.

Asal-usul Raden Patah tidaklah dapat diketahui dengan jelas. Setengah ahli sejarah mengatakan beliau datang dari Palembang. Setengahnya mengatakan dari keturunan kacukan Jawa dan Cina, dan yang lain pula menyatakan beliau berketurunan raja Majapahit. Mengikut huraian yang terakhir oleh Prof. Slamet Mulyana dalam bukunya *Runtuhnya Kerajaan Hindu Jawa dan timbulnya negara-negara Islam di Nusantara,* Raden Patah adalah putra Kertabumi, raja Majapahit (1466–1478) dengan seorang Putri Cina. Atas desakan seorang isteri Kertabumi yang lain, putri Cina yang hamil itu telah diberi kepada Bupati Palembang untuk dijadikan sebagai isterinya. Bupati Palembang telah membawa putri Cina itu ke Palembang dan di sanalah Raden Patah dilahirkan. Beliau dipelihara oleh bapa tirinya antara T.M. 1455–1474. Raden Patah enggan menjadi Bupati Palembang untuk menggantikan bapa tirinya itu dan ia bersama Raden Kusen, adik tirinya telah belayar ke Jawa pada T.M. 1474.

Mereka mendarat di Surabaya dan belajar kepada Sunan Ampel mulai T.M. 1474. Beliau kemudiannya berkahwin dengan anak Sunan itu. Raden Kusen pula telah pergi ke Majapahit. Oleh sebab ia pandai membuat mercun ia telah diterima oleh Raja Kertabumi dan diangkat menjadi Adipati Terung, sebuah wilayah Majapahit. Sebenarnya beliau pergi itu adalah sebagai pengintip rahsia untuk Raden Patah yang merancangkan penaklukan ke atas Majapahit. Atas nasihat Sunan Ampel, Raden Patah telah membuka hutan di Bintara pada T.M. 1475. Beliau juga membina masjid dan mengajar ugama Islam di situ. Tempat itu akhirnya digelar sebagai Demak.



Pemilihan Demak sebagai pusat kerajaan merupakan satu keputusan yang bijak kerana ia terletak di tempat yang stratejis. Ini disebabkan pertamanya ia menguasai tanah dataran yang mengeluarkan hasil padi di Utara Jawa (dari Japara hingga Gresik) dan keduanya ia menguasai perniagaan di kedua buah Pelabuhan Japara dan Gresik. Melalui Japara, beras diekspot ke Melaka manakala melalui Gresik terdapat perniagaan yang kaya dengan pulau-pulau Rempah di Maluku.

Selain daripada mengajar ugama Islam di situ Raden Patah juga melatih orang-orang Islam keturunan Jawa dan orang-orang Cina yang menjadi pengikutnya tentang teknik-teknik peperangan. Dalam tempoh 3 tahun beliau berjaya melatih 1,000 orang pengikut. Sebagai seorang pemimpin beliau sedar bahawa kekuatan Kerajaan Hindu Majapahit telah lemah. Ini merupakan satu peluang yang baik baginya untuk meluaskan kekuasaannya dan dengan ini dapat mengembangkan ugama Islam.

Raden Patah telah menjalankan strateji berikut untuk menguasai Jawa:

1. T.M. 1474—1477 mengumpulkan pengikutnya dan mengukuhkan kekuatannya di Demak.
2. T.M. 1477—1478 menakluki pelabuhan untuk menguasai lalulintas di utara Jawa. Ini melemahkan kerajaan Majapahit di samping menambah kekayaan kepada Demak.
3. T.M. 1478 menguasai Majapahit.
4. T.M. 1512 cuba menguasai Melaka, tetapi telah digagalkan oleh orang-orang Portugis.

Pada T.M. 1477 beliau dapat menawan pelabuhan Semarang dan memerintah dengan adil serta mendapat kerjasama dari orang-orang Cina yang pandai membuat kapal di situ. Dengan kapal-kapal itu, Raden Patah telah dapat menguasai lalulintas di Lautan Jawa. Beliau tidak memaksa orang-orang ini masuk Islam kerana beliau sedar mereka akan lebih tertarik dengan memberi layanan yang baik daripada dengan kekerasan.

Setelah merasa cukup kuat, dan mendapat banyak maklumat dari Raden Kusen, Raden Patah telah menyerang Majapahit pada T.M. 1478. Serangan ini telah berjaya dengan cepat. Raja Kertabumi lari ke Sengguruh di Jawa Timur, dan akhirnya ke Bali. Alat-alat kebesaran dan harta-harta



Majapahit telah dibawa ke Demak dengan tujuh buah kereta kuda. Raden Kusen telah dilantik menjadi Bupati Semarang pada T.M. 1478. Beliau telah membina tempat membuat kapal yang besar di Semarang.

Raden Patah juga telah melantik seorang Cina Njoo Lay Wa sebagai gabenor di Majapahit. Ini dilakukannya mungkin disebabkan beliau takut kalaua-kalau gabenor yang terdiri dari orang Jawa nanti dapat mempengaruhi orang-orang tempatan untuk bangkit memberontak. Ini memang terjadi kemudiannya. Gabenor Njoo Lay Wa telah dibunuh oleh orang-orang Majapahit pada T.M. 1486. Raden Patah menggantikannya dengan menantu Kertabumi bernama Girindrawardhana yang juga menjadi iparnya dan memerintah selama 40 tahun (1486–1527).

Girindrawardhana telah dapat menarik sokongan orang-orang Majapahit dan mengadakan hubungan dengan orang-orang Portugis di Melaka untuk melawan Demak. Oleh itu tentera Demak di bawah Raden Patah terpaksa menawan Majapahit sekali lagi pada T.M. 1517.

Setelah menawan Majapahit buat pertama kalinya pada T.M. 1478, Raden Patah bercita-cita pula untuk menawan Melaka kerana bandar itu merupakan pusat perniagaan yang menjadi tandingan kepada Japara dan Gresik di Nusantara. Tetapi persiapan untuk melanggar Melaka hanya siap pada T.M. 1512 dan ketika itu Melaka telah ditawan oleh Protugis. Ini menambahkan lagi sebab untuk Raden Patah menawannya kerana ia telah jatuh ke tangan orang-orang bukan Islam. Armada Demak yang diketuai oleh Patih Yunus (anak Raden Patah) telah melakukan serangan pada T.M. 1512 tetapi dapat dikalahkan oleh Portugis. Ini disebabkan Portugis menggunakan alat-alat perang moden dan boleh menenggelamkan kapal-kapal Jawa dari jauh kerana mereka menggunakan meriam besar jarak jauh. Manakala orang-orang Jawa yang tiada mempunyai meriam perlu merapati kapal Portugis dan kemudian menaikinya untuk menawannya. Kekalahan ini bukan kerana kekurangan semangat atau bilangan orang, tetapi kerana kemunduran teknoloji orang Jawa sendiri. Dari 100 buah jong yang menyerang Melaka itu, hanya 7 atau 8 buah sahaja yang pulang ke Jawa bersama Patih Yunus.

Dasar Raden Patah menundukkan kerajaan Hindu di Jawa dan melawan Portugis dari bertapak di situ diteruskan oleh pengganti-penggantinya. Beliau meninggal dunia pada T.M. 1518 dan digantikan oleh anaknya Patih Yunus sebagai raja Demak. Pada T.M. 1512, sekali lagi Patih Yunus menye-



rang Portugis di Melaka dengan membawa meriam-meriam besar, tetapi kali ini gagal juga. Beliau meninggal dunia pada tahun itu juga setelah balik ke Demak dari Melaka.

Selepas berlaku satu rebutan kuasa, Sultan Trenggono telah menjadi pemerintah di Demak pada T.M. 1521—1546. Demak mencapai kekuasaan yang terbesar ketika itu. Di zaman pemerintahannya juga wilayah Demak telah diperluaskan lagi. Majapahit yang mulai mengadakan hubungan dengan Portugis telah ditawan sekali lagi oleh tenteranya di bawah Sunan Gunung Jati pada T.M. 1527 Setahun sebelum itu beliau telah menewaskan armada Portugis di Sunda Kalapa di Jawa Barat dan mendirikan kota Jayakarta (Jakarta sekarang). Tindakan ini menghalang Portugis dari bertapak langsung di Pulau Jawa.

Raden Patah telah menyandarkan kekuatannya pada masyarakat Islam di tepi pantai kerana beliau berkeinginan untuk membentuk negara Islam *maritim*. Oleh itu perhatiannya telah dicurahkan kepada pembinaan kapal-kapal di pelabuhan untuk membina armadanya. Segala kekuatan Demak telah dikerahkan untuk melawan Portugis supaya dapat merebutkan kuasa perniagaan di Nusantara. Dalam peristiwa ini beliau telah berhasil menghalang Portugis dari bertapak di Jawa tetapi gagal menghalaunya dari Melaka dan Maluku.

Disebabkan Raden Patah hanya menumpukan tenaga untuk membuat keperluan melawan Portugis sahaja, beliau tidak dapat menumpukan perhatian kepada rakyat di pendalaman. Oleh itu beliau tidak mendapat sokongan rakyat di situ. Akhirnya Kerajaan Demak selepas Raden Patah dan dua orang penggantinya, telah runtuh kerana serangan kerajaan Islam Pajang pada T.M. 1546 yang mendapat sokongan dari rakyat di pendalaman tadi.

14 Sultan Agung (1613—1645) Raja Jawa yang terbesar setelah Majapahit

Setelah runtuhnya Kerajaan Majapahit di tangan Raden Patah pada T.M. 1478, kuasa di Pulau Jawa telah berpindah ke tangan Sultan Demak. Pada T.M. 1546, kuasa itu berpindah pula ke tangan Sultan-sultan Pajang dan pada T.M. 1586, Senapati dari Mataram telah merampas kuasa dari Sultan Pajang yang terakhir. Sehingga T.M. 1601 Senapati telah meletakkan asas Kerajaan Mataram serta berjaya menakluki Pajang, Ponorogo, Madiun, Pasuruan, Kadiri dan Surabaya (Jawa Tengah dan Timur). Beliau juga telah cuba



menakluki Banten tetapi gagal. Penggantinya, Mas Jolang (1601–1613) terpaksa mengalami perang saudara dan pemberontakan-pemberontakan dari gabenor-gabenor di Jawa Timur seperti Surabaya. Sebelum dapat menundukkan pemberontakan-pemberontakan ini, Senapati telah meninggal dunia pada T.M. 1613. Tugas menyatukan semula dan membesarkan Kerajaan Mataram terserah kepada putranya, Mas Rangsang, yang kemudiannya bergelar Sultan Agung.

Sultan Agung ialah Raja Jawa yang terbesar setelah Majapahit. Baginda mempunyai cita-cita untuk menyatukan semula Pulau Jawa dan meluaskan kekuasaannya ke lain-lain bahagian di Kepulauan Melayu. Tetapi usahanya ini telah gagal kerana dihalang oleh Kompeni Belanda yang mempunyai teknoloji moden. Kegagalan tersebut merupakan tarikh kejatuhan kuasa-kuasa Melayu lama di tangan kuasa-kuasa Barat.

Kebesaran peribadi Sultan Agung tidaklah dapat dinafikan. Selain daripada sifatnya yang berpegang kuat kepada ugama Islam, baginda juga telah cuba menyatukan adat istiadat kuno dengan yang baru (ugama Islam). Setengah-setengah adat istiadat pada zaman Majapahit telah dimulakan semula. Tetapi, perayaan-perayaan Islam seperti Hari Raya dan Maulud Nabi disambut secara besar-besaran. Baginda juga yang menggantikan kalendar tahun Hindu yang berdasarkan matahari kepada kalendar Islam yang berdasarkan peredaran bulan pada T.M. 1633. Hakim-hakim telah dilantik dari ulama-ulama Islam. Jasanya juga banyak di dalam bidang kebudayaan, adat istiadat dan kesenian, misalnya perubahan dalam wayang kulit. Baginda juga tertarik kepada ilmu filsafat dan kesusastraan serta pernah menulis buku filsafat yang berjudul *Sastra Gending* dan menggubal *Suria Alam*, (buku undang-undang yang merupakan campuran undang-undang Jawa dan Islam).

Di bawah pemerintahan Sultan Agung inilah Mataram menjadi makmur dan menjadi asas yang kukuh bagi kekuatan tenteranya. Tentera-tentera Mataram terdiri dari petani-petani yang berjumlah 10,000 orang setiap masa. Pada masa yang diperlukan, tentera ini boleh ditambah sehingga menjadi 200,000 orang. Tetapi ini menjadi satu sekatan kepada kekuatan Mataram kerana tentera-tentera itu hanya boleh digunakan selepas bulan Julai dan Ogos sehingga musim menanam iaitu kira-kira 4 hingga 5 bulan saja. Tiap-tiap desa membekalkan perajurit, ·beras, wang atau binatang penarik (terutamanya untuk menarik meriam). Berdasarkan kekuatan



ini, Mataram mempunyai potensi menjadi Empayar seperti Majapahit dan Sultan Agung bercita-cita untuk menjadikannya sebagai satu realiti.

Sultan Agung adalah seorang ahli strateji yang cekap. Baginda telah mengikut strateji berikut dalam mengembangkan kekuasaannya:

Pertama, antara T.M. 1613–1628, berbaik dengan Belanda di Betawi. Sementara itu baginda menundukkan pula seteru-seteru tempatannya dan menyatukan pulau Jawa di bawah pemerintahannya.

Keduanya, antara T.M. 1628–1629, setelah menakluki kebanyakan Pulau Jawa dan Selatan Borneo, baginda berbaik pula dengan Portugis di Melaka untuk mendapatkan bantuan kekuatan angkatan lautnya dan cuba menghancurkan kekuasaan Belanda dengan menakluki Betawi.

Ketiganya, setelah gagal menakluki Betawi baginda cuba pula mengalahkan Belanda dengan mengadakan perikatan dengan Raja-raja Melayu di pulau-pulau lain. Ini pun gagal juga.

Untuk mencapai kejayaan dalam strateji yang pertama, Sultan Agung akan menundukkan steru-seterunya. Ketika itu kerajaan yang terkuat di Jawa ialah Surabaya yang telah menyerang Mataram pada T.M. 1614 tetapi dapat dikalahkan. Setelah itu, Sultan Agung membuat penyerangan untuk menakluki penyokong-penyokong Surabaya terlebih dahulu. Pada T.M. 1615 baginda telah menakluki Wirasaba dan Lasem. Setahun kemudiannya baginda merebut Pasuruan manakala pelabuhan Tuban pula jatuh ke tangannya pada T.M. 1619. Penaklukan Tuban memberikan peluang kepada angkatan lautnya untuk menyerang Madura dan mengepung Surabaya. Serangan Sultan Agung ke atas Surabaya pada T.M. 1620 ini tergendala kerana halangan dari kapal-kapal perang Belanda. Baginda telah dapat mengecualikan Belanda buat sementara waktu dengan membekalkan beras yang sangat diperlukan olehnya di Betawi. Oleh itu, baginda telah dapat menakluki Madura dan Sukadana di Selatan Borneo yang menjadi jajahan Surabaya pada T.M. 1622. Surabaya telah diserang sebanyak 4 kali, sehingga bandar itu ditaklukinya pada T.M. 1625. Selepas penaklukan itu, hanya Jawa Barat (Banten) sahaja yang belum dapat dikuasainya. Sultan Agung pun memakai gelaran Susuhunan atau Maharaja Jawa.

Kompeni Belanda yang telah dibenarkan membina gudang di Jakarta oleh Kerajaan Banten pada T.M. 1610, telah merampas bandar ini pada 30 Mei, 1619 di bawah



pimpinan gabenor jeneral mereka yang agresif, Jan Pieterzoon Coen. Beliau adalah seorang yang berkalibar besar dan menyedari bahawa kuasa Belanda akan lenyap di Jawa jika Sultan Agung berjaya menakluki seluruh pulau itu. Beliau pun bersiap sedia untuk menghadapi perang dengan Sultan Agung. Setelah menjadi gabenor jeneral pada T.M. 1617, beliau cuba membantu seteru-seteru Sultan Agung. Sebagai tindakbalas, Sultan Agung telah melarang orang menjual beras kepada Belanda dan diusahakan supaya perdagangan beras dijadikan monopoli kerajaan. Dengan cara ini, baginda menggunakan beras sebagai senjata. Kerana tindakan ini, Coen terpaksa memberhentikan sokongannya kepada Surabaya untuk mendapat beras dari Mataram. Tetapi kedua-dua pihak sedar yang akhirnya mereka akan bertempur semula. Oleh itu Coen pun merampas Betawi dan mendirikan benteng yang kukuh di situ pada T.M. 1620.

Setelah seluruh pulau Jawa selain dari Banten dan Belanda ditaklukinya pada T.M. 1625, Sultan Agung pun menumpukan perhatiannya kepada kedua-dua kerajaan itu. Baginda telah menjalankan muslihat untuk menundukkan Belanda dengan mengajaknya menakluki Banten bersama-sama. Tetapi Coen sedar akan muslihat ini dan menolak pelawaan itu. Kemudian baginda menuntut pula supaya Belanda menghantar utusan ke Mataram dan mengakui kedaulatannya ke atas Betawi. Ini juga ditolak oleh Coen.

Sementara itu, Sultan Agung telah melengkapkan tentera untuk menyerang Belanda di Betawi. Pada bulan Ogos 1628, tenteranya di bawah pimpinan Temenggung Baurekso (yang menakluki Sukadana di Borneo T.M. 1622) telah datang menyerang Betawi. Dalam serangan pertama, telah dirancangkan supaya berlaku serentak antara angkatan laut dan darat. Tetapi, malangnya tentera darat hanya sampai dua hari setelah serangan dari laut dilancarkan. Tentera itu juga telah membina empangan di Sungai Chiliwung untuk menyekat air minum kepada pihak Belanda. Serangan ini gagal kerana tiga sebab:

Pertama, tentera Mataram merasakan terlalu yakin (over confidence) dan menyangka bahawa tentera Belanda yang kecil jumlahnya itu mudah ditewaskan. Oleh itu bekalan makanan yang disediakan hanya cukup untuk beberapa hari sahaja.

Kedua, tentera Mataram tidak mempunyai meriam untuk meruntuhkan benteng-benteng Belanda.

Ketiga, Belanda telah menguasai jalan laut, dengan itu



bekalan makanan untuk 10,000 orang tentera Mataram terpaksa dibawa dengan kereta lembu dari Jawa Timur mengikut jalan darat. Bekalan ini tidak dapat sampai dengan cepat dan tentera Mataram telah menghadapi kebuluran. Oleh itu Sultan Agung terpaksa memerintahkan supaya pengepungan ke atas Betawi diberhentikan pada bulan Disember 1628. Temenggung Baurekso telah dibunuh kerana kegagalan itu. Langkahnya itu adalah tidak patut dan merugikan kerana pengalaman Baurekso tidak dapat digunakan lagi.

Dalam serangan kedua pada bulan Ogos 1629, Sultan Agung telah menghantar 80,000 tentera untuk mengepung Betawi. Kekurangan-kekurangan pada serangan yang pertama telah cuba diatasi. Tentera Mataram telah dilengkapkan dengan meriam dari Portugis yang terpaksa ditarik oleh lembu dari Jawa Timur. Jurutera Portugis juga diminta membantu usaha mereka tetapi tidak berhasil. Stor makanan telah disediakan lebih dahulu di sepanjang jalan, tetapi Belanda telah membinasakannya. Oleh itu, makanan masih tidak cukup untuk mereka dan ini juga yang menggagalkan serangan Mataram ke atas Betawi. Sultan Agung meminta tentera laut Portugis mengawal bekalan beras mengikut jalan laut dan mengalahkan tentera laut Belanda, tetapi tentera Portugis tidak mampu untuk menjalankannya. Tentera laut Jawa memang tidak dapat melawan tentera laut Belanda. Kekuasaan Belanda di lautlah yang menggagalkan serangan Sultan Agung itu. Kekalahan tersebut bukanlah disebabkan oleh kurang perancangan dan strateji mereka tetapi kerana kerendahan teknoloji di pihaknya jika dibandingkan dengan pihak Belanda yang mempunyai kelebihan berikut:

Pertama, benteng yang dibuat oleh Belanda adalah cara baru dan kukuh yang tidak dapat diruntuhkan oleh tentera-tentera Mataram.

Kedua, meriam-meriam Belanda boleh menembak dari jarak jauh.

Ketiga, kapal dan cara peperangan laut yang moden oleh pihak Belanda menjadikan ia sebagai satu kuasa angkatan laut yang terkuat sekali di dunia pada masa itu (T.M. 1562 dan 1566 ia telah dapat mengalahkan angkatan laut Inggeris di Eropah). Ini jugalah yang menyebabkan kekalahan Kerajaan-kerajaan Melayu dan Kerajaan lain di seluruh Asia.

Harapan untuk mengalahkan Belanda hanyalah dengan mengepung benteng mereka. Tetapi kekuatan angkatan laut mereka dapat menyekat bekalan tentera-tentera yang mengepung itu dan menggagalkan tindakan mereka.



Setelah kekalahan kedua ini, Sultan Agung sedar bahawa baginda tidak dapat mengatasi Belanda di Betawi, tetapi baginda cuba juga mengatasinya dengan cara tidak langsung. Baginda terus menyekat bekalan beras ke Betawi dan membantu seteru Belanda, iaitu Portugis di Melaka dengan membekalkan beras. Misalnya, pada bulan Februari T.M. 1633, Mataram telah menghantar 40 buah kapal beras yang diiringi oleh kapal perang Portugis ke Melaka.

Sultan Agung sedar tentang kekurangan tentera lautnya. Oleh itu baginda telah cuba mendapatkan bantuan tentera laut Portugis untuk menghadapi Belanda. Utusannya telah pergi ke Goa menemui Portugis pada T.M. 1632 dan 1635 manakala utusan Portugis pula datang ke Mataram pada T.M. 1631, 1633 dan 1636. Portugis berjanji akan menghantar 16 buah *galleon* tetapi tidak dilaksanakan.

Sultan Agung cuba pula meluaskan kekuasaannya di daerah-daerah lain di Kepulauan Melayu dan berjaya menakluki Palembang dan Jambi pada T.M. 1633. Pada tahun itu juga baginda telah mengadakan perikatan dengan Makassar. Dengan kejatuhan Portugis oleh Belanda di Melaka pada T.M. 1641, harapan untuk mengatasi kekuatan angkatan laut Belanda langsung lenyap, tetapi permusuhan Sultan Agung terhadapnya masih berterusan. Rancangannya untuk menakluki Banten di Jawa Barat tidak dapat dilaksanakan kerana halangan Belanda di tengah jalan. Baginda mengadakan hubungan dengan raja-raja Islam di Timur Tengah dan membawa mubaligh dari sana untuk mengajar di Jawa.

Dengan mangkatnya Sultan Agung pada T.M. 1641, kekuasaan Mataram mulai merosot kerana penggantinya, Amangkurat I tidak mempunyai kalibar seperti ayahnya. Pada tahun itu juga baginda telah mengadakan perjanjian perdamaian dengan Belanda. Sejak itu sedikit demi sedikit Belanda mengambil tanah Mataram sehingga akhirnya seluruh Jawa berada di bawah belenggu penjajahan.

15. Iskandar Muda Mahkota Alam (1607–1636) Raja Aceh yang terbesar

Pasang surut sejarah Kerajaan Aceh telah menunjukkan dengan jelas pengaruh dari pemimpin-pemimpin mereka. Di bawah pemimpin yang handal kerajaan itu telah berkembang maju sebaliknya di bawah pemimpin yang lemah ia telah merosot. Pada T.M. 1514 Aceh telah dimerdekakan dari Kerajaan Pedir oleh Sultannya yang pertama bernama Ali Mughayat Syah (1514–1528). Ia kemudiannya menakluki



Pasai, Pedir dan Daya serta mengalahkan serangan Portugis ke atas Pasai pada T.M. 1521. Kemenangan ini telah menyekat perkembangan kuasa Portugis di Sumatera. Sultan Aceh yang ketiga Alaudin Riayat Syah bergelar Al Qahar (Yang Keras) (1530–1568) telah mengembangkan kekuasaannya ke pantai Timur Sumatera iaitu Deli pada T.M. 1539 dan Semenanjung Tanah Melayu. Orang-orang Portugis di Melaka telah diserangnya beberapa kali iaitu pada T.M. 1537, 1574 (ini hampir berjaya), 1551 dan 1568. Baginda juga telah mengadakan perikatan dengan kerajaan-kerajaan Melayu lain serta mendapatkan ubat bedil, meriam dan pakar-pakarnya dari Turkey untuk menakluki Melaka. Johor lama ditakluki pada T.M. 1564 dan menawan Sultan Alaudin, Johor, kerana menyebelah pihak Portugis di Melaka. Selepas itu kuasa Aceh mula merosot kerana Sultannya lemah. Kekuasaannya muncul semula dan mencapai zaman kemuncaknya di masa pemerintahan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607–1636).

Iskandar Muda merupakan seorang pemimpin yang cekap dan kuat. Oleh itu baginda dapat menguasai 73 orang pembesar atau hulubalang yang memerintah di 73 buah mukim di Aceh. Tanpa pimpinan seperti itu hulubalang-hulubalang ini mungkin berlawan sama sendiri untuk mendapatkan kekuasaan dalam negeri. Baginda telah melancarkan gerakan penaklukan kerana dua tujuan, pertamanya untuk mempertahankan Islam dengan menentang Portugis di Melaka. Dan keduanya untuk kepentingan ekonomi Aceh dengan menguasai perniagaan lada hitam di Sumatera.

Sebagai seorang pemimpin yang realistik, Iskandar Muda sedar bahawa baginda mesti memperkuatkan ekonominya supaya boleh terus berjihat untuk Islam dengan menentang Portugis. Untuk tujuan ini baginda telah menjalankan dua strateji:

Pertamanya berusaha untuk mendapatkan monopoli perniagaan lada hitam dan timah di bahagian barat Kepulauan Melayu. Oleh yang demikian baginda telah menakluki Indragiri, Tiku, Periaman, dan Indrapura bagi menguasai pengeluaran lada hitam di situ. Tiap-tiap tahun baginda menghantarkan angkatan lautnya untuk memungut setengah daripada pengeluaran lada hitam di Tiku dan Periaman. Baginda memerintahkan supaya pokok-pokok lada hitam di Kedah ditebang dalam T.M. 1620. Perniagaan bahan itu dijadikan monopoli kerajaan dan menaikkan cukai ke atasnya di jajahan takluk Aceh (misalnya 22% di Tiku dan Periaman pada T.M. 1628). Iskandar Muda juga membawa orang-orang



tawanan ke Aceh untuk menambah pekerja-pekerja bagi mengeluarkan hasil tersebut. Misalnya, pada T.M. 1620, baginda memindahkan 5,000 orang dari Perak ke Aceh untuk tujuan ini. Baginda menakluki Kedah (1619) dan Perak (1620) untuk menguasai perniagaan bijih timah.

Keduanya, Iskandar Muda mengadakan keadaan perniagaan yang baik dengan mengenakan cukai hanya 10% yang jauh lebih rendah dari cukai di Melaka dan Betawi. Oleh itu ramai peniaga-peniaga dari India, Cina dan Jawa datang ke sini.

Dalam usahanya mengembangkan ugama Islam, Iskandar Muda telah menjalankan 5 dasar:

Pertama, menggalakkan pertumbuhan ulama-ulama Islam di Aceh dengan menjadi penaung-penaung kepada mereka. Ulama-ulama ini juga dijadikan sebagai penasihatnya, misalnya, Shamsudin As-Samatrani pernah menjadi menteri di Aceh. Ulama-ulama lain yang masyhur masa ini ialah Hamzah Fansuri, Syekh Nurudin Ar-Raniri dan Abdul Rauf Sinkel. Mereka inilah yang mengarang kitab-kitab ugama Islam dalam bahasa Melayu yang masih lagi dibaca dan mempengaruhi orang-orang Melayu.

Kedua, membatalkan adat-adat zalim yang dipusakai dari zaman Hindu seperti saksi-saksi dikehendaki mencelurkan tangan ke dalam minyak panas atau menjilat besi panas untuk menguji kebenaran kenyataan-kenyataan mereka. Ini digantikannya dengan hukum-hukum Islam yang dikuatkuasakan di dalam negerinya. Adat-adat yang sesuai dengan Islam terus digunakan.

Ketiga, menghantar mubaligh-mubaligh Islam ke negeri-negeri yang bukan Islam seperti Batak yang telah ditaklukinya. Ini merupakan satu jasa besar yang dilakukan Iskandar Muda.

Keempat, ia memberi keutamaan kepada peniaga-peniaga Islam seperti peniaga Arab dan Gujarat dari peniaga-peniaga Belanda dan Inggeris. Sebab itulah ia menaikkan cukai kastam ke atas perniagaan kedua-dua bangsa Barat itu untuk menyekat mereka dari berniaga di situ. Oleh itu Inggeris telah meninggalkan Tiku pada T.M. 1618 dan Aceh pada T.M. 1630. Belanda pula meninggalkan Aceh pada T.M. 1623. Belanda telah menghantar utusan meminta syarat perniagaan yang lebih baik dan bantuan untuk menentang Portugis tetapi ditolak oleh Iskandar Muda. Ornag-orang Aceh tidak berniaga kerana mereka merupakan pentadbir dan perajurit. Dengan mengenakan cukai 10% atas perniagaan ekspot, Iskandar



Muda mempunyai wang yang cukup untuk membiayai tentera yang besar. Aceh mempunyai 236 buah kapal dengan 20,000 tentera ketika menyerang Melaka pada T.M. 1629.

Kelima, kekuatan tentera yang ada padanya membolehkan ia menyerang Portugis di Melaka dan Johor yang selalu berpihak kepadanya. Aceh menyerang Portugis pada T.M. 1616, 1627 dan 1629, dengan tenteranya seramai lebih kurang 20,000 orang. Tetapi usaha ini gagal kerana kelemahan teknoloji peperangannya seperti kerajaan-kerajaan Melayu yang lain juga. Walau bagaimanapun ia selalu menang bila berlawan dengan negeri-negeri Melayu seperti penaklukan ke atas Johor pada T.M. 1613 dan 1615 dan Pahang pada T.M. 1618 kerana masing-masing mempunyai teknoloji yang setanding.

Sungguhpun mempunyai minat yang besar untuk mengembangkan kekuasaannya, Iskandar Muda sedar bahawa baginda tidak mempunyai kuasa untuk mengalahkan kerajaan yang kuat seperti Banten yang menguasai Sumatera Selatan. Oleh itu baginda tidak berusaha untuk meluaskan jajahannya ke daerah itu dan ini merupakan satu tindakan yang bijak.

Iskandar Muda kuat memegang ajaran Islam sehinggakan anak sulungnya dibunuhnya kerana zalim. Baginda pula keberatan untuk melantik penggantinya (anak angkatnya) — Iskandar Thani — putra Sultan Ahmad Syah, Pahang, kerana baginda adalah seorang yang adil dan berbudi pekerti yang baik.

Iskandar Muda telah mengatur pentadbiran negaranya dengan baik seperti yang tercatit dalam *Kanun Aceh Darrusalam*. Tiap-tiap kampung selain dari mempunyai sebuah masjid dan surau harus ada sebuah madrasah di mana ada guru-guru yang mengajar ugama Islam. Kampung-kampung ini diketuai oleh seorang yang bergelar "Imam". Kumpulan beberapa buah kampung digelar "Mukim" dengan mempunyai sebuah masjid besar. Satu mukim diketuai oleh seorang hulubalang kecil. Terdapat 73 buah mukim di Aceh. Kumpulan dari beberapa buah mukim ini digelar "Sagi" dan diketuai pula oleh seorang yang bergelar "Hulubalang Besar".

Pentadbiran dan undang-undang negeri dijalankan oleh Sultan dibantu oleh Wazir Sultan, Perdana Menteri dan Kadi Malikul Adil dengan empat orang Mufti. Balai Laksamana mengetuai tentera laut dan darat. Menteri Dirham menjadi menteri kewangan yang mengendalikan Baitulmal dan bertanggungjawab terus kepada Sultan.



Terdapat tiga buah badan untuk menjalankan dasar-dasar pentadbiran negara:

1. *Balairung* yang terdiri dari empat orang Hulubalang terbesar Aceh.
2. *Balai Gading* yang terdiri dari 2 orang ulama besar.
3. *Balai Majlis Mahkamah Rakyat* yang terdiri dari 73 orang wakil dari 73 buah mukim di Aceh termasuk 9 orang wakil wanita.

Badan ini (Balai Majlis Mahkamah Rakyat) ditubuhkan oleh Iskandar Muda pada T.M. 1622 tugasnya ialah:

"Ia berhak mengurus hal negeri dan mengurus rakyat sempurna, supaya rakyat dapat senang hidup dan dapat banyak hasil, makmur dan aman dan menjaga huru-hara negeri dan ditimbang sekalian pekerjaan utusan rakyat besar dan kecil, Timur dan Barat, gunung dan baruh dan mengerjakan perbuatan-kebenaran dan keadilan supaya aman negeri dan taat rakyat."

Iskandar Muda telah berutus surat kepada Sultan Turki dan King James di England sebagai raja yang setaraf dengannya.

Dengan kemangkatannya pada T.M. 1636, kebesaran Aceh masih dapat dipertahankan oleh Iskandar Thani. Tetapi selepas kemangkatan Iskandar Thani pada T.M. 1641 dan kejatuhan Melaka ke tangan Belanda, kuasa Aceh pun merosot seterusnya kerana tidak ada raja yang berperibadi besar seperti Iskandar Muda untuk mengemudikan bahtera negara itu.

16. Bukhari Johori (Al-Jauhari) (K.M. XVI) Pengarang buku politik yang pertama

K.M. XVII adalah merupakan zaman perkembangan pemikiran orang-orang Melayu di Kepulauan Melayu. Ini dapat dilihat dari buku-buku yang dihasilkan oleh pujangga-pujangga dan ulama-ulama di zaman itu. Sebuah daripada buku yang sangat berpengaruh ialah *Taj us-Salatin* (Mahkota Segala Raja-raja) karangan Bukhari Johori (Al-Jauhari) pada T.M. 1603. Buku ini merupakan panduan untuk memerintah oleh Raja-raja Melayu seperti Kedah dan Johor. Raja-raja Jawa telah menggunakannya sebagai pedoman dalam pentadbiran mereka. Begitu juga Belanda yang menggunakannya untuk mentadbirkan Indonesia ketika ia menjajah negeri itu.



Buku ini telah dibawa ke England dan Belanda yang kemudiannya telah diterjemahkan ke bahasa Perancis.

Taj us-Salatin begitu berpengaruh hingga K.M. XIX ketika Munsyi Abdullah cuba mengetahui watak Raffles dari air mukanya berdasarkan ilmu firasat di dalam buku tersebut. Dalam bukunya *Kisah Pelayaran Abdullah Ke Negeri Kelantan*, Abdullah telah menasihatkan raja-raja di negeri itu supaya membaca *Taj us-Salatin* untuk mengetahui tanggungjawab sebagai raja.

R.O. Winstedt mengatakan buku ini adalah hasil kesusastraan Parsi yang dikarang oleh Jauhar dari Bokhara kemudian diterjemahkan ke Bahasa Melayu di Aceh pada T.M. 1603. Menurutnya lagi bahawa buku ini kurang baik dan sangat kurang nilai sastranya. Sebagai seorang Kristian, beliau telah mengecam buku itu kerana ajaran-ajaran Islam yang terkandung di dalamnya.

Werndly dalam *Maleisch Spraakunst* berpendapat "*Taj us-Salatin* mengandungi beberapa ajaran yang bermoral dalam bentuk cerita dan dikarang dalam bahasa yang bagus serta gaya yang baik. *Taj us-Salatin* adalah salah sebuah kitab yang terbaik dalam Bahasa Melayu untuk dibaca."

Khalid Husain, penyunting buku *Taj us-Salatin* yang terbaru berpendapat bahawa buku ini adalah karya asli seorang pengarang bernama Bukhari dari Johor. Ini berdasarkan kenyataan bahawa ia banyak memperlihatkan keperibadian Melayu dan tidak ada bukti bahasa atau kata-kata Aceh di dalamnya. Menurutnya lagi, nama pengarang buku ini dalam huruf jawinya بخاري جوهري yang boleh dimaknakan Bukhari dari Johor. Ini memang sudah menjadi adat ketika itu yang memberi gelaran seseorang dari nama tempat asalnya seperti Hamzah Fansuri dari Fansur, Syamsudin As-Samatrani dari Sumatera dan Nurudin Ar-Raniri dari Rander. *Taj us-Salatin* sangat terkenal di Johor sehingga dicetak semula pada T.M. 1875. Ia tidak begitu terkenal sekiranya ia bukan hasil tempatan. Katanya lagi Johor pernah melahirkan pengarang seperti Tun Sri Lanang dan lain-lain pengarang yang muncul kemudiannya. Berdasarkan kenyataan di atas adalah menasabah bahawa Bukhari adalah pengarang dari Johor.

Memang terdapat persamaan antara *Taj us-Salatin* dengan kitab Arab *Al-taj fi-Akhlak al Muluk* karangan seorang pengarang Arab di zaman Khalifah Al-Maamun bin Harun Al-Rasyid. Di dalam bukunya, Bukhari mengakui memang ada mengambil bahan-bahan dari buku panduan raja-raja dalam bahasa Arab. Ini tidaklah mengurangkan jasanya



sebagai pengarang Melayu yang pertama menulis buku panduan memerintah (buku politik) dengan merujuk kepada buku-buku Arab yang merupakan sumber ilmu pengetahuan ketika itu.

Tujuan beliau mengarang buku ini ialah untuk memberi panduan supaya seorang raja itu mengetahui tanggungjawab dan boleh memerintah dengan adil.

Taj us-Salatin mengandungi 24 fasal yang membincangkan apakah yang perlu diketahui oleh pemerintah:

1. Manusia perlu mengenal dirinya.
2. Manusia perlu mengenal Tuhan.
3. Manusia perlu mengenal dunia.
4. Manusia perlu mengetahui kesudahannya pada ketika maut.
5. Tanggungjawab dan sifat-sifat Sultan.
6. Menyatakan perbuatan adil.
7. Cerita-cerita dan sifat-sifat raja adil.
8. Cerita dan sifat-sifat raja kafir yang adil.
9. Menyatakan perbuatan zalim.
10. Tugas dan sifat-sifat menteri.
11. Tugas penyurat.
12. Tugas pesuruh.
13. Sifat, tugas dan tanggungjawab pegawai-pegawai kerajaan.
14. Cara-cara mendidik anak.
15. Hemat yang benar.
16. Sifat orang berbudi (berakal).
17. Syarat kerajaan.
18. Ilmu qaifah dan firasat.
19. Ilmu qaifah dan firasat dan segala hukum-hukumnya.
20. Hal rakyat dan raja.
21. Hal rakyat yang kafir dengan raja yang Islam.
22. Hal pemurah dan ikhsan.
23. Hal setia dan menepati janji.
24. Penutup.



Semua panduan yang diberi oleh Bukhari berdasarkan sifat-sifat pemerintah dan pemerintahan yang dianjurkan oleh ugama Islam. Beliau juga menyatakan bahawa rakyat patut menentang raja yang tidak mengikut hukum Islam. Konsep ini merupakan satu konsep baru dalam masyarakat Melayu fiudal yang menganggap perintah raja patut dipatuhi dengan membuta tuli.

Bukhari memberi 10 sifat raja atau pemerintah yang baik seperti berikut:

1. Tahu membezakan baik dan buruk.
2. Berilmu (kalau tidak mempunyai ilmu perlu berkawan dengan orang yang berilmu).
3. Tahu memilih menteri.
4. Baik rupa dan budi pekertinya supaya dikasihi orang.
5. Pemurah.
6. Mengenang jasa orang.
7. Berani, jika raja berani pengikutnya juga akan berani.
8. Mengurangkan makan dan tidur supaya tidak lalai.
9. Kurang berpoya-poya dengan perempuan.
10. Laki-laki, tetapi raja perempuan boleh dilantik jika tiada waris laki-laki untuk mengelakkan daripada berlaku huru-hara.

Kebanyakan sifat-sifat di atas masih diperlukan oleh pemimpin-pemimpin pada masa ini.

Taj us-Salatin begitu berpengaruh sehingga usaha Syeikh Nurudin Ar-Raniri untuk menggantinya dengan *Bustan us-Salatin* kemudiannya tidak berjaya. Kebesaran *Taj us-Salatin* dan pengarangnya boleh dilihat dari kenyataan bahawa tidak ada buku seperti itu di dalam bahasa Melayu yang boleh menandinginya.

17. Hamzah Fansuri (akhir K.M. XVI)
Pujangga Tasauf Melayu yang ulung

Kalau bangsa Turki boleh bermegah dengan pujangga Tasauf Jalaludin Rumi (1207–1273), bangsa Parsi dengan Hafiz (1325–1390), maka bangsa Melayu pula boleh berbangga dengan Hamzah Fansuri yang tidak kurang tandingan dengan mereka. Tetapi malang bagi bangsa Melayu kerana kebanyakan dari karya-karya Hamzah Fansuri telah hilang. Atas perintah Sultan Aceh, Sultan Iskandar Thani



(1636—1641), karya-karya yang berupa syair dan kitab-kitab ini telah dibakar atau tuduhan menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar. Walau bagaimanapun kebesaran Hamzah Fansuri sebagai Pujangga Tasauf tidaklah dapat dinafikan. Kebenarannya telah dibuktikan oleh sarjana-sarjana moden kemudiannya.

Sebagai pujangga yang mencipta bentuk sastra yang digelar "syair" dan orang yang pertama memaparkan ajaran-ajaran Tasauf secara sistematik dalam bahasa Melayu, Hamzah telah memberi pengaruh yang besar dalam alam kesusastraan dan pemikiran orang-orang Melayu sehingga sekarang.

Dengan kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada T.M. 1511, pusat perniagaan dan perkembangan Islam telah berpindah ke Aceh. Saudagar-saudagar Islam dari India, Parsi, Arab dan kepulauan Melayu bertumpu ke situ. Aceh mencapai zaman kegemilangannya pada masa pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607—1636). Di masa inilah juga terdapatnya perkembangan ugama Islam dan kesusastraan Melayu yang bernas yang berteraskan falsafah Islam. Pelopor perkembangan ini ialah Hamzah Fansuri.

Tarikh lahir dan meninggalnya Hamzah tidaklah dapat diketahui, tetapi menurut Prof. Syed Muhammad Naguib, Hamzah hidup di zaman sebelum dan semasa pemerintahan Sultan Alaudin Riayat Syah (1588—1604).

Berdasarkan dari sebuah syairnya sendiri, Hamzah Fansuri berasal dari Fansur atau Barus di Aceh, tetapi ia dilahirkan di Syahr Nawi (bandar Ayuthia, ibu kota lama kerajaan Siam). Ini mungkin kerana bapanya berniaga di situ yang merupakan satu perkara biasa dilakukan oleh peniaga-peniaga Aceh pada masa itu. Syair tersebut ialah:

Hamzah nin asalnya Fansuri
Mendapat wujud di tanah Syahr Nawi
Beroleh khilafat ilmu yang ali
Daripada Abdul Kadir Sayyid Jailani.

Syair di atas juga menyatakan bahawa beliau mengikut ilmu Tasauf tarikat Qadiriyyah yang dimulakan oleh Sayyid Abdul Kadir Jailani. Hamzah mengembara dari satu tempat ke satu tempat di Timur Tengah dan di Kepulauan Melayu untuk mempelajari ilmu Tasauf serta hakikat Tuhan. Akhirnya beliau mendapat penjelasan yang dicarinya itu di kawasan asalnya iaitu Fansur, seperti yang dinyatakan dalam syairnya:



Hamzah Fansur di dalam Mekah
Mencari Tuhan di Baitul Kaabah
Di Barus ke Kudus (Jawa) terlalu payah
Akhirnya dapat di dalam rumah.

Setelah puas mengembara dan menuntut ilmu, Hamzah pun pulang ke Fansur. Di sini beliau mula menulis dan mengembangkan pengetahuan Tasauf yang telah didapatinya. Dari tulisan-tulisannya yang berbentuk prosa dan syair membuktikan bahawa Hamzah mahir dalam Bahasa Arab dan Parsi selain dari bahasa Melayu. Beliau juga dipengaruhi oleh tulisan-tulisan ahli-ahli Tasauf yang masyhur di Timur Tengah seperti Ibnu Arabi, Abdul Karim Jili, Abu Yazid Bistanu, Junayd Baghdadi, Mansur al-Hallaj, Imam Al-Ghazzali, Jalaludin Rumi, Syamsu Tabriz dan lain-lain lagi.

Karangan-karangan berbentuk prosa yang diketahui adalah "Asran al arifin fi bayan ilm alsuluk wal tauhid", dan "Sharab al ashikin" (Minuman orang yang cinta kepada Tuhan).

Sungguhpun judul kitab ini di dalam bahasa Arab, tetapi isinya di dalam bahasa Melayu. Dalam kitab-kitab tersebut, beliau membincangkan hukum-hukum Syariat Islam, jalan-jalan tarikat untuk mengenal Tuhan, makrifat, hubungan Tuhan dengan alam dan cinta terhadap Tuhan.

Menurut Prof. Syed Muhammad Naguib dan Prof. A. Teeuw, bentuk "syair" yang dicipta oleh Hamzah adalah bertujuan untuk melahirkan ajaran dan pengalaman Tasaufnya sendiri, sebagaimana yang dibuat oleh pujangga-pujangga Tasauf di Timur Tengah .

Syair-syair Hamzah yang diketahui adalah seperti berikut:

1. Syair Dagang
2. Syair Si Burung Pingai
3. Syair Perahu
4. Syair Burung Pungguk
5. Syair Sidang Fakir
6. Syair Ikan Tongkol

Sungguhpun banyak syair-syair mengenai Tasauf dan akhlak yang dikarang di zaman selepasnya, tetapi menurut R.O. Winstedt, "tidak ada yang mempunyai semangat dan keghairahan seperti yang dicipta oleh Hamzah Fansuri."

Oleh kerana banyak konsep-konsep Tasauf tidak ada di alam fikiran orang-orang Melayu, maka tidaklah ada perkataan-perkataan Melayu yang boleh menggambarkan konsep-konsep ini. Sebaliknya Hamzah telah menggunakan



perkataan-perkataan Arab seperti *tauhid, wasil, azali, wujud, fana* dan sebagainya. Dengan memperkenalkan perkataan-perkataan ini, Hamzah telah memperkayakan perbendaharaankata Melayu kerana perkataan-perkataan ini lama-kelamaan telah digunakan langsung oleh masyarakat Melayu dan dianggap sebagai perkataan mereka.

Ajaran Tasauf adalah merupakan ilmu yang kompleks yang membincangkan hubungan antara manusia dengan Tuhan. Untuk menerangkan konsep-konsep yang rumit ini, Hamzah telah menggunakan perbincangan yang rasional. Ini merupakan perkara baru dalam kesusastraan Melayu kerana sebelumnya hanya terdapat karangan-karangan yang berdasarkan dongeng sahaja. Oleh kerana inilah Prof. Syed Muhammad Naguib berpendapat bahawa Hamzah sebagai pemula zaman moden dalam kesusastraan Melayu kerana unsur rasionaliti merupakan satu asas pemikiran zaman moden.

Ilmu Tasauf yang diajar oleh Hamzah telah tersebar di Aceh dan tempat-tempat lain. Salah seorang dari muridnya, Syamsuddin As-Samatrani adalah seorang pujangga dan ulama besar yang menjadi Kadi Malikul Adil (seperti Hakim Tertinggi masa ini) pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam. Ilmu Tasauf ajaran Hamzah mengikut aliran yang digelar *Wujudiyah* yang dimulakan oleh Ibnu Arabi di Timur Tengah. Ajarannya juga dikenal di beberapa tempat dengan nama *Pengajian Tubuh* atau *Martabat Tujuh.*

Menurut Hamka, ajaran Hamzah tersebar di Jawa dengan nama *Kawula Gusti* dan beliau dikenal sebagai *Kiyahi Hamzah.* Ajarannya yang tersebar di Makasar dinamakan *Tharikat Haji Paloppo.*

Pada tahun 1968 penulis telah bertemu dengan seorang guru di Ulu Kelang, Selangor, yang mengaku mengajar *Ilmu Pengajian Tubuh* dan mendakwa bahawa apa yang diajarnya ialah ilmu yang diajar oleh Hamzah Fansuri dahulu. Ini menunjukkan betapa besarnya pengaruh ajaran Hamzah itu.

Aliran Tasauf *Wujudiyah* ibnu Arabi memang ditentang oleh setengah-setengah ulama ortodoks di Timur Tengah. Di Aceh, ajaran ini tidak ditentang secara terbuka ketika Hamzah dan muridnya yang handal, Syamsuddin As-Samatrani masih hidup. Mungkin disebabkan tiada ulama yang sanggup berdebat dengan mereka. Tetapi setelah kedua-duanya meninggal dunia dan kedatangan seorang ulama ortodoks yang handal, Syeikh Nurudin Ar-Raniri ke Aceh T.M. 1637 ajaran ini telah ditentang secara terbuka. Satu



perdebatan telah diadakan di hadapan Sultan Iskandar Thani di antara Syeikh Nurudin dengan pengikut-pengikut Hamzah. Mereka telah dikalahkan oleh Syeikh Nurudin yang membuktikan bahawa mereka telah menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar.

Menurut Prof. Syed Muhammad Naguib, bukanlah ajaran Hamzah yang salah tetapi fahaman Syekh Nurudin terhadap ajaran itu yang tidak tepat. Manakala murid-murid Hamzah yang berdebat itu pula tidak mampu menerangkan dengan berkesan ajaran guru mereka.

Kerana kekalahan itu, Sultan Iskandar Thani telah yakin akan kesalahan ajaran Hamzah. Baginda memerintahkan supaya kitab dan Syair Hamzah serta Syamsudin As-Samatrani dibakar. Tetapi ada juga beberapa buah karangannya yang terselamat dan dijumpai pada masa ini. Tidak ada pujangga Melayu yang dapat menandingi Hamzah dari segi keaslian dan bakat kepuisiannya (poetic genius). Ketokohannya dalam bidang sastra dan alam pemikiran orang-orang Melayu tidaklah dapat dilupakan oleh sejarah.

**18. Syekh Nurudin Ar-Raniri (K.M. XVII)
Pembela Faham Ortodoks Islam**

Syekh Nurudin Ar-Raniri masyhur sebagai seorang pujangga dan ulama, tetapi pengaruhnya lebih berkesan kepada masyarakat Melayu dalam bidang ugama. Pengaruhnya begitu besar sehingga kitabnya, *Siratul Mustakim* masih lagi digunakan di setengah-setengah sekolah ugama di Malaysia pada K.M. XX ini.

Syekh Nurudin berketurunan Arab Hadhramaut di sebelah bapanya yang telah bermastautin di Gujarat, manakala ibunya ialah orang Melayu Aceh. Nama penuhnya ialah Syekh Nurudin bin Muhammad Jailani bin Hasanji bin Muhammad Hamid Ar-Raniri. Beliau digelar "Ar-Raniri" kerana beliau dilahirkan di Ranir (Rander), sebuah bandar pelabuhan di Gujarat, India. Bandar ini menjadi tumpuan saudagar-saudagar Parsi, Melayu, Burma, Siam dan India. Tarikh lahir Syekh Nurudin tidaklah diketahui. Beliau belajar di Mekah dan diketahui berada di sini pada T.M. 1621. R.O. Winstedt berpendapat, setelah selesai pengajiannya di Mekah, beliau telah pergi ke Pahang (yang masa itu di bawah takluk Aceh) berdasarkan maklumat bahawa buku-buku Syekh Nurudin sebelum T.M. 1637 menggunakan bahasa Melayu dan tiada pengaruh dialek Aceh. Beliau belayar ke Aceh pada tahun 1637 setelah mangkatnya Sultan



Iskandar Muda. Di situ beliau mengajar ugama serta disambut baik oleh Sultan Iskandar Thani (1636—1641) dan Sultanah Tajul Alam Shafiyatudin (1641—1675) kemudiannya. Pada tahun 1644 beliau meninggalkan Aceh untuk pulang ke Ranir dan meninggal di situ pada T.M. 1658.

Sebelum sampai ke Aceh pada tahun 1637, Syekh Nurudin telahpun terkenal sebagai seorang ulama. Pada tahun 1628, beliau telah mengarang kitab *Sirat ul-Mustakim*, sebuah kitab tentang rukun-rukun Islam seperti sembahyang, puasa, dan sebagainya. Tetapi, semasa di Acehlah ketokohannya sebagai ulama lebih terlihat. Beliau berjaya mengubah arus ajaran ugama Islam di Aceh masa itu dan seterusnya mempengaruhi masyarakat Melayu di tempat lain.

Ketika Syekh Nurudin sampai di Aceh pada tahun 1637, ajaran Hamzah Fansuri dan Syamsudin As-Samatrani tentang aliran tasauf Wujudiyah sangat berpengaruh di situ. Aliran Tasauf ini memang ditentang oleh setengah-setengah ahli Tasauf di Timur Tengah kerana dianggap menyeleweng dari ajaran-ajaran Islam yang sebenarnya. Syekh Nurudin adalah pengikut mazhab Syafie dan aliran Tasauf Qadiriyah yang diajar oleh Syekh Abdul Qadir Jailani. Di Aceh, beliau merasa perlu membanteras ajaran-ajaran Wujudiyah ini dan mula menyerang ajaran-ajaran itu. Serangannya telah menggegarkan masyarakat Aceh sehingga Sultan Iskandar Thani mengadakan debat terbuka antara Syekh Nurudin dengan pemimpin-pemimpin ajaran Wujudiyah untuk menentukan pihak mana yang benar. Oleh kerana pemimpim-pemimpin yang mengikuti ajaran Wujudiyah ketika itu tidak berapa handal, seperti Hamzah Fansuri dan Syamsudin As-Samatrani, mereka telah ditewaskan oleh Syekh Nurudin dalam perdebatan itu. Hasilnya ajaran-ajaran Ortodoks Islam yang dibela oleh Syekh Nurudin telah diterima di Aceh dan ajaran-ajaran Wujudiyah telah dianggap salah. Akibatnya, kitab-kitab Hamzah Fansuri telah dibakar di merata-rata tempat di Aceh.

Untuk menegakkan terus ajaran-ajaran Ortodoks Islam, Syekh Nurudin telah mengarang kitab-kitab berikut:

1. Durrat al-Farid bisharh al-akaid – mengenai puasa, haji, zikir, riba dan jihad.

2. Asrar al-insan fi ma'rifat al-ruh wal rahman (T.M. 1641) mengenai sifat-sifat roh dan ini menentang pendapat-pendapat Hamzah Fansuri.

3. Akhbar al-akhirah fi-ahwal al-kiamah (T.M. 1642) –



mengenai kejadian Nur, Muhammad, Adam, maut, tanda-tanda Hari Kiamat, neraka dan syurga.

4. Jawahir al-ulum fi kashf al-ma'lum.
5. Fath al-mubin al al-mulhidin.
6. Hujjat alsiddek lidaf' al-zindik.
7. Lataif al-asrar (T.M. 1644).
8. Tabyan fi ma'rifat al-adyan (T.M. 1644).
9. Hill az-zil.
10. Nubdha fi da'wal zil maa sahibihi.

Sungguhpun judulnya berbahasa Arab, tetapi kandungannya dalam bahasa Melayu. Kitab keempat hingga kesepuluh adalah mengenai Tasauf dan bertujuan untuk membanteras ajaran-ajaran Wujudiyah. Melihat kepada perkembangan kemudiannya, usaha Syekh Nurudin ini memang telah berjaya. R.O. Winstedt memuji Syekh Nurudin sebagai seorang ahli fikir dan sarjana yang mengetahui kitab-kitab ulama-ulama besar Islam di Timur Tengah yang ortodoks seperti Imam al-Ghazali, Fakhr al-din Razi, Syihab al-din al-Suhrawardi, Abu Talib al-Makki, Aby al-Kasim al-Kushayri, Ibn Arabi dan Abdul Kadir Al-Jailani. Pengetahuannya yang luas dan kebolehannya menulis dalam bahasa Melayu yang mudah difahami, merupakan sebab-sebab kejayaannya membela ajaran-ajaran Islam yang ortodoks.

Syekh Nurudin juga masyhur dalam bidang sastra kerana telah mengarang buku sejarah *Bustanus Salatin* (Taman Raja-raja) pada T.M. 1638. Buku ini merupakan sejarah raja-raja Islam di Timur Tengah dan Aceh serta menjadi panduan kepada raja-raja lain. *Bustanus Salatin* mengikut bentuk *Taj-us-Salatin,* mengandungi tujuh bab seperti berikut:

1. Kejadian dunia dan syurga.
2. Kisah Nabi-nabi dari Adam hingga Muhammad, raja-raja Parsi hingga zaman Khalifah Omar, maharaja-maharaja Rom hingga zaman Nabi Muhammad, raja-raja Masir dan Arab, Khalifah Rashidun berempat, Kerajaan Umayyah dan Abbasiyah, raja-raja Islam di Delhi, Melaka, Pahang dan Aceh serta mubaligh-mubaligh di Aceh.
3. Raja-raja yang adil dan pegawai-pegawai yang bagus.
4. Raja-raja yang warak dan wali-wali seperti Ibrahim bin Adham.



5. Raja-raja yang zalim dan menteri-menteri yang bodoh dan khianat.
6. Orang-orang yang pemurah dan bangsawan serta hero-hero Perang Badar, Uhud dan peperangan-peperangan Nabi Muhammad.
7. Akal dan ilmu-ilmu seperti perubatan, firasat dan nujum.

Buku-buku ini merupakan sumber yang sangat berguna mengenai sejarah negeri Melaka, Pahang dan Aceh pada K.M. XVII.

19. Sultan Abu Bakar (1450–1480)
Penegak Islam di Sulu

Sungguhpun orang-orang Moro di selatan Filipina mempunyai alat-alat peperangan yang kurang serta mundur dari segi teknolojinya dan kadang-kadang mempunyai bilangan orang yang kecil, namun tidak dapat juga ditakluki oleh Sepanyol. Mereka terus-menerus menentang serangan penjajah itu selama 400 tahun. Ini disebabkan oleh kuatnya semangat Islam yang telah disemaikan di kalangan mereka oleh pemimpin-pemimpin yang terdulu. Dan kemudiannya mewujudkan pemimpin-pemimpin yang perkasa. Seorang daripada pemimpin yang terbesar ialah Sultan Abu Bakar dari Sulu.

Perkataan "Moro" berasal dari perkataan Sepanyol "Moor" yang bererti orang Islam. Perkataan ini digunakan di Filipina kerana orang-orang di Mindanao dan Sulu mempunyai ugama yang sama dengan orang-orang Moor di Afrika yang pernah menguasai Sepanyol selama lebih 700 tahun (711–1492) iaitu ugama Islam.

Orang-orang Islam di Filipina berasal dari immigrasi orang-orang dari Tanah Melayu. Menurut sejarah orang-orang Moro, mubaligh Islam yang pertama datang ke Sulu ialah Syarif Karim al-Makhdum dari Melaka pada kira-kira T.M. 1380. Beliau telah mengislamkan setengah-setengah penduduk di pulau itu.

Pada T.M. 1410, seorang raja dari Minangkabau bernama Raja Baguindo telah datang menakluki Sulu dan mendirikan Kerajaan Islam di situ. Tetapi pendirian masyarakat dan Kerajaan Islam yang kukuh di pulau tersebut adalah hasil usaha Sultan Abu Bakar.

Abu Bakar dikatakan sebagai seorang alim yang datang dari Melaka atau Johor atau Palembang. Baginda sampai di



Sulu melalui Brunei pada kira-kira T.M. 1450. Abu Bakar telah mengajar ugama Islam di situ dan berkahwin dengan Para Misuli, putri tunggal Raja Baguindo. Raja Baguindo telah melantiknya sebagai hakim dan imam. Apabila raja itu mangkat, orang-orang Sulu telah mengangkatnya menjadi Sultan dengan gelaran As Sultan As-Syarif Al Hasyimi dan memerintah selama 30 tahun.

Abu Bakar telah menyatukan kuasa politik dan ugama di tangan Sultan mengikut sistem pemerintahan di Turki. Beberapa perubahan dalam pemerintahan dan masyarakat di Sulu telah dijalankan. Dengan ini baginda telah meletakkan asas yang kukuh bagi masyarakat itu sebagai sebuah masyarakat Islam.

Perubahan yang telah dilakukannya adalah sebagai berikut:

1. Memula dan mengatur secara sistematik pengajaran Quran dan bahasa Arab kepada orang-orang Sulu yang berpusat di masjid dan surau.
2. Membina lebih banyak lagi masjid dan surau di kampung-kampung untuk dijadikan pusat masyarakat dan penyebaran ugama Islam.
3. Mengatur pemerintahan Kepulauan Sulu mengikut wilayah-wilayah yang diketuai oleh pemimpin mereka yang digelar "Panglima".
4. Memulakan satu sistem cukai yang adil.
5. Menyusun sistem perundangan yang berasaskan undang-undang Islam dan adat-adat lama yang sesuai. Berdasarkan ini telah menggubal "Undang-undang Sulu" yang digunakan berterusan kemudiannya.
6. Untuk mentadbirkan undang-undang itu ia telah memulakan sistem mahkamah bagi menjalankan hukuman.

Sultan Abu Bakar telah berjaya menubuhkan sebuah kesultanan yang kukuh di Kepulauan Sulu dan pengaruhnya telah sampai ke pulau-pulau Visayas, Luzon, Sulawesi, Palawan dan Borneo Utara. Selain dari mentadbir dan mengembangkan ugama, baginda juga mengadakan hubungan perniagaan dengan Cina, Jepun, Melaka, Sumatera dan Jawa. Kerana usahanya inilah pemerintahan dan masyarakat Islam yang kukuh telah ditubuhkan sehingga tidak dapat diruntuhkan oleh serangan kuasa asing kemudiannya. Sistem tersebut telah ditiru oleh pemimpin-pemimpin Islam di Mindanao



yang menyebabkan masyarakat mereka juga dapat mempertahankan diri dari serangan luar.

Satu hasil yang wujud dari sistem masyarakat Sultan Abu Bakar ialah melahirkan orang-orang yang kuat berugama Islam dan berpegang teguh kepada konsep jihad. Inilah yang menyebabkan mereka sanggup berperang selama beratus-ratus tahun melawan Sepanyol untuk mempertahankan kemerdekaan mereka.

20. Sultan Kudrat (1610–1660)
Sultan Perkasa di Filipina

Seorang lagi pemimpin perkasa orang-orang Moro di selatan Filipina ialah Sultan Kudrat (Yang Kuat). Seperti yang telah disebutkan, di masa pemerintahan Sultan Abu Bakar selama 30 tahun (1450–1480), baginda telah dapat mengislamkan penduduk-penduduk Sulu. Pada T.M. 1474, Syarif Kabungsuan dari Johor telah mengembangkan ugama Islam di situ dan telah berkahwin dengan Tonina, putri raja Cotabato. Dari situ ugama Islam disebarkan pula ke utara sehingga terdirinya kerajaan Islam di Manila pada T.M. 1571 di bawah pimpinan Sultan Sulaiman. Tetapi, tentera Sepanyol di bawah Legaspi telah menewaskannya. Dengan itu berakhirlah kekuasaan Islam di utara Filipina.

Kerajaan Sepanyol yang berpusat di Manila cuba menakluki seluruh Filipina. Mereka hanya berjaya menakluki kawasan seluruh utara Filipina yang belum dipengaruhi Islam, tetapi gagal menakluki pulau Mindanao dan Sulu yang penduduknya telah kukuh menganut ugama itu. Pada T.M. 1598 dengan diketuai oleh Kapten De Figueroa angkatan Sepanyol telah memulakan serangan ke atas Sulu. Sungguhpun Sultan Panguian telah kalah pada mulanya, tetapi kemudiannya dapat merebut semula Sulu dari tangan Sepanyol.

Pada T.M. 1596, tentera Sepanyol di bawah Kapten Gabriel Rivera menyerang Cotabato di Mindanao tetapi dapat dikalahkan oleh orang-orang Moro di bawah pimpinan Datuk Buissan dari Cotabato dan Datuk Silongan dari Buayan. Sebagai serangan balas, pada T.M. 1599 mereka berdua telah memimpin satu angkatan perang menyerang orang-orang Sepanyol di Pulau-pulau Panay, Negros dan Cebu. Mereka memusnahkan kota-kota penjajah itu dan membawa balik 800 orang tawanan Kristian.

Setelah Datuk Buissan meninggal dunia kerajaan Mindanao terbagi tiga. Anaknya Sultan Kudrat telah meng-



LAUTAN PASIFIK

LAUT CINA SELATAN

LUZON

FILIPINA

Manila

Panay

Palawan

Negros

Cebu

Cagayan

Maranao

LAUT SULU

Tasik Lanao

MINDANAO

Cotabato

Davao

Zamboanga

Basilan

Jolo

Sulu

LAUT SULAWESI

Kawasan-kawasan yang berkaitan dengan Sultan Kudrat.



gantikannya dan menjadi Sultan Mindanao yang terkuat sekali dalam sejarah Filipina. Ia adalah dari keturunan Syarif Kabungsuan, Sultan pertama yang mendirikan kesultanan Mindanao yang berpusat di Cotabato. Ia juga meluaskan kekuasaannya hingga ke Semenanjung Zamboanga, Maranao, Bwayan, dan Davao. Sultan Kudrat sangat dihormati oleh orang-orang Islam yang lain. Datu Ache, pemimpin Sulu pernah meminta pertolongannya untuk menentang orang-orang Sepanyol manakala orang-orang Islam di Ternate sanggup pula memberi bantuan kepadanya. Melalui cara diplomasi baginda mendapat bantuan senapang dan meriam dari Belanda untuk melawan Sepanyol. Ibu kotanya, Cotabato telah dibentengi dengan kota-kota yang kuat dan meriam-meriam besar bergelar *lantaka*.

Sultan Kudrat mengadakan satu sistem ekonomi yang cekap untuk membiayai peperangannya. Ia juga telah menggalakkan penanaman buah-buahan dan ternakan lembu kambing. Tukang-tukang terdiri dari orang-orang Cina dan Mindanao untuk membuat meriam dan ubat bedil dari bahan-bahan dalam negeri. Kerana baginda sedar bahawa peperangan dengan Sepanyol akan mengambil masa yang panjang, baginda telah menyediakan kekuatan ekonomi dan tentera dalam negeri di samping menggunakan diplomasi di luar negeri untuk mendapatkan sokongan Belanda, yang berseteru dengan Sepanyol.

Pada bulan Januari 1610, tentera Sepanyol di bawah Major Francisco Ruiz telah menyerang Mindanao tetapi dapat dikalahkan oleh Sultan Kudrat. Major itu telah terbunuh dan serangan ke atas Mindanao reda sedikit. Pada T.M. 1627 dan 1628, orang-orang Sepanyol menumpukan serangan ke Jolo tetapi dapat juga dikalahkan oleh orang-orang Moro.

Selepas itu, orang-orang Sepanyol telah mengubah strateji mereka dengan mendirikan kota yang kuat di Zamboanga, Mindanao supaya kota ini akan menjadi batu penghalang bagi gerakan orang Islam dan menjadi markas gerakan bagi orang-orang Sepanyol. Kota Zamboanga itu telah didirikan pada bulan Arpil 1635, dipertahankan oleh 1,000 orang Kristian Filipina dan 300 orang Sepanyol. Pada bulan Disember 1636 Datuk Tagal, saudara Sultan Kudrat telah ditugaskan untuk menyerang Zamboanga tetapi telah tewas.

Pembinaan Kota Zamboanga telah memberi tiga kemudahan kepada pihak Sepanyol:

Pertama, Sepanyol dapat menyediakan satu angkatan laut di situ untuk menentang angkatan laut Moro sebelum mereka



sampai ke pulau-pulau Visayas dan tempat-tempat Kristian yang lain.

Kedua, maklumat tentang kemungkinan serangan dari orang-orang Moro boleh diketahui dengan cepat dan amaran boleh disampaikan ke Manila dengan segera.

Gabenor Jeneral Sepanyol yang baru, Don Sebastian Hurtado de Corcuera adalah orang yang ingin bertindak, telah bersiap sedia untuk menakluki Mindanao. Pada T.M. 1637, ia menyerang secara mengejut dan mengalahkan Sultan Kudrat di Lamitan dengan menakluki benteng-bentengnya. Mereka membakar rumah penduduk-penduduk dan juga kitab-kitab ugama Islam di situ serta merampas harta orang-orang Moro. Tetapi jumlah kematian di pihak mereka pun sangat besar. Sultan Kudrat telah mendapat luka lalu melarikan diri dengan menutup mukanya dengan tanah lumpur supaya tidak dikenali. Corcuera telah melantik Monkay, raja Bwayan menjadi Sultan di Mindanao.

Sultan Kudrat pula telah berusaha mengumpulkan semula kuasanya untuk menghalau orang-orang Sepanyol itu. Baginda berjaya menarik datuk-datuk di Maranao supaya menyokongnya semula. Dengan bantuan mereka, benteng Sepanyol di Dansalan telah dapat ditawan. Kemudian baginda menyerang orang-orang Sepanyol di Cagayan, Lanoa dan Visayas. Sultan Kudrat mengadakan perikatan dengan Datuk Ache dari Sulu untuk membolehkan menyerang Sepanyol di Pulau-pulau lain supaya tentera Sepanyol dapat dipecahkan. Datuk Ache sangat dihormati oleh orang-orang Sepanyol kerana ia merupakan "Kapten yang sangat berani dan pintar." Sultan Kudrat dapat memulihkan kuasanya di Mindanao sehingga T.M. 1645. Pihak Sepanyol, terpaksa mengadakan perdamaian untuk memberhentikan serang-menyerang dan menggalakkan perniagaan di antara kedua pihak.

Satu lagi kesan serangan balas Sultan Kudrat ini ialah pihak Sepanyol terpaksa mempertahankan bandar-bandar mereka di utara Filipina. Mereka merasa begitu bimbang sehingga mengabaikan pertahanan dan kedudukan mereka di Formosa dan kota mereka di situ telah dapat dirampas oleh Belanda.

Tiga belas tahun kemudiannya (T.M. 1658) Sepanyol telah menyerang balas Sultan Kudrat tetapi dapat ditewaskan di Simway. Peperangan berjalan terus selepas mangkatnya Sultan Kudrat, sehinggalah K.M. XIX. Orang-orang Moro tetap tidak mengaku kalah, malah pada T.M. 1769 mereka



telah berjaya mendarat di Manila dan merampas barang-barang serta menawan sejumlah orang-orang Kristian Filipina dan Sepanyol.

Ketokohan Sultan Kudrat sebagai pemimpin dapat dilihat dari kebolehannya menyatupadukan datuk-datuk di Mindanao dan Sulu untuk sama-sama menentang Sepanyol. Sungguhpun baginda diangkat sebagai Sultan Mindanao, tetapi kuasanya terhad di daerah Cotabato saja. Sebenarnya Mindanao terbahagi kepada beberapa kerajaan kecil di bawah datuk-datuk yang merdeka. Keyakinan datuk-datuk ini kepada Sultan Kudrat yang menyebabkan mereka bersatu itu kemudiannya menjadi bertambah kuat sehingga mereka masih taat kepada baginda sungguhpun telah mengalami kekalahan teruk pada T.M. 1637.

21. Syekh Yusuf Tajul Khalwati (1626—1699) Ulama, Negarawan dan Pahlawan

Bagi seorang Islam, tempat untuknya berkhidmat adalah di mana-mana saja dia berada. Dan Syekh Yusuf Tajul Khalwati, seorang anak Melayu dari Makasar telah menunjukkan contoh peribadi Islam yang sejati ini. Kerana khidmatnya yang cemerlang, beliau telah dihormati di empat buah negara yang berpisah beribu-ribu batu jauhnya, iaitu Makasar, Bantam, Selon dan Afrika Selatan.

Syekh Yusuf dilahirkan pada 3 Julai 1626 di Makasar. Nama ringkasnya Muhammad Yusuf dan gelarannya Syekh Haji Yusuf Abul Mahasin Hadiyatullah Tajul Khalwati Al-Magasyari (Syekh Haji Yusuf yang empunya berbagai macam kebajikan, Anugerah Allah, Mahkota Khalwatiyah, anak Makasar). Gelaran "Syekh" diterimanya kerana telah diberi izin oleh gurunya mengajar tarikat Ilmu Tasauf kepada orang lain, setelah lulus dan mencapai darjat yang tinggi dalam Tarikat Khalwatiyah. Gurunya telah memberikan gelaran Tajul Khalwativah.

Syekh Yusuf adalah keturunan dari keluarga bangsawan. Beliau dilahirkan setelah kira-kira 23 tahun keluarga Kerajaan Makasar memeluk Ugama Islam dengan resminya pada T.M. 1603. Sejak kecil lagi beliau telah diajar hidup secara Islam, belajar Quran, fekah dan ilmu bahasa Arab tetapi kecenderungannya ialah kepada Ilmu Tasauf. Di samping itu, sebagaimana bangsawan Makasar yang lain beliau juga belajar ilmu peperangan.

Setelah tamat pelajarannya di Makasar Syekh Yusuf mencari guru di luar negeri pula. Beliau meninggalkan negeri-



nya pada 22 September 1645 menumpang sebuah kapal dagang kepunyaan orang Portugis dan pergi ke Bantam (Jawa Barat). Di sini beliau sangat dihormati kerana ilmu pengetahuannya, sambil itu juga beliau belajar dengan guru-guru di situ. Di masa inilah Syekh Yusuf bersahabat dengan Putra Mahkota bernama Ageng Tirtajasa yang kemudiannya menjadi Sultan Bantam.

Dari Bantam Syekh Yusuf pergi pula ke Aceh dan belajar dengan ulama besar Syekh Nurudin Ar-Raniri, di zaman pemerintahan Sultanah Tajul Alam (janda Sultan Iskandar Thani). Dari Syekh Nurudin, beliau mendapat ijazah tarikat Qadariyah.

Setelah belajar di Aceh Syekh Yusuf meneruskan pelajarannya ke Yaman dan mendapat ijazah tarikat Nagshabandiah. Di Zubaid (di Yaman juga) beliau telah menerima ijazah Assadah Al-Baalawiyah. Dari situ beliau pergi ke Mekah untuk belajar dan menunaikan fardu haji. Kemudian terus ke Madinah dan menerima ijazah tarikat Shatariah. Dari Madinah Syekh Yusuf pergi pula ke Syam untuk belajar dan menerima ijazah tarikat Khalwatiyah. Syekh tarikat itu adalah imam di Masjid Shaichal Akhbar Muhyidin Ibnu Arabi di Damascus. Beliaulah yang memberi gelaran Tajul Khalwati kepada Syekh Yusuf kerana pengetahuan dan darjat yang tinggi dalam tarikat itu. Setelah itu ada juga cerita yang mengatakan Syekh Yusuf telah pergi ke Istanbul. Pengembaraannya untuk mendalamkan ilmu pengetahuan ini telah memakan masa selama lebih kurang 22 tahun.

Setelah cukup pelajarannya, Syekh Yusuf pun kembali ke Makasar untuk mengembangkan ilmunya. Tetapi beliau mendapati negerinya telah dijajah oleh Belanda setelah Sultan Hasanudin kalah dan menandatangani Perjanjian Bongaya pada 18 November 1667. Beliau cuba mengadakan reformasi moral di Makasar mengikut ajaran Islam kerana pada pendapatnya moral yang sedia ada itu telah menyebabkan kelemahan rakyat. Beliau telah mengadap Sultan supaya melarang orang-orang meminum arak, berjudi dan melakukan maksiat-maksiat yang lain. Sultan tidak bersetuju dengan anjurannya itu dengan alasan bahawa kebiasaan itulah yang membuat orang-orang Makasar menjadi perkasa. Syekh Yusuf berkata dengan terus-terang, "Inilah pangkal kejatuhan Makasar. Makasar akan hancur pecah berderai laksana perkapuran ini," sambil menghempaskan tempat kapur sirih dari tangannya ke lantai hingga hancur.



Setelah rancangannya gagal, beliau telah menumpukan masa untuk mengajar dan memberi ijazah kepada beberapa orang muridnya di samping terus mengembangkan terus ajaran-ajarannya. Kemudian beliau meninggalkan Makasar walaupun ditahan oleh Sultan dan rakyatnya. Beliau berasa kurang berhasil di Makasar kerana Sultan tidak menyokong usahanya untuk mengadakan reformasi moral itu.

Syekh Yusuf pergi ke Bantam yang ketika itu di bawah pemerintahan Sultan Ageng Tirtajasa (1651–1962) dan mendapat sambutan yang baik dari Sultan dan rakyat Bantam. Disebabkan Bantam masih merdeka, perhatian orang kepada ugama lebih kuat daripada di Makasar. Sultan Ageng pula sangat tertarik akan Ilmu Tasauf dan baginda pun mempelajarinya dari Syekh Yusuf. Akhirnya Syekh Yusuf telah berkahwin dengan putri Sultan Ageng. Oleh kerana alim dan luas pengalamannya, Syekh Yusuf telah dilantik oleh Sultan menjadi mûfti kerajaan dan penasihatnya dalam urusan pemerintahan. Ilmu peperangan yang dipelajarinya dulu akan berguna dalam tugasnya ini.

Sultan Ageng inginkan Bantam menjadi sebuah kerajaan yang besar serta menjadi pembela dan penyebar ugama Islam. Untuk memberi pengalaman kepada putra mahkotanya, baginda telah melantiknya menjadi Sultan Muda. Bagi mengukuhkan semangat keislaman Sultan Muda, baginda telah menyuruhnya pergi menunaikan fardu haji di Mekah dan melawat negara-negara Islam di Timur Tengah termasuk Madinah dan Baitul Mukadis. Sultan Muda juga telah melawat Istanbul dan membuat perhubungan dengan Sultan Turki pada T.M. 1675.

Setelah berada di luar negeri selama setahun, beliau pun pulang ke Bantam pada T.M. 1676 dan terkenal dengan gelaran Sultan Haji. Sekembalinya ke Bantam beliau mendapati bahawa adiknya Pangeran Purbaya yang berkahwin dengan anak Perdana Menteri Bantam akan dijadikan putra mahkota. Beliau pun mencari jalan untuk mendapatkan sokongan dari Belanda supaya terus berkuasa di Bantam. Akhirnya terjadilah peperangan antaranya dengan Sultan Ageng. Tentera bapanya diketuai oleh Syekh Yusuf manakala tenteranya dibantu oleh tentera Belanda dan orang-orang Kristian Ambon di bawah Kapten Jongker. Kerana mempunyai senjata yang banyak, pihak Belanda dapat mengalahkan Sultan Ageng dan menawan markasnya di Tirtajasa pada T.M. 1682. Sultan Ageng dan Syekh Yusuf berundur ke pedalaman untuk terus berjuang. Tetapi selepas berjuang



selama setahun, mereka telah kehabisan alat-alat dan kelengkapan peperangan yang akhirnya terpaksa menyerah kepada Belanda pada T.M. 1683. Sultan Ageng telah dibuang ke Betawi dan meninggal di situ pada T.M. 1695.

Syeikh Yusuf pula telah diasingkan ke Selon pada T.M. 1683 kerana Belanda takut pengaruhnya boleh menaikkan semangat rakyat Bantam untuk menentangnya. Ketika itu beliau berusia 57 tahun. Di Selon beliau telah mengajar ilmu Tasauf kepada orang-orang Melayu dan Islam yang lain. Di sini beliau telah mengarang beberapa buah kitab Tasauf untuk panduan pelajar-pelajar atas cadangan dari seorang ulama Tasauf Hindustan bernama Syekh Ibrahim bin Michan. Mereka berhubung dengan menggunakan bahasa Arab.

Kitab-kitab yang dikarang oleh Syekh Yusuf adalah seperti berikut:

1. At-Tuhfatus-Sailaniyah.
2. Al-Habul Warid.
3. Tuhfatul Labib.
4. Safinat An-Najat.
5. Zubdatul Asrar.
6. Tuhfatur Rabbaniyah.

Kitab-kitab tersebut dihantar juga kepada bekas murid-muridnya di Makasar dan Bantam melalui jemaah haji yang singgah di Selon dalam perjalanan pulang dari Mekah.

Apabila orang-orang Makasar, Bantam dan Aceh dalam perjalanan pergi atau pulang dari Mekah mereka selalu singgah di Selon untuk belajar dan menziarahi Syekh Yusuf. Orang-orang dari Hindustan juga datang belajar kepadanya sehingga namanya menjadi masyhur di Hindustan. Namanya juga telah terkenal dan sampai ke pengetahuan Maharaja Mogul. Aurangzeb (1659—1707) yang warak dan telah mengingatkan Belanda supaya menjaga Syekh Yusuf dengan baik. Kalau tidak ia tidak akan memandang ringan terhadap perkara itu.

Disebabkan Belanda merasa curiga akan Syekh Yusuf yang masih dapat memainkan peranan menggalakkan penentangan terhadap mereka di Indonesia melalui jemaah-jemaah haji tadi, mereka pun memindahkannya ke Cape Town, Afrika Selatan pada T.M. 1694. Bersama-sama Syekh Yusuf ialah dua orang isteri dan anak-anaknya serta 94 pengiring dan murid-muridnya. Mereka telah ditempatkan di desa Zandfliet. Syekh Yusuf terus mengajar ilmu Tasauf kepada orang-orang Arab dan orang-orang Hindustan yang berniaga dan kepada orang-orang Indonesia yang dibuang negeri ke



situ. Beliau terus menjadi imam dan menyusun sebuah masyarakat Islam yang teratur. Setelah berada di situ selama lima tahun, beliau telah meninggal dunia di Earste River, Zandfliet pada 23 Mei 1699 dalam usia 73 tahun.

Atas desakan pembesar-pembesar, ulama-ulama dan Sultan Makasar, Belanda telah membawa peti jenazah Syekh Yusuf ke Makasar dan dikebumikan di Jongaya, Makasar pada 23 Mei 1703 dengan penuh upacara. Tetapi, orang-orang Islam di Cape Town masih menghormati kuburnya kerana mereka menganggap itulah kuburnya yang sebenar. Sehingga sekarang kubur Syekh Yusuf dianggap sebagai keramat di kedua-dua tempat itu.



Bibliografi

I. **Zaman Sriwijaya**

1. Briggs, L.P. *The Ancient Khmer Empire.* Philadelphia, 1951.
2. Devahuti, D. *India and Ancient Malaya.* Singapore: Donald Moore, 1965.
3. Hall, D.G.E. *A History of South East Asia.* London: Macmillan, 1964.
4. Paranavitana, S. *Ceylon and Malaysia.* Colombo: Lake House Investments, 1966.
5. Quaritch Wales, H.G. *Angkor and Rome (A Historical Comparison).* London: B. Quaritch, 1965.
6. Schnitgher, F.M. *Forgotten Kingdoms of Sumatra.* Leiden: E.J. Brill, 1939.
7. Vlekke, B.H.M. *Nusantara, A History of Indonesia.* (Rev. ed). The Hague and Bandung: W. Van Hoeve Ltd. 1959.
8. Wheatley, P. *The Golden Cherosonese.* Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1966.
9. ——. *Impression of the Malay Peninsula in Ancient Times.* Singapore: Donald Moore, 1964.

II. **Zaman Singhasari dan Majapahit**

1. Anwar Sanusi. *Sejarah Indonesia Untuk Sekolah Menengah.* Buku I–III. Bandung: Pustaka Pakuan, 1956.
2. Campbell. *Java: Past and Present.* London: W. Heinemann, 1915.
3. Coedes, G. *The Indianezed States of South East Asia.* Translated by H.M. Wright. London: Routledge & Kegan Paul, 1966.
4. Hall, D.G.E. *A History of South East Asia.* London: Macmillan, 1964.
5. Slamet Muljana. *Menuju Puncak Kemegahan (Sejarah Majapahit).* Jakarta: P.N. Balai Pustaka, 1965.

III. **Zaman Kerajaan-kerajaan Islam (Melaka, Jawa dan Aceh)**

1. Arnold, T.W. *The Preaching of Islam.* (New Ed.). Lahore: Shirkat – i – Qualam, 1956.
2. Bastin and Winks. *Malaysia Selected Historical Readings.* Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1966.
3. Haji Abdul Malik b. Karim Amirullah (Hamka). *Sejarah Umat Islam.* Kuala Lumpur: Pustaka Antara 1965.
4. ——. *Dari Perbendaharaan Lama.* Medan: Firma Maju, 1965.
5. Hall, D.G.E. *A History of South East Asia.* London: Macmillan, 1964.
6. Isidro, M. dan Saber, M. *Muslim Philippines.* Mindanao State University, 1968.
7. Iskandar, Teuku. "Nuruddin Ar-Raniri Pengarang Abad 17". *Dewan Bahasa,* Jil. VII, Bil. 10, Oktober 1964.



8. – –. *Nuruddin Ar-Raniri, Bustanus Salatin, Bab III, fasal 13.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1960.

9. Khalid Hussain (Ed.). *Taj us-Salatin.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966.

10. Molina, A.M. *The Philipine, through the centuries.* Manila: U.S.T. Cooperative, 1960.

11. Nasution. A.A. *Sejarah Melayu Raya.* Pulau Pinang: Arrawi Press, 1955.

12. Saleeby N.M. *The History of Sulu.* Manila: Philipine Book Guild, 1963.

13. Samuel K. Tan. *Sulu Under American Military Rule.* Quezon City: University of Philippines, 1968.

14. Sejarah Melayu – Edisi Shellabear, Singapura: Malaya Publishing House, Ltd., 1960.

15. "Seminar Sejarah Masuknya Islam Ke Indonesia", Medan: Panitia Seminar, 1963.

16. Slamet Muljana. *Runtuhnya Kerajaan Hindu Jawa dan Timbulnya Negara-negara Islam di Nusantara.* Jakarta: Bhratara, 1968.

17. Syed Naguib Al-Attas. *The Origin of the Malay Shair.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968.

18. ––. *The Mysticism of Hamzah Fansuri.* Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1970.

19. ––. *Raniri and the Wujudiyyah of 17th century Aceh,* monograph iii. MBRAS, Singapore 1966.

20. Winstedt, R.O. "A History of Classical Malay Literature," Rev. edition", *JMBRAS.* XXI, iii (1958), 1–261.

21. ––. *A History of Malaya.* Singapore: Marican, 1962.



